Pendakwa Raya lwn Kunasegaran a/l Ragavanaidu dan satu kes lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — KES JENAYAH NO WA-45B-3–1 TAHUN 2016 DAN WA-45B-4–1 TAHUN 2016
AZMAN ABDULAH H
7 SEPTEMBER 2021

Undang-Undang Jenayah — Bunuh — Niat bersama — Tertuduh-tertuduh dipertuduh membunuh di bawah s 302 dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan — Sama ada inti pati pertuduhan dipenuhi — Sama ada tertuduh-tertuduh mempunyai niat yang sama untuk melakukan bunuh terhadap si mati — Sama ada SP54 merupakan rakan sejenayah — Sama ada pembelaan tertuduh-tertuduh menimbulkan keraguan munasabah — Kanun Keseksaan ss 34 & 302

Tujuh orang tertuduh (T1–T7) telah dituduh membunuh Anthony Kevin Morais a/l Francis Albert Morais ('si mati') di bawah s 302 dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan ('KK'). Walau bagaimanapun, pertuduhan ke atas T2 digugurkan selepas dia mengaku salah kepada pertuduhan pilihan di bawah s 201 KK. Oleh itu, perbicaraan diteruskan terhadap T1 dan T3–T7 ('tertuduh-tertuduh') dan T2 memberi keterangan di pihak pendakwaan sebagai saksi SP54. Sehari sebelum kejadian, T3–T7 bergerak dari Kedah menuju ke Kuala Lumpur dengan menggunakan sebuah kenderaan jenis Mitsubishi Triton ('Triton'). T3–T7 bersarapan di sebuah restoran bersama-sama SP54. Selesai bersarapan, mereka pergi ke kondominium si mati dan membuat pemerhatian. T7 dan SP54 kemudian beredar manakala T3–T6 pula menginap di sebuah hotel di Petaling Jaya yang dibayar oleh T7. Keesokan hari, iaitu hari kejadian, SP54 dan T3–T7 berjumpa semula di restoran. Selesai bersarapan, SP54 bersama T7 menaiki sebuah kenderaan jenis Proton Perdana ('Perdana') manakala T3–T6 menaiki Triton, bergerak ke kondominium si mati. Kesemua mereka mengekori kereta si mati setelah si mati keluar dari kondominium tersebut. Apabila tiba di satu lampu isyarat, T7 turun dari Perdana dan menaiki Triton. Kereta si mati kemudiannya dilanggar oleh Triton. Manakala SP54, setelah T7 turun dari kereta, telah beredar dari situ. Selepas itu, T6 tiba di tempat SP54 berada dan memberitahunya bahawa mereka perlu menghantar Perdana ke sebuah bengkel. Semasa tiba di bengkel tersebut, SP54 melihat T7 telah berada di situ berdiri bersebelahan kereta si mati. T7 mengambil kunci Perdana dan SP54 dihantar oleh T6 ke kedai SP54. Tiga jam kemudian, T6 datang semula ke kedai SP54 dan memberitahu bahawa T7 meminta bantuan untuk mencari sebuah tong drum. SP54 dan T6 membawa balik tong drum yang dibeli ke kedai SP54. Setelah T6 beredar, SP54 keluar membeli konkrit simen untuk kerja-kerja pengubahsuaian

kedainya. Apabila kembali ke kedainya, SP54 dapati T6 dan T7 telah berada di situ. Semasa SP54 dan pekerjanya meratakan simen, T7 meminta SP54 untuk memasukkan sedikit simen ke dalam tong drum yang diletakkan di kedainya sebelum itu. Semasa memasukkan simen, SP54 nampak sebuah guni yang tidak diketahui isi kandungannya telah ada di dalam tong drum tersebut. Kemudian, T6 dan T7 telah mengecat tong drum tersebut dan mereka beredar bersama-sama SP54 meninggalkan tong drum tersebut di kedai SP54. Mereka bertiga pergi semula ke bengkel. Pemilik bengkel tersebut ('SD8') membawa empat tong petrol yang kesemuanya dimasukkan ke dalam Triton. SP54, T6 dan T7 menaiki Triton dan pergi ke sebuah taman perumahan. Sampai di taman perumahan tersebut, T7 menuju ke arah sebuah kereta yang didapati sebagai kereta si mati. T7 mengambil kesemua tong yang berisi petrol dan meletakkannya ke dalam kereta simati. T7 kemudian memandu kereta si mati ke Hutan Melintang manakala T6 dan SP54 menaiki Triton mengekori T7. Dalam perjalanan, T7 turun dari kereta si mati dan membuang satu bungkusan di sungai berhampiran jeti di Kuala Selangor. Setibanya di Hutan Melintang, T6 dan SP54 menunggu di bahu jalan manakala T7 memandu kereta si mati masuk ke dalam ladang kelapa sawit. Lebih kurang 20–30 minit kemudian, T7 kembali ke Triton dengan berjalan kaki dan memberitahu T6 dan SP54 bahawa kereta si mati telah dibakar. Mereka bergerak pulang dengan Triton. Pada keesokannya, SP54 ke kedainya dan melihat T3 dan T6 menunjukkan kesan darah mengalir keluar dari tong drum tersebut. Dalam ketakutan, SP54 beredar meninggalkan kedainya dan berjumpa dengan T1 di sebuah stesen minyak. SP54 memberitahu T1 berkenaan dengan apa yang telah berlaku di kedainya. T1 dalam keadaan tersenyum bertindak menenangkan SP54 dan menasihatkan agar SP54 untuk tidak mengambil tahu dan tidak masuk campur. SP54 kemudian singgah di kedainya dan mendapati tong drum tersebut telah tiada dan tempat tersebut telah dibersihkan. Pada keesokannya, SP54 bertemu semula T1 dan T1 menunjukkan dari telefon bimbitnya satu gambar kereta terbakar sambil memberitahu SP54 bahawa kereta tersebut adalah kereta pendakwa raya yang hilang iaitu si mati. Satu laporan polis telah dibuat oleh adik si mati tentang kehilangan si mati. Hasil siasatan polis membawa kepada penemuan berikut: (a) kesan DNA si mati pada sarung tangan di dalam Triton dan pintu tandas di bengkel; (b) kesan DNA si mati, T6 dan T7 pada sehelai baju T di dalam Perdana; (c) sebuah grinder dan sekeping kad Touch 'n Go milik si mati di dalam sungai di Kuala Selangor; (d) tong drum yang mengandungi karung guni dan mayat disahkan sebagai si mati di dalam paya; (e) keberadaan tertuduh-tertuduh berhampiran dengan tempat perlanggaran di antara kereta si mati dan Triton, di kondominium si mati dan di bengkel; dan (f) rakaman CCTV menunjukkan kereta si mati diekori oleh Triton sebelum dilanggar dari arah belakang. Tangkapan telah dibuat ke atas tertuduh-tertuduh termasuklah SP54 dan tertuduh-tertuduh dibicarakan di bawah s 302 KK. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap T1 dan T3–T7 bagi pertuduhan di bawah s 302 dibaca bersama s 34 KK. Tertuduh-tertuduh telah diperintahkan untuk membela diri.

Diputuskan, mensabitkan tertuduh-tertuduh dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas tertuduh-tertuduh:

(1) Inti pati pertama telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan bahawa mayat yang dijumpai di dalam karung guni di dalam tong drum adalah mayat si mati. Bedah siasat ke atas mayat si mati, menyatakan bahawa punca kematian si mati adalah 'probable asphyxiation (suffocation)' ataupun kelemasan udara. Oleh itu, pihak pendakwaan telah memenuhi inti pati kedua. Bagi inti pati ketiga, pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan ikut keadaan (*circumstantial evidence*) untuk membuktikan pertuduhan tersebut terhadap kesemua tertuduh. Terdapat fakta yang menunjukkan T3–T7 merupakan orang yang terakhir berada bersama si mati berdasarkan keterangan ikut keadaan. Keterangan jelas menunjukkan T3–T7 merupakan orang terakhir yang ada bersama si mati. Niat, bagi membuktikan inti pati keempat, boleh dilihat berdasarkan s 300(c) KK. Ini dapat dirujuk dari segi kecederaan yang terdapat pada tubuh badan si mati dan juga keadaan si mati semasa ianya dijumpai serta punca kematian si mati. Perbuatan T6 dan T7 memandu arah ke tempat di mana barang kes yang dijumpai serta dengan menunjukkan ke arah barang kes yang ditemui merupakan suatu keterangan perlakuan dan pengetahuan T6 dan T7 yang mana ianya boleh diterima masuk sebagai keterangan di bawah s 8 Akta Keterangan 1950. Tambahan lagi, adalah jelas menunjukkan motif bahawa T1 tidak berpuas hati dengan tindakan si mati yang mengendalikan kes rasuahnya. Oleh itu, pihak pendakwaan telah memenuhi inti pati keempat bagi kesalahan di bawah s 302 KK (lihat perenggan 63, 66, 73–74, 86–87, 95, 103 & 109–110).

(2) Kehadiran T1 di setiap tempat untuk menunjukkan penglibatan beliau dalam pembunuhan si mati adalah tidak perlu, dan boleh dibuat secara inferens. Penglibatan T1 boleh dilihat apabila hanya T1 yang mengenali si mati. Selain itu, keterangan SP54 bahawa T1 telah menunjukkan gambar kereta si mati terbakar yang berada di dalam telefon bimbit T1 jelas menunjukkan bahawa T1 mempunyai pengetahuan terhadap perlakuan T3–T7 dalam pembunuhan si mati. Tindakan T3–T7 yang berkumpul di sebuah restoran sebelum ke tempat kejadian, perlanggaran dan juga telah menculik si mati jelas menunjukkan mereka mempunyai niat yang sama untuk membunuh si mati. T1 dan T3–T7 mempunyai niat bersama untuk membunuh si mati. Oleh yang demikian, satu kes di bawah s 302 KK yang dibaca bersama s 34 KK telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan (lihat perenggan 117, 120–121 & 123).

(3) SP54 merupakan rakan sejenayah berdasarkan alasan bahawa, antara lain, dia berada hampir di setiap tempat bersama tertuduh-tertuduh dan telah mengaku salah terhadap pertuduhan pilihan di bawah s 201 KK kerana telah membantu melupuskan mayat si mati. Selain itu,

keterangan yang diberikan oleh SP54 yang merupakan rakan jenayah adalah konsisten dengan keterangan sokongan yang ada (lihat perenggan 131 & 133).

(4) Pembelaan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan adalah bersifat pemikiran terkemudian. Tiada sebab untuk T7 membawa dan menunjukkan kunci kereta si mati kepada T1 kecuali memang T1 ada kaitan dengan kemalangan kereta si mati dan kehilangan si mati. Dalam kesemua tertuduh, hanya T1 yang ada kepentingan ke atas kematian si mati. Tiada tertuduh lain yang ada masalah berkaitan dengan si mati, kecuali T1 sahaja. T1 ada motif untuk membunuh si mati, berbanding semua tertuduh lain. Pernyataan T1 bahawa dia tiada dendam, dan memuji si mati dalam mengendalikan kes rasuahnya dan timbalan pendakwa raya silih berganti hanya tinggal pernyataan yang berlawanan dengan tindak-tanduk T1 yang gagal untuk keluarkan si mati dari mengendalikan kes T1 di mahkamah sebelum ini. Penglibatan T1 dengan T7 juga tidak dapat dinafikan dengan merujuk kepada panggilan telefon antara T1 dan T7 yang menyokong bahawa T1 dan T7 ada pakatan. Kelakuan T1 semasa memberi keterangan pembelaan juga dilihat. Reaksi T1 yang memekik semasa memberi penjelasan boleh memberi adverse comment terhadap beliau sendiri (lihat perenggan 226, 232, 235, 242 & 251).

(5) Dalam pembelaan tertuduh yang lain, terdapat keterangan-keterangan pernyataan yang tidak menimbulkan keraguan munasabah dan tidak berasas. Tiada penjelasan mengapa T3 yang tinggal di Subang Jaya perlu bersama-sama dengan T4, T5 dan T6 menginap di hotel. Inferen adalah mereka semua adalah berpakat untuk menginap di hotel dan berpakat dalam semua tindakan dalam tempoh itu. Tiada penjelasan mengapa T3 pergi ke kondominium si mati bersama-sama kesemua tertuduh itu, sedangkan beliau tiada urusan bersama mereka. Pernyataan T3 bahawa dia tidur semasa berlaku kemalangan adalah suatu perkara baru yang tidak pernah dicadangkan kepada mana-mana saksi pendakwaan (lihat perenggan 255–257).

(6) Tiada apa-apa urusan mengapa T4 datang ke Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun T4 sentiasa ada bersama-sama T3, T5 dan T6. Seawal tujuan datang ke Kuala Lumpur lagi, T4 tiada penjelasan. Ini menunjukkan T4 adalah di bawah kendalian T7 (lihat perenggan 258).

(7) Apabila tiba di Kuala Lumpur, T5 menginap di hotel yang dibayar oleh T7. Tidak munasabah T5 seorang pembeli kereta T7 ditanggung oleh T7. T7 yang menguruskan T5 semasa di Kuala Lumpur dan menunjukkan T5 adalah ada pakatan dengan T7. Walaupun dikatakan tujuan utama T5 datang ke Kuala Lumpur untuk membeli kereta, namun T5 mengakui tidak membawa apa-apa wang untuk membayar kereta itu. T5 balik ke Kedah apabila semua perkara berkaitan dengan

perlanggaran kereta si mati, kehilangan si mati, kereta si mati telah dibakar telah selesai. Oleh itu pembelaan T5 tidak menimbulkan keraguan munasabah bahawa beliau tidak terlibat sama atas kematian si mati (lihat perenggan 261–262 & 265–266).

(8) Keterangan-keterangan berikut tidak menunjukkan SP54 yang memberi arahan kepada T7: (a) keterangan T7 sendiri mengakui SP54 hanyalah pemandunya. Tidak mungkin SP54 mengarahkan T7 sedangkan SP54 adalah pemandu sahaja; (b) orang-orang yang hendak menginap hotel adalah orang-orang yang datang bersama T7, bukan SP54 dan wang bayaran hotel adalah oleh T7; (c) SD8 menyatakan bahawa T7 yang bertanya tempat membeli tong drum, bukan SP54; (d) SP54 tiada di kedainya semasa tong drum dibuang dan kedai dibersihkan; (e) tidak munasabah SP54 yang mengarahkan kereta itu dibawa ke Hutan Melintang, dan T7 yang membuang grinder yang ada kaitan dengan T7 dengan kereta itu; dan (f) SD8 membeli petrol atas arahan T7. Petrol itu tiada apa-apa kaitan dengan SP54. Jadi semua perlakuan dan persiapan membakar kereta si mati dibuat oleh T7. Selain itu, tiada penjelasan diberikan bagaimana DNA si mati boleh ada pada baju yang dipakai T7. T7 juga gagal di dalam pembelaannya memberikan penjelasan berkenaan dengan kesan DNA pada pintu tandas di bengkel walhal SP54 dan SD8 mengesahkan kehadiran T7 di bengkel tersebut. Tertuduh-tertuduh hanya kemukakan pembelaan bersifat berlawanan dengan tidak-tanduk dan kelakuan mereka. Walaupun membawa saksi namun tiada keterangan yang dapat menyokong pembelaan yang dibangkitkan bagi menimbulkan keraguan munasabah (lihat perenggan 269–271).

(9) Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. Kesemua tertuduh dengan ini didapati bersalah kerana atas niat bersama telah membunuh si mati (lihat perenggan 280 & 283).

[English summary

The seven accused (T1–T7) were charged for the murder of Anthony Kevin Morais a/l Francis Albert Morais ('the deceased') under s 302 read with s 34 of the Penal Code ('PC'). However, the charge against T2 was dropped after he pleaded guilty to the optional charge under s 201 of the PC. Consequently, the trial proceeded against T1 and T3–T7 ('the accused') and T2 testified on behalf of the prosecution as witness SP54. The day before the incident, T3–T7 traveled from Kedah heading towards Kuala Lumpur, using a Mitsubishi Triton type vehicle ('Triton'). T3–T7 had breakfast at a restaurant together with SP54. After breakfast, they went to the deceased's condominium and carried out observations. T7 and SP54 then left while T3–T6 stayed at a hotel in Petaling Jaya which was paid for by T7. The next day, which was the day of the incident, SP54 and T3–T7 met again at a restaurant. After breakfast, SP54 and T7 rode a Proton Perdana type vehicle ('Perdana') while T3–T6 rode the

Triton, heading to the deceased's condominium. All of them followed the deceased's car after the deceased exited from the condominium. Upon reaching a traffic light, T7 got down from the Perdana and got into the Triton. The deceased's car was then hit by the Triton. Meanwhile, SP54, after T7 got down from the car, had left the place. After that, T6 arrived where SP54 was and told him that they needed to send the Perdana to a workshop. Upon arriving at the workshop, SP54 saw that T7 was there standing next to the deceased's car. T7 took the Perdana's key and SP54 was sent by T6 to SP54's store. Three hours later, T6 returned to SP54's store and informed that T7 had asked for help to find a drum barrel. SP54 and T6 brought back the drum barrel that had been purchased to SP54's store. After T6 left, SP54 went out to buy cement concrete for renovation works of his shop. Upon returning to his shop, SP54 found that T6 and T7 were already there. While SP54 and his workers were levelling the cement, T7 asked SP54 to put some cement into the drum barrel placed in his shop earlier. While inserting the cement, SP54 saw a sack which contents were unknown was in the drum barrel. Later, T6 and T7 painted the drum barrel and left with SP54, leaving the drums in SP54's shop. The three of them went back to the workshop. The owner of the workshop ('SD8') brought four barrels of petrol which were all put into the Triton. SP54, T6 and T7 rode the Triton and went to a housing area. Upon arriving at the housing area, T7 headed towards a car which was found to be the deceased's car. T7 took all the barrels containing petrol and placed them into the deceased's car. T7 then drove the deceased's car to Hutan Melintang while T6 and SP54 rode the Triton following T7. Along their way, T7 got down from the deceased's car and dumped a package in the river nearby the jetty in Kuala Selangor. Upon arrival at Hutan Melintang, T6 and SP54 waited on the shoulder of the road while T7 drove the deceased's car into the palm tree plantation. Approximately 20–30 minutes later, T7 returned to the Triton on foot and told T6 and SP54 that the deceased's car had been burnt. They went home with the Triton. The next day, SP54 went to his shop and saw that T3 and T6 showed traces of blood flowing out of the drum barrel. In fear, SP54 left his shop and met T1 at a petrol station. SP54 told T1 about what had happened in his shop. T1, while smiling, acted to calm SP54 down and advised SP54 not to take notice and not to interfere. SP54 then stopped at his shop and found that the drum barrel was gone, and the place had been cleaned. The next day, SP54 met T1 and T1 again and showed from his mobile phone a picture of a burning car while telling SP54 that the car was the missing prosecutor's car, ie the deceased. A police report was lodged by the deceased's brother regarding the deceased's disappearance. The results of the police investigation led to the following discoveries: (a) traces of the deceased's DNA on the gloves inside the Triton and the toilet door in the workshop; (b) traces of DNA from the deceased, T6 and T7 on a piece of T-shirt in Perdana; (c) a grinder and a piece of Touch 'n Go card belonging to the deceased in a river in Kuala Selangor; (d) a drum barrel containing a sack and a dead body confirmed as the deceased in a swamp; (e) the presence of the accused near the scene of the collision between the deceased's car and the

Triton, in the deceased's condominium and in the workshop; and (f) CCTV footage showing the deceased's car being followed by the Triton before being hit from behind. Arrests had been made on the accused including SP54 and the accused were tried under s 302 of the PC. The prosecution had succeeded in proving a prima facie case against T1 and T3–T7 for the charge under s 302 read with s 34 of the PC. The accused had been ordered to enter defence.

Held, convicting all the accused and sentencing all the accused to be hanged to death:

(1) The first element had been successfully proven by the prosecution that the dead body found in the sack inside the drum barrel was the corpse of the deceased. The autopsy on the body of the deceased, stated that the cause of death of the deceased was 'probable asphyxiation (suffocation)' or air suffocation. Thus, the prosecution had fulfilled the second element. For the third element, the prosecution relied on circumstantial evidence to prove the charge against all the accused. There were facts that showed that T3–T7 were the last people to be with the deceased based on circumstantial evidence. The evidence clearly showed that T3–T7 were the last people to be with the deceased. The intention, to prove the fourth element, could be seen based on s 300(c) of the PC. This could be referred to in terms of injuries found on the body of the deceased and also the condition of the deceased when it was found and the cause of death of the deceased. The acts of T6 and T7 driving towards the place where the case goods were found and by pointing towards the case goods found were evidence of conduct and knowledge of T6 and T7 which were admissible as evidence under s 8 of the Evidence Act 1950. Furthermore, it clearly showed the motive that T1 was dissatisfied with the actions of the deceased who handled his corruption case. Thus, the prosecution had fulfilled the fourth element for the offence under s 302 of the PC (see paras 63, 66, 73–74, 86–87, 95, 103 & 109–110).

(2) The presence of T1 at every scene to show his involvement in the murder of the deceased was not necessary and may be made by inference. T1's involvement could be seen when only T1 recognised the deceased. Moreover, SP54's evidence that T1 had shown a picture of the burning car of the deceased which was in T1's mobile phone clearly showed that T1 had knowledge of T3–T7's behavior in the murder of the deceased. The actions of T3–T7 who gathered at a restaurant prior to going to the scene of incident, the collision and even the kidnapping of the deceased clearly showed they had the common intention to kill the deceased. T1 and T3–T7 had the common intention to kill the deceased. Thus, a case under s 302 of the PC read with s 34 of the PC was proved by the prosecution (see paras 117, 120–121 & 123).

(3) SP54 was an accomplice on the ground that, inter alia, he was at almost

every scene with the accused and had pleaded guilty to the alternative charge under s 201 of the PC for helping to dispose the body of the deceased. Moreover, the evidence given by SP54 who was a criminal accomplice was consistent with the available supporting evidence (see paras 131 & 133).

(4) The defence adduced by the defence was an afterthought. There was no reason for T7 to bring and show the keys of the deceased's car to T1 unless indeed T1 had something to do with the deceased's car accident and the deceased's disappearance. Out of all the accused, only T1 had an interest in the death of the deceased. None of the other accused had any problems related to the deceased, except T1 only. T1 had a motive to kill the deceased, compared to all the other accused. T1's statement that he had no vengeance, and praised the deceased in handling his corruption case and that the deputy public prosecutor kept changing left only a statement contrary to T1's actions which failed to remove the deceased from handling T1's case in court earlier. T1's involvement with T7 was also undeniable with reference to the phone calls between T1 and T7 supporting that T1 and T7 had a conspiracy. T1's demeanour while testifying in defence was also seen. The reaction of T1 who shouted while giving an explanation could give an adverse comment against himself (see paras 226, 232, 235, 242 & 251).

(5) In the defence of the other accused, there was evidence that did not raise reasonable doubt and was without basis. There was no explanation as to why T3 who lived in Subang Jaya needed to stay at the hotel together with T4, T5 and T6. The inference was that they all conspired to stay at the hotel and conspired in all actions during that period. There was no explanation as to why T3 went to the deceased's condominium with all the accused, when he had no dealings with them. T3's statement that he was asleep at the time of the accident was a new matter that was never suggested to any prosecution witness (see paras 255–257).

(6) There was no reason as to why T4 came to Kuala Lumpur. However, T4 was always with T3, T5 and T6. As early as the purpose of coming to Kuala Lumpur, T4 had no explanation. This indicated that T4 was under the control of T7 (see para 258).

(7) Upon arrival in Kuala Lumpur, T5 stayed at a hotel paid for by T7. It was unreasonable for T5, a car buyer of T7 to be borne by T7. T7 managed T5 while in Kuala Lumpur and showed that T5 had conspired with T7. Although it was said that the main purpose T5 came to Kuala Lumpur was to buy a car, but T5 admitted that he did not bring any money to pay for the car. T5 returned to Kedah when all the matters relating to the collision of the deceased's car, the disappearance of the deceased, the burning of the deceased's car were completed. T5's defence, therefore, did not raise reasonable doubt that he was not involved in the death of the

deceased (see paras 261–262 & 265–266).

(8) The following evidence did not show that SP54 gave instructions to T7: (a) T7's own evidence admitting that SP54 was only his driver. It was not possible for the SP54 to command the T7 whilst SP54 was only his driver; (b) the people who wanted to stay in the hotel were the people who came with T7, not SP54 and the hotel fee was borne by T7; (c) SD8 stated that T7 asked where to buy the drum barrel, not SP54; (d) SP54 was not in his shop when the drum barrel was removed and the shop was cleaned; (e) it was unreasonable that SP54 ordered the car to be taken to the Hutan Melintang, and T7 that removed the grinder associated with T7 with the car; and (f) SD8 bought petrol on the instructions of T7. The petrol had nothing to do with SP54. So, all the treatment and preparation of burning the deceased's car was made by T7. In addition, no explanation was given as to how the deceased's DNA could had been on the shirt worn by T7. T7 also failed in his defence to provide an explanation regarding the trace of DNA on the toilet door in the workshop while SP54 and SD8 confirmed the presence of T7 in the workshop. The accused only adduced defences of a contradictory nature with their actions and conduct. Despite bringing witnesses, there was no evidence to support the defence raised to create reasonable doubt (see paras 269–271).

(9) The prosecution had succeeded in proving its case beyond reasonable doubt. All of the accused were hereby found guilty of having the common intention of murdering the deceased (see paras 280 & 283).]

Kes-kes yang dirujuk

(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng, and (4) Ng Ah Kiat v PP [1987] 2 MLJ 336; [1987] CLJ Rep 241; [1987] 1 CLJ 540, MA (dirujuk)

Abdullah bin Jacomah v PP [2002] 6 MLJ 324; [2002] 8 CLJ 1, MT (dirujuk)

Ashok v State of Maharashtra Criminal Appeal No 2224 of 2011, MA (dirujuk)

Attan bin Abdul Gani v PP [1970] 2 MLJ 143b; [1969] 1 LNS 12 (dirujuk)

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)

Farose bin Tamure Mohamad Khan v PP and other appeals [2016] 6 MLJ 277; [2016] 9 CLJ 769, MP (dirujuk)

Kenneth Fook Mun Lee v PP [2007] 2 MLJ 130; [2006] 4 CLJ 359, MP (dirujuk)

Krishnan & Anor v PP [1981] 2 MLJ 121; [1981] 1 LNS 206, MP (dirujuk)

Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734; [2003] 2 AMR 89, MR (dirujuk)

Low Kian Boon & Anor v PP [2010] 4 MLJ 425; [2010] 5 CLJ 489, MP (dirujuk)

Megat Halim bin Megat Omar v Pendakwa Raya [2008] MLJU 647; [2009] 1 CLJ 154, MR (dirujuk)

Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ Rep 311; [1991] 3 CLJ 2073, MA (diikut)
Mohd Asmadi bin Yusof v PP [2011] 2 MLJ 302, MP (dirujuk)
Mohd Ghafar Othman v PP [1986] CLJ Rep 524; [1986] 2 CLJ 257, MT (dirujuk)
Muthusamy v PP [1948] 1 MLJ 57; [1947] 1 LNS 71 (diikut)
Nor Hasnizam bin Ab Latif v PP [2002] 1 MLJ 154; [2002] 1 CLJ 49, MR (dirujuk)
Ong Teik Thai v PP [2017] 4 MLJ 421; [2016] 7 CLJ 1, MP (dirujuk)
PP v Ho Sek Kong [2006] 2 MLJ 81; [2006] 5 CLJ 49, MT (dirujuk)
PP v Abdul Azizsou & Ors [1978] 2 MLJ 165; [1978] 1 LNS 149 (dirujuk)
PP v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3) [1999] 2 MLJ 1; [1999] 2 CLJ 215, MT (dirujuk)
PP v Azilah bin Hadri & Anor [2015] 1 MLJ 617; [2015] 1 CLJ 579, MP (diikut)
PP v Lin Lian Chen [1992] 2 MLJ 561; [1992] 1 CLJ Rep 285; [1992] 4 CLJ 2086, MA (diikut)
PP v Mohd Jamil bin Yahya & Anor [1993] 3 MLJ 702; [1993] 1 LNS 95, MT (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)
PP v Norazam Ibrahim [2006] 8 CLJ 462, MT (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 LNS 115 (dirujuk)
PP v Sarjit Kaur a/p Najar Singh [1998] 1 MLJ 184; [1998] 5 CLJ 609, MT (dirujuk)
PP v Haji Ismail & Another [1940] 1 MLJ 76; [1939] 1 LNS 68 (dirujuk)
PP v Yusof bin Saruan [2019] 6 MLJ 667; [2019] 7 CLJ 190, MR (dirujuk)
Pathmanabhan a/l Nalliannen v PP [2016] 1 MLJ 609; [2016] 1 CLJ 377, MR (dirujuk)
Pathmanabhan a/l Nalliannen v PP and other appeals [2017] 3 MLJ 141; [2017] 4 CLJ 137, MP (diikut)
Rajamorgan a/l Marimuthu v PP [2014] 5 MLJ 565; [2014] 6 CLJ 850, MR (dirujuk)
Rakesh Kumar a/l Thangagrajoo lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan [2017] MLJU 618; [2017] 1 LNS 502, MR (dirujuk)
Sainal Abidin bin Mading v PP [1999] 4 MLJ 497; [1999] 4 CLJ 215, MR (dirujuk)
Sakri bin Yusuf v PP [2011] 4 MLJ 714; [2011] 1 LNS 480, MR (dirujuk)
Shamsuddin bin Hassan & Anor v PP [1991] 3 MLJ 314; [1991] 1 CLJ Rep 428; [1991] 3 CLJ 2414, MA (dirujuk)
Siew Yoke Keong v PP [2013] 3 MLJ 630; [2013] 4 CLJ 149, MP (dirujuk)
Tan Kim Ho & Anor v PP [2009] 3 MLJ 151; [2009] 3 CLJ 236, MP (dirujuk)
Tham Kai Yau & Ors v PP [1977] 1 MLJ 174; [1976] 1 LNS 159, MP (dirujuk)
Virsa Singh v The State of Punjab 1958 AIR 465, MA (dirujuk)

A *Wong Swee Chin v PP* [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138, MP (dirujuk)
Yap Ee Kong & Anor v PP [1981] 1 MLJ 144; [1980] 1 LNS 117, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 8, 27, 103, 106, 133, 155(c)
B Kanun Keseksaan ss 32, 33, 34, 109, 201, 300(a), (b), (c), (d), 302
Kanun Tatacara Jenayah ss 112, 170(1), 180(1), (3), (4), 182A, 182A(1), (2)

Saiful Edris (Masri bin Mohd Daud, Wan Shaharuddin bin Wan Ladin, Wan
C *Mohammad Fadzlan, Nurfaida bt Mohd Rashidee, Chan Quin dan Muhammad Izzat b Fauzan bersamanya) (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak plaintif.*
N Sivananthan (Geethan Ram Vincent, Jay Moy, Syazlin Mansor, Jamine Cheong dan Tania bersamanya) (Sivananthan) bagi pihak tertuduh pertama.
D *Sheelan Arjunan (Sheelan Arjunan & Suresh Raman) bagi pihak tertuduh ketiga, keempat, kelima, keenam dan ketujuh.*
Simon Sabapathy (Frada Sabapathy & Co) pemerhati bagi pihak keluarga si mati.

Azman Abdulah H:

E
PENGENALAN

[1] Di dalam perbicaraan ini enam orang tertuduh telah disabitkan bersalah dan dihukum dengan pertuduhan kesalahan membunuh si mati Anthony
F Kevin Morais a/l Francis Albert Morais (No K/P 600322–10–5083) di bawah s 302 Kanun Keseksaan.

[2] Semasa awal perbicaraan, seramai tujuh orang tertuduh telah dituduh di mahkamah ini. Mereka adalah tertuduh pertama, Kunaseegaran a/l
G Ragavanaidu (T1), tertuduh kedua Gunasekaran a/l Govindan (T2) (mengaku salah dan menjadi saksi pendakwaan SP54 semasa kes pendakwaan), tertuduh Ketiga Dinishwaran a/l Raman (T3), tertuduh keempat Thinesh Kumar a/l Ashok Kumar (T4), tertuduh kelima Vishwanath a/l Murugaya (T5), tertuduh keenam Nimalan a/l Sasikaran (T6) dan tertuduh ketujuh Ravi Chandrran a/l
H Subramaniam (T7).

[3] Pada 20 Disember 2016 selepas 50 orang saksi pendakwaan memberi keterangan, Pendakwa Raya telah menggugurkan pertuduhan s 302 KK ini ke atas T2 (Jay/SP54), setelah beliau mengaku salah kepada pertuduhan s 201
I Kanun Keseksaan di mahkamah sesyen. Oleh itu T1, T3–T7 dibicarakan ke atas pertuduhan-pertuduhan di hadapan mahkamah ini, dan T2 memberi keterangan di pihak pendakwaan sebagai saksi Jay/SP54. Dalam alasan ini tertuduh T1, T3, T4, T5, T6 dan T7 dikekalkan kedudukan turutan mereka. Manakala T2 akan nanti rujuk sebagai Jay/SP54 di mana berkaitan.

[4] Kejadian bunuh tersebut seperti mana pertuduhan berlaku pada 4 September 2015 di antara jam 7 pagi sehingga jam 8 malam di suatu lokasi semasa dalam perjalanan dari Jalan Dutamas 1 di dalam daerah Sentul di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menuju ke No 1, Jalan USJ 1/6D, Subang Jaya di dalam Daerah Petaling di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan.

[5] Pada awal pagi 4 Mei 2016 tersebut, si mati telah keluar dari kediamannya di Menara Duta Condominium (Dutamas) dengan memandu kenderaan miliknya jenis Proton Perdana warna kelabu dengan nombor pendaftaran WA 6264 Q 'eksh P86' ('kereta si mati') menuju ke pejabatnya di Putrajaya. Pada masa itu si mati telah diekori oleh T3, T4, T5, T6 dan T7 dengan menggunakan sebuah kenderaan jenis Mitsubishi Triton warna hitam nombor pendaftaran PEP 1135. Kenderaan ini telah dikemukakan dan ditandakan sebagai eksh 'P108' ('Triton').

[6] Setelah beberapa ketika si mati memandu, sampai di lampu isyarat kereta si mati telah dilanggar dari belakang oleh Triton yang dinaiki oleh T3–T7. Kemudiannya kereta si mati dilihat berada di Bengkel Desa Mentari di alamat 20, Jalan PJS 5/2, Taman Desa Ria, Petaling Jaya, Selangor. Pada pintu tandas bengkel tersebut telah ditemui DNA milik si mati.

PERBICARAAN BERSAMA

[7] Perbicaraan kes ini melibatkan dua nombor perbicaraan jenayah iaitu bagi Perbicaran Jenayah No WA-45B-3–1 Tahun 2016 pertuduhan adalah ke atas T1, manakala Perbicaran Jenayah No WA-45B-4–1 Tahun 2016 pertuduhan adalah ke atas SP54 (T2), T3–T7.

[8] Mahkamah ini telah membenarkan agar kedua-dua perbicaraan jenayah ini dijalankan secara serentak atas permohonan pihak pendakwaan yang mana pihak pembelaan tidak membantah kepada permohonan tersebut. Perbicaraan secara bersama ini adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 170(1) Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan seperti berikut:

> When more persons than one are accused of the same offenceor of different offences committed in the same transaction ... they may be tried and charged together or separately as the court thinks fit ...

[9] Pada awalnya T1 telah dituduh di bawah s 302 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama s 109 Kanun Keseksaan. Pada 15 Mei 2017 pertuduhan tersebut telah dipinda kepada pertuduhan di bawah s 302 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan, iaitu kesalahan bersama-sama dengan SP54 (T2), T3–T7.

[10] Pertuduhan asal T1 adalah seperti berikut:

> Bahawa Gunasegaran a/l Govindan (No. K/P: 600808-01-5139), Nimalan a/l Sasikaran (No. K/P: 930917-02-6523), Ravi Chandran a/l Subramaniam (No. K/P: 710729-02-5701), Thinesh Kumar a/l Ashok Kumar (No. K/P: 900913-02-5909), Vishwanath a/l Murugaya (No. K/P: 901105-02-5131) dan Dinishwaran a/l Raman (No. K/P: 921117-02-5903) pada 04/09/2015 di antara jam 7.00 pagi sehingga jam 8.00 malam di dalam perjalanan dari Jalan Dutamas 1 di dalam Daerah Sentul di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke No. 1 Jalan USJ 1/6D Subang Jaya di dalam Daerah Petaling di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah melakukan bunuh ke atas Anthony Kevin Morais a/l Francis Albert Morais (No. K/P: 600322-10-5083) dan kamu pada 04/09/2015 di antara jam 9.30 pagi sehingga jam 8.00 malam di No. 20, Desama Mentari di dalam Daerah Petaling di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah bersubahat melakukan kesalahan tersebut di mana kesalahan tersebut telah dilakukan hasil daripada persubahatan kamu dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 109 Kanun Keseksaan dan seksyen 302 Kanun Keseksaan.

[11] Manakala pertuduhan ke atas T1 setelah pindaan adalah sebagaimana berikut:

> Bahawa kamu pada 04/09/2015 di antara jam 7.00 pagi sehingga jam 8.00 malam di dalam perjalanan dari Jalan Dutamas 1 di dalam Daerah Sentul di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke No. 1 Jalan USJ 1/6D Subang Jaya di dalam Daerah Petaling di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan bagi mencapai niat bersama, kamu bersama-sama dengan Dinishwaran a/l Raman (No. K/P: 921117-02-5903), Thinesh Kumar a/l Ashok Kumar (No. K/P: 900913-02-5909), Vishwanath a/l Murugaya (No. K/P: 901105-02-5131), Nimalan a/l Sasikaran (No. K/P: 930917-02-6523) dan Ravi Chandran a/l Subramaniam (No. K/P: 710729-02-5701) telah melakukan bunuh ke atas Anthony Kevin Morais a/l Francis Albert Morais (No. K/P: 600322-10-5083) dan oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[12] Pertuduhan bagi T3–T7 adalah:

> Bahawa kamu pada 04/09/2015 di antara jam 7.00 pagi sehingga jam 8.00 malam di dalam perjalanan dari Jalan Dutamas 1 di dalam Daerah Sentul di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke No. 1 Jalan USJ 1/6D Subang Jaya di dalam Daerah Petaling di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan bagi mencapai niat bersama kamu semua telah melakukan bunuh ke atas Anthony Kevin Morais a/l Francis Albert Morais (No. K/P: 600322-10-5083) dan oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

KES DI PERINGKAT PENDAKWAAN

[13] Fakta kes dan juga keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah.

Sehari sebelum kejadian: Pada 3 September 2015

[14] Pada 3 September 2015, Ravi Chandran (T7) bersama-sama dengan T3–T6 telah bergerak dari Kedah menuju ke Kuala Lumpur dengan menggunakan Triton. Pada hari yang sama jam lebih kurang 5.30 pagi, T7 telah menghubungi Jay/SP54 untuk datang mengambil T7 di rumahnya di Seksyen 8, Petaling Jaya, Selangor. Jay/SP54 telah keluar ke rumah T7 dengan menggunakan sebuah kenderaan jenis Proton Perdana nombor pendaftaran WHS 9771 ('Perdana WHS 9771'). Kereta ini adalah milik T7 yang telah diberikan dan ditinggalkan oleh T7 kepada Jay/SP54 untuk kemudahan Jay/SP54 mengambil T7 apabila ada masanya T7 datang ke Kuala Lumpur. Kereta Perdana WHS 9771 ini adalah eksh 'P110'

[15] Jay/SP54 telah mengambil T7 dan T7 telah mengarahkan Jay/SP54 untuk pergi ke Restoran Syed Bistro ('Syed Bistro') untuk bersarapan pagi. Setibanya di Syed Bistro, tertuduh T3–T6 telah ada di situ. T7 telah memperkenalkan mereka semua kepada Jay/SP54. Kemudian, mereka telah bersarapan bersama-sama.

[16] Selesai bersarapan, T7 telah mengajak Jay/SP54 untuk pergi ke Menara Duta Condominium ('kondominium tersebut') yang merupakan tempat tinggal si mati dengan alasan T7 untuk memungut pinjaman wang. Jay/SP54 dan T7 bergerak ke kondominium tersebut dengan menggunakan Perdana WHS 9771 manakala T3–T6 menaiki Triton yang dipandu oleh T6.

[17] Jay/SP54 bersama T3–T7 tiba di kondominium si mati pada jam lebih 7.15 pagi dan berhenti di bahu jalan berhadapan dengan kondominium tersebut. Mereka kemudiannya telah membuat pemerhatian selama 10–15 minit.

[18] Setelah itu, T7 telah mengarahkan Jay/SP54 untuk beredar dari tempat tersebut dengan mengekori Triton yang dinaiki T3–T6 menuju ke Petaling Jaya untuk mencari hotel penginapan bagi T3–T6. Di sana Jay/SP54 telah membantu T7 membuat tempahan bilik hotel di New Town Hotel. Tempahan bilik hotel dibuat atas nama Jay/SP54 namun bayaran hotel sebanyak RM150 dibayar oleh T7. Setelah T3–T6 *check-in*, Jay/SP54 dan T7 beredar dari hotel tersebut, meninggalkan T3–T6 di hotel tersebut dan Jay/SP54 telah menghantar T7 pulang ke rumahnya.

Hari kejadian: Pada 4 September 2015

[19] Pada 4 September 2015 jam lebih kurang 5.30 pagi, setelah menerima panggilan daripada T7 untuk mengambilnya di rumahnya, Jay/SP54 telah pergi ke rumah T7. Namun semasa dalam perjalanan untuk mengambil T7, Jay/SP54 telah menerima panggilan sekali lagi dari T7 mengarahkan Jay/SP54 untuk terus berjumpa dengannya di Syed Bistro.

[20] Semasa Jay/SP54 tiba di Syed Bistro, kesemua T3–T7 telah berada di situ. Kemudiannya, T7 memberitahu Jay/SP54 bahawa mereka perlu pergi semula ke Menara Duta Condominium dan kali ini untuk menangkap si mati sebelum si mati ke pejabatnya. Selesai bersarapan, Jay/SP54 bersama T7 menaiki Perdana WHS 9771 manakala T3–T6 menaiki Triton, bergerak ke kondominium si mati di Menara Duta Condominium.

[21] Setibanya di luar Menara Duta Condominium, kesemua mereka menunggu untuk beberapa minit sebelum bergerak mengekori kereta si mati setelah si mati telah keluar dari kondominium tersebut. Apabila tiba di satu lampu isyarat, T7 telah turun dari Perdana WHS 9771 yang dipandu oleh Jay/SP54 dan berjalan ke arah Triton yang dinaiki oleh T3–T6, yang sedang mengekori kereta si mati. Kereta si mati kemudiannya telah dilanggar oleh Triton itu pada jam lebih kurang 7.38 pagi.

[22] Manakala Jay/SP54, setelah T7 turun dari kereta, Jay/SP54 telah beredar dan pergi bersarapan di sebuah restoran di Petaling Jaya. Semasa bersarapan Jay/SP54 telah menerima panggilan telefon dari T7 bertanyakan lokasi tempat kedudukan Jay/SP54. Lebih kurang 20 minit, T6 tiba dengan Triton di restoran tempat Jay/SP54 bersarapan. Semasa berada di restoran tersebut, T6 telah menerima satu panggilan telefon. Setelah itu T6 memberitahu Jay/SP54 bahawa mereka perlu menghantar kereta Perdana WHS 9771 yang dipandu oleh Jay/SP54 itu ke sebuah bengkel yang terletak di Desa Mentari.

[23] T6 dan Jay/SP54 kemudian bergerak ke bengkel tersebut. Jay/SP54 memandu Perdana WHS 9771 manakala T6 memandu Triton. Semasa tiba di bengkel di Desa Mentari, Jay/SP54 nampak T7 telah ada dan sedang berdiri bersebelahan dengan sebuah kereta Perdana (kereta si mati). T7 datang kepada Jay/SP54 dan mengambil kunci Perdana WHS 9771. Jay/SP54 kemudian meminta T6 menghantarnya pulang ke rumah kerana Jay/SP54 tiada kenderaan. Sebelum Jay/SP54 dan T6 bergerak keluar dari bengkel tersebut, Jay/SP54 melihat T7 membawa masuk kereta si mati ke dalam bengkel itu.

[24] T6 telah menghantar Jay/SP54 ke kedai Jay/SP54 di alamat No 1, Jalan USJ 1/6D, Subang Jaya ('kedai Jay/SP54') yang masih dalam pengubahsuaian. T6 meninggalkan Jay/SP54 di kedainya.

[25] Tiga jam kemudian, T6 telah datang semula ke kedai Jay/SP54 dan memberitahu Jay/SP54 bahawa T7 meminta bantuan untuk mencari sebuah tong drum (tong drum ini kemudiannya telah dikemukakan dan ditandakan sebagai eksh P106 ('tong drum tersebut'). Di antara jam 11 pagi sehingga jam 12 tengah hari, Jay/SP54 bersama T6 telah keluar mencari tong drum di kawasan SS7, Petaling Jaya, Selangor. Mereka telah membeli sebuah tong drum daripada seorang lelaki Cina yang tidak dikenali iaitu Lim Khai Meng (SP53) dengan bayaran sebanyak RM20. Tong drum tersebut kemudiannya dibawa balik ke kedai Jay/SP54 dengan menggunakan Triton dan diturunkan di kedai Jay/SP54.

[26] Setelah T6 beredar, Jay/SP54 menyambung kerja-kerja pengubahsuaian di kedainya. Tidak lama kemudian, Jay/SP54 telah dihubungi oleh T7 memberitahu hendak datang ke kedai Jay/SP54, tetapi Jay/SP54 memberitahu T7 bahawa beliau ingin keluar membeli konkrit simen. Simen ini untuk ditabur di tempat air bertakung di hadapan kedainya.

[27] Apabila kembali dari membeli simen, Jay/SP54 dapati T6 dan T7 telah berada di kedainya. Tidak lama kemudian, lori yang membawa konkrit simen tiba dan menuangkan simen. Jay/SP54 membayarnya sebanyak RM50.

[28] Semasa Jay/SP54 dan pekerjanya Ramesh (SD9) meratakan simen di hadapan kedai, T7 telah meminta Jay/SP54 untuk memasukkan sedikit simen ke dalam tong drum yang diletakkan di kedainya sebelum itu. Jay/SP54 bersama T6, T7 dan Ramesh telah memasukkan simen ke dalam tong drum itu. Semasa memasukkan simen ke dalam tong drum tersebut, Jay/SP54 nampak sebuah guni yang tidak diketahui isi kandungannya telah ada di dalam tong drum tersebut. Kemudian, T6 dan T7 telah mengecat tong drum tersebut dengan warna merah dan putih.

[29] Setelah selesai memasukkan simen ke dalam tong drum dan mengecatnya, T6 dan T7 beredar dari kedai Jay/SP54 meninggalkan tong drum itu di kedai Jay/SP54. Jay/SP54 telah meminta T7 menumpangkannya untuk balik ke rumah kerana beliau tiada kenderaan. Semasa dalam perjalanan balik ke rumah, Jay/SP54 bersama T6 dan T7, mereka telah singgah di Mydin kerana T7 hendak membeli baju bagi menukarkan bajunya memandangkan baju yang dipakai T7 telah kotor.

[30] Selepas singgah di Mydin, mereka bertiga telah pergi ke bengkel di Desa Mentari. Semasa berada di bengkel tersebut, Jay/SP54 telah nampak T7 dan

pemilik bengkel tersebut iaitu Murugan (SD8) seperti sedang berbincang sesuatu dan kemudiannya Murugan pun beredar dari bengkel itu. Lebih kurang 20 minit, Murugan telah kembali semula ke bengkel itu dengan membawa empat buah tong yang berisi petrol. Kesemua tong petrol tersebut dimasukkan ke dalam Triton.

[31] T7 bersama Jay/SP54 dan T6 menaiki Triton yang terdapat empat tong petrol tadi, dipandu oleh T6 pergi ke sebuah taman perumahan berdekatan Lapangan Terbang Subang. Pada masa ini Jay/SP54 meminta hendak balik ke rumah kerana telah keletihan, tetapi T7 menyatakan akan hantar Jay/SP54 balik setelah menghantar sebuah kereta kepada pemiliknya. Sampai di taman perumahan itu, T7 turun dari Triton menuju ke arah sebuah kereta iaitu kereta yang didapati sebagai kereta si mati. T7 telah mengambil kesemua tong yang berisi petrol dari Triton tadi dan meletakkannya ke dalam kereta si mati tersebut. T7 kemudian memandu kereta si mati itu ke Hutan Melintang. T6 memandu Triton mengekori T7. Jay/SP54 ada bersama di dalam Triton tersebut.

[32] Dalam perjalanan menuju ke Hutan Melintang, T7 telah singgah di dua tempat. Kali pertama T7 telah berhenti di bawah sebuah jambatan dan turun dari kereta si mati yang dipandunya, datang kepada T6 meminta telefon bimbit dari T6. T7 mengambil telefon T6 dan meninggalkannya di bahu jalan. Mereka kemudian telah meneruskan perjalanan dan kali kedua, T7 telah singgah di sebuah jeti yang terletak di Kuala Selangor yang mana T7 telah turun dari kereta si mati dengan membawa satu bungkusan ke Jeti dan membuangnya berdekatan sungai itu.

[33] Mereka kemudiannya telah meneruskan perjalanan ke arah Sabak Bernam sehingga ke Hutan Melintang di dalam Negeri Perak. Setibanya di Hutan Melintang, mereka telah masuk dan berhenti di dalam sebuah ladang kelapa sawit. T7 mengarahkan T6 dan Jay/SP54 untuk menunggu di bahu jalan manakala T7 memandu kereta si mati terus masuk ke dalam ladang ke dalam kawasan kelapa sawit tempat (di mana kereta si mati dijumpai telah dibakar). Lebih kurang 20–30 minit kemudian, T7 telah kembali ke Triton dengan berjalan kaki dan memberitahu T6 dan Jay/SP54 bahawa kereta si mati telah dibakar. Akhirnya, mereka bergerak pulang ke Subang Jaya dengan Triton dan menghantar Jay/SP54 balik rumah.

Selepas hari kejadian: Pada 5 September 2015

[34] Pada keesokannya, pada 5 September 2015, T7 telah menghubungi Jay/SP54 memberitahu Jay/SP54 bahawa ada orang membuat kacau di kedai Jay/SP54 dan meminta Jay/SP54 untuk datang ke kedainya dengan segera. Jay/SP54 dengan segera telah ke kedainya. Apabila tiba di kedainya, Jay/SP54

nampak T3 dan T6 sedang berdiri berhampiran dengan tong drum yang mereka telah masukkan simen sehari sebelum itu (P110). T3 dan T6 telah menunjukkan ke arah tong drum itu dan Jay/SP54 nampak ada sedikit kesan darah mengalir keluar dari tong drum tersebut. Jay/SP54 menggigil ketakutan setelah nampak darah itu dan pada masa yang sama T7 sampai di kedai tersebut.

[35] Dalam ketakutan, Jay/SP54 beredar meninggalkan kedainya. Sebelum meninggalkan kedai, Jay/SP54 sempat bertanya dengan nada tinggi kepada T3, T6 dan T7 berkenaan dengan apa yang telah mereka lakukan dan apa yang ada di dalam tong drum itu. Walaupun Jay/SP54 ditenangkan oleh mereka, Jay/SP54 tetap meninggalkan tempat itu.

[36] Lebih kurang sepuluh minit setelah Jay/SP54 meninggalkan kedainya, Jay/SP54 telah menerima panggilan telefon daripada T1 bertanyakan berkenaan dengan lokasi keberadaan ('whereabout') Jay/SP54 pada ketika itu dan T1 memberitahu hendak datang ke kedainya. Jay/SP54 meminta T1 untuk tidak datang ke kedainya dan mencadangkan T1 datang ke Stesen Minyak Petronas hadapan dengan Summit USJ untuk berjumpa dengannya.

[37] Mereka kemudiannya berjumpa di Stesen Minyak Petronas tersebut. Di stesen minyak itu, Jay/SP54 yang dalam ketakutan dan menggigil telah memberitahu T1 berkenaan dengan apa yang telah berlaku di kedainya, bahawa dia ada nampak darah dari tong drum dan mengesyaki ada sesuatu berlaku kepada seseorang dan Jay/SP54 takut jika terjadi sesuatu perkara yang tidak boleh diterima.

[38] T1 dalam keadaan tersenyum bertindak menenangkan Jay/SP54. Jay/SP54 telah dibawa oleh T1 menaiki keretanya pergi berjalan-jalan, menuju ke Rawang sehingga ke Tanjung Malim dan ada membelikan enam tin minuman keras diberikan kepada Jay/SP54. Jay/SP54 menceritakan kepada T1 semua apa yang telah berlaku. T1 menenangkan Jay/SP54, dan menasihatkan agar Jay/SP54 untuk tidak mengambil tahu dengan apa yang telah berlaku di kedainya dan agar tidak masuk campur dengan apa yang telah dilakukan di kedainya dan hanya mengambil tahu berkenaan dengan pengubahsuaian kedainya sahaja. Dalam perjalanan itu mereka singgah di kuil di Tanjung Malim dan bersembah yang di situ dan kemudian balik semula ke Subang Jaya. T1 menghantar Jay/SP54 ke Stesen Petronas semula, tempat Jay/SP54 meninggalkan keretanya.

[39] Setelah sampai rumah, Jay/SP54 keluar makan bersama dengan isterinya dan selepas makan Jay/SP54 singgah di kedainya dan mendapati tong drum tadi telah tiada dan tempat itu telah dibersihkan.

[40] Pada keesokannya, pagi-pagi lagi lebih kurang jam 8.30 pagi T1 telah datang ke rumah Jay/SP54 mengajak Jay/SP54 berjalan-jalan lagi. Mereka keluar menuju ke arah Banting dan sampai ke Tanjung Sepat. Dalam perjalanan itu T1 telah menunjukkan dari telefon bimbitnya satu gambar kereta terbakar sambil memberitahu Jay/SP54 bahawa kereta tersebut adalah kereta pendakwa raya yang hilang. Jay/SP54 bertanya T1, siapakah pendakwa raya yang hilang itu dan T1 menyatakan itu adalah pendakwa raya Kevin, iaitu si mati. Jay/SP54 tidak bertanya siapa yang membakar kereta itu, tetapi Jay/SP54 telah bertanya T1 adakah T1 ada kaitan dengan apa yang berlaku semalam, dan kelmarin. T1 cuma senyum dan berkata agar Jay/SP54 tidak ambil tahu semua itu. T1 menghantar Jay/SP54 pulang dari berjalan-jalan dan minum-minum setelah petang.

First information report oleh SP1

[41] Dalam kejadian kes ini, satu Laporan Polis telah dibuat oleh adik kandung si mati bernama Dato' Richard Dilaan Morais ('SP1') sebagaimana Jinjang Report 18722/15 bertarikh 5 September 2021 yang dikemukakan dan ditandakan sebagai eksh 'P4'.

[42] Di dalam P4, SP1 menyatakan bahawa si mati telah keluar rumah dan tidak pulang semula. SP1 dimaklumkan perkara tersebut oleh rakan si mati nama Daveen a/l Vasudevan.

Siasatan oleh pegawai penyiasat dan juga pertuduhan ke atas tertuduh-tertuduh

[43] Pada awalnya kes ini diklasifikasikan oleh pihak polis sebagai kes orang hilang. Namun setelah mayat si mati dijumpai kes ini telah diklasifikasikan semula di bawah s 302 Kanun Keseksaan.

[44] Beberapa pasukan siasatan polis telah terlibat di dalam kes ini termasuklah penyiasat tempat kejadian dan juga penyiasat forensik. Pasukan penyiasat polis termasuklah penyelam dan juga jurufoto. Kesemua anggota polis yang terlibat di dalam kes ini bertanggungjawab untuk mengumpul ekshibit dan juga menghantar kesemua ekshibit yang dijumpai untuk analisa. Agensi lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat dan juga Jabatan Pertahanan Awam Malaysia juga terlibat dalam melengkapkan siasatan bagi kes ini.

[45] Pasukan siasatan ini diketuai oleh ASP Wan Abdullah bin Wan Said (SP70) dengan dibantu oleh Insp Ahmad Zikri bin Mohd Zalik (SP68).

[46] Hasil siasatan yang dibuat oleh pihak polis telah membawa kepada penemuan seperti berikut:

(a) kesan *DNA si mati pada sarung tangan yang dikemukakan dan ditandakan sebagai eksh 'P30 B' yang mana ianya ditemui di dalam Triton*;

(b) kesan *DNA si mati, T6 dan T7 pada sehelai baju T berwarna hitam yang dikemukakan dan ditandakan sebagai eksh 'P44B' yang mana ianya ianya dijumpai di dalam kereta Perdana WHS 9771*;

(c) terdapat juga kesan *DNA milik si mati pada pintu tandas di sebuah bengkel yang terletak di Desa Mentari; milik SD8 Murugan*;

(d) sebuah *grinder {P109B} telah dijumpai di dalam sungai di Kuala Selangor*;

(e) sekeping *kad Touch 'n Go milik si mati (eksh 'P160') telah dijumpai di dalam sungai di Kuala Selangor*;

(f) *tong drum (eksh 'P106') yang mengandungi karung guni dan mayat disahkan sebagai si mati di dalam paya di USJ*;

(g) keberadaan tertuduh-tertuduh berhampiran dengan tempat perlanggaran di antara kereta si mati dan Triton, berdasarkan semakan dengan pihak Telco.

(h) rakaman CCTV yang diambil dari Suria Condominium menunjukkan bahawa kereta si mati berada di suatu lampu isyarat yang sedang membelok ke kanan dan diekori oleh Triton. Kemudiannya kereta si mati telah dilanggar dari arah belakang oleh Triton selepas lampu isyarat tersebut; dan

(i) keberadaan Jay/SP54, T5, T6 dan T7 di kawasan Menara Duta II Condominium sebelum perlanggaran antara kereta si mati dan Triton manakala selepas perlanggaran berlaku mereka telah berada di kawasan Taman Desa Ria Petaling Jaya iaitu berhampiran dengan bengkel di Desa Mentari tempat di mana DNA si mati ditemui pada pintu tandas bengkel tersebut. Kedudukan Jay/SP54, T5, T6 dan T7 pada ketika itu adalah ditentukan oleh 'capture' yang dibuat di pencawang Telco.

[47] Kemudian tangkapan telah dibuat ke atas kesemua tertuduh termasuklah Jay/SP54 dan kesemua tertuduh dibicarakan di bawah s 302 KK di mahkamah ini. Kemudiannya, Jay/SP54 telah mengaku salah terhadap pertuduhan pilihan di bawah s 201 KK dan dijadikan sebagai saksi pendakwaan ke-54.

[48] Pihak polis juga telah membuat tangkapan ke atas kesemua tertuduh termasuklah Jay/SP54.

A PENILAIAN DAN DAPATAN TERHADAP KETERANGAN DI PERINGKAT KES PENDAKWAAN

Beban bukti

B **[49]** Beban pembuktian di akhir kes pendakwaan adalah pada tahap prima facie yang mana ianya menjadi kewajipan mahkamah ini untuk menentukan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya mewujudkan suatu kes prima facie terhadap tertuduh-tertuduh sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 180(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') seperti berikut:

C

> When the case for the prosecution is concluded, the Court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused.

[50] Prima facie ditakrifkan di bawah s 180(4) KTJ sebagaimana berikut:

D

> For the purpose of this section, a prima facie case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.

E **[51]** Pada kebiasaannya mahkamah akan berpandukan kepada dua 'landmark' kes iaitu *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734; [2003] 2 AMR 89 dan *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85. Di dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor*, Mahkamah Rayuan Malaysia menjelaskan berkenaan dengan prima facie seperti berikut:

F

> It is the duty of a judge sitting alone to determine at the close of the prosecution's case, as a trier of fact, whether the prosecution had made out a prima facie case. He must subject the prosecution evidence to maximum evaluation and ask himself whether he would be prepared to convict the accused on the totality of the evidence contained in the prosecution's case if he were to decide to call upon the accused to enter his defence and the accused had elected to remain silent. If the answer to that question is in the negative, then no prima facie case would have been made out and the accused would be entitled to an acquittal. There was no burden on the prosecution to prove its case beyond a reasonable doubt at the close of the prosecution's case.

G

H **[52]** Manakala Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* menjelaskan dengan lebih lanjut berkenaan dengan prima facie sebagaimana berikut:

I

> A prima facie case is one that is sufficient for the accused to answer, and the evidence adduced must be such that it can only be surmounted by evidence in rebuttal. The force of that evidence must, if unrebutted, be sufficient to induce a state of belief that the facts as they stand are as stated in the charge. In order to make a finding the court must, at the close of the prosecution's case, undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced to determine whether all

the elements of the offence have been established. If the evidence is unrebutted, and the accused remain silent, he must be convicted. Therefore, the test to be applied at the end of the prosecution's case is whether there is sufficient evidence to convict the accused if he chooses to remain silent, which if answered in the affirmative means that a prima facie case has been made out. This requires a consideration of the existence of any reasonable doubt in the prosecution's case, which if it exists, cannot lead to the finding of a prima facie case having been made out.

[53] Pihak pendakwaan dikatakan telah dapat membuktikan kes prima facie apabila setiap inti pati pertuduhan dibuktikan menjurus kepada kebersalahan tertuduh terhadap kesalahan yang dilakukan. Namun sebelum mahkamah ini menentukan pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie, mahkamah ini hendaklah membuat penilaian maksima terhadap kebolehpercayaannya dan kebenaran keterangan (*credibility and reliability as well as the trustworthiness*) bagi kesemua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan.

[54] Di dalam erti kata lain, kekuatan keterangan prima facie itu jika tidak disanggah adalah memadai untuk mahkamah ini mempertimbangkan kewujudan fakta-fakta sepertimana di dalam pertuduhan, sepertimana diputuskan di dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1; [1999] 2 CLJ 215, di mana Augustine Paul (hakim Mahkamah Tinggi ketika itu) telah menyatakan seperti berikut:

A prima facie case arises when the evidence in favour of a party is sufficiently strong for the opposing party to be called on to answer. The evidence adduced must be such that it can be overthrown only by rebutting evidence by the other side. Taken in its totality, the force of the evidence must be such that if unrebutted, it is sufficient to include the court to believe in the existence of the fact stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts existed or did happen. As this exercise cannot be ostponed to the end of the trial, a maximum evaluation of the credibility of witnesses must be done at the close of the case for the prosecution before the court can rule that a prima facie case has been made out in order to call for the defence.

[55] Mahkamah ini juga merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457 yang mana Mahkamah Persekutuan telah memberi panduan kepada seseorang hakim atau majistret di dalam menentukan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes 'prima facie' seperti berikut:

(i) at the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinize the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from that evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;

(ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the anwer to that question is 'Yes', then a prima facie case has been made out and the defence should be called. If the answer is 'No' then, a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;

(iii) after the defence is called, if the accused elects to remain silent, then convict;

(iv) after defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps out in *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263; [1963] 1 LNS 82.

Inti pati pertuduhan

[56] Bagi membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh-tertuduh bagi pertuduhan di bawah s 302 Kanun Keseksaan di dalam kes ini, pihak pendakwaan hendaklah memenuhi inti pati-inti pati berikut:

(a) bahawa si mati Anthony Kevin Morais a/l Francis Albert Morais telah mati;

(b) bahawa kematian si mati adalah akibat dari kecederaan yang dialaminya;

(c) bahawa kematian si mati adalah disebabkan oleh perlakuan tertuduh-tertuduh; dan

(d) bahawa tertuduh-tertuduh, dengan perbuatannya, berniat secara bersama lebih dari seorang untuk menyebabkan kematian si mati, iaitu tertuduh-tertuduh telah melakukan perbuatan itu dengan kesedaran seperti yang ditakrifkan di bawah s 300(a)–(d) Kanun Keseksaan.

[57] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Sainal Abidin bin Mading v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 497; [1999] 4 CLJ 215 dan juga Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Mohd Asmadi bin Yusof v Public Prosecutor* [2011] 2 MLJ 302 telah menyenaraikan inti pati-inti pati yang perlu dipenuhi oleh pendakwaan bagi pertuduhan di bawah s 302 Kanun Keseksaan ini.

[58] Selain daripada inti pati di bawah s 302 Kanun Keseksaan, pihak pendakwaan juga hendaklah membuktikan bahawa tertuduh-tertuduh di dalam kes ini telah melakukan bunuh terhadap si mati dengan maksud mempunyai niat bersama di bawah s 34 Kanun Keseksaan yang mana ianya memperuntukkan seperti berikut: 'When a criminal act is done by several persons, in furtherance of the common intention of all, each of such persons is liable for that act in the same manner as if the act were done by him alone'.

[59] Adalah penting bagi pihak pendakwaan membawa keterangan yang dapat membuktikan bahawa kesemua tertuduh mempunyai niat yang sama untuk melakukan bunuh terhadap si mati sebagaimana yang telah diputuskan oleh Mahkamah Agong di dalam kes *Shamsuddin bin Hassan & Anor v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 314; [1991] 1 CLJ Rep 428; [1991] 3 CLJ 2414:

> Next, there was no evidence of common intention as intended by s 34 of the Penal Code. All that the prosecution was able to show was that the appellants are husband and wife; that in their house were two pillows, one with a pillow case identical with that in which the drugs were found and another identical pillow was without a pillow case; and that drugs were thrown out of the car when they were both in the car. There was no evidence as to who actually threw out the bundle but it was sought to be inferred it must be the wife appellant as the bundle was thrown out of the left side of the car, the car having only two doors and the wife appellant sitting next to the husband appellant who was driving the car.
>
> Even assuming that there is no break in the chain of evidence regarding the drugs from the time of its initial recovery by the police from the roadside until its production in court at the trial, at best the evidence showed that one of the appellants must have had custody or control of the drugs to throw it out of the car. But who? The prosecution also attempted to show that the first appellant must have known of the existence of the drugs in his car because he drove the car very fast on realising that he was being pursued by three police cars. The police may have been chasing the appellant's car but it does not follow that the appellant knew he was being followed by the police. It will be recalled that all the police cars were unmarked cars. There was no siren or other indication that they were police cars. It seems obvious to us that what the police intended was to follow the appellant's car with the objective of finding out where the drugs were being delivered to. If that was not the intention of the police, they could have very easily stopped the appellant when he was at the petrol station or as he was coming out of it.
>
> In *R v Abbott* [1955] 2 All ER 899 CCA, Lord Goddard CJ cites a case at p 901:
>
> > in which two sisters were indicted for murder, and there was evidence that they had both been in the room at the time the murder of the boy was committed; but the prosecution could not show that sister A had committed the offence or that sister B had committed the offence. Very likely one or the other must have committed it, but there was no evidence which, and although it is unfortunate that a guilty party cannot be brought to justice, it is far more important that there should not be a miscarriage of justice and that the law should be maintained that the prosecution should prove the case.
>
> In the instant case, the learned judge has not dealt at all with s 34 of the Penal Code in respect of common intention. Indeed s 34 of the Penal Code was not inserted in the charge until the day the trial commenced. *Be that as it may, it is essential that there should be evidence of a common intention, or evidence from which such common intention can properly be inferred, to commit the act actually committed, see Lee Yoon Choy & Ors v Public Prosecutor* [1948-49] MLJ Supp 167 CA quoting with approval *Mahbub Shah v Emperor* AIR (32) 1945 Privy Council 118. The mere fact of a bundle being thrown out of the car is not evidence of common intention or evidence from which such common intention can properly be inferred.

[60] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Ong Teik Thai v Public Prosecutor* [2017] 4 MLJ 421; [2016] 7 CLJ 1 telah mengguna pakai kes *Shamsuddin bin Hassan & Anor v Public Prosecutor* dan memutuskan seperti berikut:

> We have stated that participation of the individual offender in the criminal act in some form or the other is the leading feature of the principle of constructive liability under s 34 of the Penal Code. *Thus, it is essential that there should be evidence of common intention, or evidence from which such common intention to commit the offence actually committed can properly be inferred* (see *Shamsuddin bin Hassan & Anor v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 314 at p 431; [1991] 1 CLJ Rep 428; [1991] 3 CLJ 2414, *SC Namasiyiam v Public Prosecutor & other cases*). (Penekanan ditambah.)

[61] Bagi membuktikan kes prima facie, pihak pendakwaan dalam perbicaraan ini telah memanggil seramai 70 orang saksi memberikan keterangan di mahkamah ini.

[62] Di dalam membuat dapatan di akhir kes pendakwaan, mahkamah ini telah membuat penilaian maksimum ke atas keterangan yang dikemukakan.

Inti pati pertama: Si mati Anthony Kevin Morais a/l Francis Albert Morais telah mati

[63] Inti pati pertama telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan tanpa dipertikaikan oleh pihak pembelaan bahawa satu mayat yang dijumpai di dalam karung guni di dalam tong drum yang disimen, yang telah ditemui kawasan paya di USJ pada 16 September 2015 adalah mayat Anthony Kevin Morais iaitu si mati di dalam kes ini.

[64] Selain itu, terdapat keterangan SP9 (ahli kimia) yang telah mengesahkan bahawa ujian analisa DNA yang dijalankan terhadap sampel yang diambil oleh SP11 daripada mayat itu, disahkan mayat tersebut melalui DNA adalah merupakan adik beradik kandung kepada SP1 dan SP11. Dengan lain perkataan, mayat yang dijumpai itu disahkan adalah si mati yang bernama Anthony Kevin Morais.

[65] Tambahan lagi, SP19 iaitu rakan kepada si mati juga mengesahkan bahawa barang-barang peribadi yang dijumpai pada mayat tersebut adalah milik si mati. Barang peribadi tersebut adalah seperti berikut:

(a) cincin (eksh 'P48B');

(b) sepasang *cufflinks* (eksh 'P48C'); dan

(c) rantai dan *pendant* (eksh 'P48D');

Inti pati kedua: kematian si mati adalah akibat dari kecederaan yang dialaminya

[66] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh SP11 (pakar perubatan forensik) yang menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati, menyatakan bahawa punca kematian si mati adalah 'probable asphyxiation (suffocation)' ataupun kelemasan udara. SP11 menggunakan 'probable' di dalam dapatannya adalah kerana jasad mayat si mati telah mengalami pembusukan dan bukanlah masih dalam keadaan segar yang boleh kelihatan kesemua tanda-tanda *asphyxia* atau kecederaan berkaitan *asphyxia* atau kelemasan udara. SP11 menjelaskan lagi perkataan 'probable' yang digunakan adalah bermaksud keberangkaliannya atau kemungkinannya adalah tinggi bahawa punca kematian si mati adalah daripada *asphyxiation* ataupun *suffocation*.

[67] SP11 juga di dalam keterangannya memberitahu bahawa kematian si mati bukanlah berpunca daripada *drowning* atau kelemasan air kerana semasa SP11 tidak menjumpai bahan atau objek asing atau kandungan air di dalam saluran pernafasan mahupun di dalam organ perut si mati, yang boleh dirumuskan mati kerana lemas (*drowning*).

[68] SP11 semasa pemeriksaan utama oleh pihak pendakwaan telah memberikan keterangan lisan berkenaan dengan kesan kecederaan yang dialami oleh si mati yang mana keterangan tersebut juga ada dinyatakan di dalam Laporan Bedah Siasat (P471/15) bertarikh 22 Oktober 2015 yang dikemukakan dan ditandakan sebagai eksh 'P72'. Keterangan berkenaan dengan kesan kecederaan/trauma pada tubuh badan si mati adalah sepert berikut:

> Q: Dalam pemeriksaan mayat tersebut, ada Doktor jalankan pemeriksaan luaran untuk mencari apa-apa kecederaam yang ada pada tubuh badan si mati Anthony Kevin Morais?
>
> A: Ada
>
> Q: Lihat Laporan Post-Mortem di muka surat 3, adakah apa-apa kecederaan yang didapati pada tubuh badan si mati?
>
> A: Ada kecederaan yang didapati pada tubuh badan si mati
>
> Q: Jika Doktor lihat marks of trauma di muka surat 3 sehinggalah muka surat 4, adakah item 1 sehingga 7 marks of trauma yang sama dilihat oleh Doktor?
>
> A: Ya, adalah *marks of trauma* yang sama saya lihat pada si mati
>
> Q: Sila beritahu Mahkamah dalam Bahasa Melayu apakah *marks of trauma* tersebut:
>
> A: *marks of trauma* adalah:
>
> (i) Kesan *contusion* atau *haematoma* iaitu darah beku yang bersesuaian

dengan kawasan gelap yang kelihatan pada bahagian kiri atas bibir berukuran 4.5 x 1.5 cm

(ii) Satu kawasan gelap iaitu bersesuaian dengan kesan *contusion* atau *haematoma* (darah beku) berukuran 11 x 10.5 cm pada bahagian kanan sisi dada

(iii) Satu lagi kawasan gelap yang bersesuaian dengan *contusion* atau *haematoma* berukuran 4.5 x 3.5 pada bahagian kiri tulang selangka iaitu di bahagian atas hadapan dada

(iv) Satu lagi kawasan gelap yang bersesuaian dengan *contusion* atau *haematoma* berukuran 2 x 2 cm pada bahu kiri

(v) Satu kawasan gelap juga bersesuaian dengan kesan c*ontusion* atau *haematoma* atau darah beku berukuran 1.5 x 1.2 cm pada bahagian hadapan pergelangan kaki kiri

(vi) Satu lagi kawasan gelap bersesuaian dengan *contusion* atau *haematoma* atau darah beku pada bahagian belakang kanan tubuh badan si mati berukuran 35 x 13 cm

(vii) Satu lagi kawasan gelap yang bersesuaian dengan *contusion* atau *haematoma* atau darah beku pada bahagian punggung kiri belakang tubuh badan si mati berukuran 8 x 4 cm

[69] SP11 juga menyatakan bahawa kesan kecederaan pada badan si mati adalah tidak bersesuaian disebabkan oleh perbuatan si mati sendiri atau 'self-inflicted'. SP11 menerangkan dengan memberikan contoh yang mana kesan kecederaan yang besar pada bahagian belakang tubuh badan si mati sebelah kanan adalah satu kawasan *contusion* atau *haematoma* yang luas serta lokasinya di bahagian belakang tubuh badan yang susah untuk dicapai atau akses oleh si mati sendiri dan terdapat juga beberapa kesan kecederaam berbentuk *contusion* atau *haematoma* di beberapa tempat berlainan pada tubuh badan si mati.

[70] Namun, berdasarkan keterangan SP11, kesan-kesan kecederaan tersebut iaitu *contusion* dan *haematoma* adalah lebih kepada bahagian luaran atau superficial dan tidak mengakibatkan kesan-kesan kecederaan dalaman yang serious pada stuktur atau organ penting di dalam tubuh manusia. SP11 berpendapat bahawa kesan kecederaan tersebut adalah lebih kepada mampatan atau tekanan ataupun kompresi iaitu dikenakan satu bentuk trauma jenis tumpul atau *blunt type trauma* pada tempoh masa yang lama seperti menekan pada bahagian itu untuk menghasilkan satu keadaan yang mana si mati tidak boleh bernafas.

[71] SP11 di dalam laporannya dan juga semasa di pemeriksaan utama memberitahu kepada mahkamah ini bahawa muka si mati lebih gelap berbanding dengan bahagian anggota badan si mati yang lain. Pihak

pendakwaan semasa pemeriksaan utama mengemukakan soalan-soalan berikut:

Q: Lihat muka surat 2 Laporan Doktor, last paragraph di baris keenam, 'the face showed darker discoloration ...'. Boleh Doktor perjelaskan terlebih dahulu?

A: The face showed darker discoloration atau congestion ini boleh kelihatan pada keseluruhan bahagian muka kepada berbanding dengan kawasan bahagian tubuh badan lain si mati.

Q: Maksudnya bahagian lain tubuh badan si mati nampak apa?

A: Bahagian tubuh badan si mati yang lain tidaklah segelap bahagian muka kepala si mati.

Q: Doktor boleh perjelaskan kepada Mahkamah bagaimanakah keadaan ini boleh berlaku kepada si mati Anthony Kevin Morais ini?

A: Tanda congestion ini adalah salah satu tanda-tanda seseorang mengalami asphyxia. Di mana bila berlakunya congestion adalah akibat pengumpulam darah di dalam salur darah ataupun pulling of blood di dalam salur darah di mana mengakibatkan ketiadaan oksigen dan bahagian muka menjadi gelap atau biru-biru kehitaman.

Q: Adakah ia konsisten dengan si mati ini dalam keadaan pengsan dan diserkup dengan satu beg plastik?

A: Pada pendapat saya dalam keadaan muka kepala diserkup dengan beg plastik seseorang itu akan mengalami kesukaran untuk bernafas kerana kemasukan udara atau oksigen terhalang terutamanya jika beg plastik itu diketatkan atau diikatkan pada bahagian leher yang menyebabkan keadaan kelemasan uadara kerana tidak ada cukup oksigen udara untuk bernafas semasa muka kepada di dalam beg plastik.

[72] Di dalam keterangannya SP11 juga menyatakan bahawa beliau berpendapat bahawa terdapat kemungkinan tinggi si mati telahpun mati sebelum dimasukkan ke dalam karung guni dan kemudiannya dimasukkan ke dalam tong drum kerana tiada kesan yang menunjukkan si mati bergerak atau bergelut atau meronta pada bahagian anggota tangan dan kaki serta keadaan posisi atau *posture* si mati masih dalam keadaan yang tidak normal iaitu keadaan *fetal-like postion*. Tambahan pula, SP11 memberitahu semasa mayat si mati ditemui di dalam keadaan berpakaian lengkap tanpa kasut atau selipar dan posisi mayat seperti janin yang mana sendi lutut dan bahagian sendi pinggul membengkok manakala anggota tangannya diikat ke belakang badannya menggunakan tali leher.

[73] Berdasarkan penilaian maksima terhadap keterangan yang diberikan oleh SP11, mahkamah ini berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah memenuhi inti pati kedua bagi pertuduhan di bawah s 302 KK.

A Inti pati ketiga: Kematian si mati adalah disebabkan oleh perlakuan tertuduh-tertuduh

[74] Bagi inti pati ketiga, pihak pendakwaan menghujahkan bahawa mereka bergantung kepada keterangan ikut keadaan (*circumstantial evidence*) untuk membuktikan pertuduhan tersebut terhadap kesemua tertuduh. Pihak pendakwaan berhujah lagi bahawa keterangan ikut keadaan yang ditunjukkan kepada mahkamah mempunyai kesan secara komulatif yang mana kesemua tertuduh dalam melaksanakan niat bersama telah melakukan pembunuhan ke atas si mati.

[75] Namun pun begitu, Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561; [1992] 1 CLJ Rep 285; [1992] 4 CLJ 2086 menggariskan bahawa pihak pendakwaan dalam membuktikan pertuduhan berdasarkan keterangan ikut keadaan menanggung beban yang sangat berat untuk menunjukkan bahawa kesalahan membunuh telah dilakukan oleh kesemua tertuduh. Keterangan ikut keadaan mestinya tiada kelompangan dan ia amat kuat yang tidak dapat menolak bahawa kesalahan telah dilakukan oleh tertuduh. Kes *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* menyatakan seperti berikut:

> It is trite law that where the prosecution is relying on circumstantial evidence the onus upon it is a very heavy one and that evidence must point irresistibly to the guilt of the accused. If there are gaps in it then that will not be sufficient

[76] Merujuk kes *Public Prosecutor v Sarjit Kaur a/p Najar Singh* [1998] 1 MLJ 184; [1998] 5 CLJ 609, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa keterangan ikut keadaan bukan sekadar satu hipotesis ataupun teori tetapi hendaklah dibuktikan dengan keterangan yang kuat yang boleh dibuat inferen:

> ... It should also be pointed out that circumstantial evidence does not depend on hypothesis, or theories, or even speculations. They must give rise to strong inferences so as to become the best evidence.

[77] Bagi membuktikan inti pati ketiga pertuduhan, pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan seperti berikut:

(a) Jay/SP54 menyatakan bahawa sepanjang perkenalannya dengan T1, T1 ada menceritakan kepada Jay/SP54 berkenaan dengan kes rasuah yang dihadapi olehnya yang mana si mati merupakan timbalan pendakwa raya yang telah mengendalikan kes rasuahnya. Menurut Jay/SP54 lagi, T1 pernah menyatakan perasaan tidak puas hati terhadap si mati kerana telah banyak menyusahkan si mati memandangkan T1 perlu membelanjakan wang yang banyak untuk melantik peguam;

(b) Jay/SP54 juga telah memberikan keterangan di mahkamah berkenaan dengan rentetan cerita yang berlaku pada hari sebelum kejadian dan juga pada hari kejadian serta selepas kejadian. Keterangan Jay/SP54 menunjukkan bahawa beliau bersama T3–T7 ada di tempat kejadian di tempat di mana kereta si mati telah dilanggar oleh Triton dari arah belakang;

(c) sehari sebelum kejadian juga, Jay/SP54 bersama T3–T7 juga telah ke kawasan kondominium itu. Jay/SP54 bersama T6 juga telah membeli tong drum 'P106' dengan harga RM50 selepas kembali dari kawasan kondominium itu. Jay/SP54 bersama T7 juga telah memasukkan simen ke dalam tong drum tersebut;

(d) Jay/SP54 juga di dalam keterangannya memberitahu bahawa beliau nampak T7 memandu kereta milik si mati masuk ke dalam Bengkel Desa Mentari milik Murugan;

(e) kemudian, T7 telah menyuruh Murugan membelikan empat tong petrol yang kemudiannya diletakkan di dalam kereta si mati sebelum ianya dibakar. Selepas membakar kereta si mati, T7 memberitahu Jay/SP54 bahawa dia telah membakar kereta si mati.

(f) pada 5 September 2015, Jay/SP54 telah terima panggilan daripada T7 yang menyatakan ada orang buat kacau di kedai Jay/SP54. Jay/SP54 bergegas ke kedainya dan dapati telah ada T5 dan T6 di sana dan mereka telah menunjukkan kepada Jay/SP54 ke arah tong drum tersebut yang mana Jay/SP54 nampak ada kesan darah mengalir dari tong drum tersebut. Tidak lama kemudian, T7 tiba di kedai Jay/SP54;

(g) Jay/SP54 juga ada menerangkan bahawa T1 telah berjumpa dengannya pada 5 September 2015 di sebuah stesen minyak Petronas dan Jay/SP54 telah menceritakan kepada T1 berkenaan dengan apa yang telah berlaku. Namun T1 telah menenangkan Jay/SP54 dan telah membawa Jay/SP54 berjalan-jalan dan pada masa yang sama telah memberikan wang kepada Jay/SP54 untuk membeli minuman keras. T1 juga memberitahu untuk Jay/SP54 tidak mengambil tahu berkenaan dengan apa yang telah berlaku dan menyuruhnya fokus terhadap pengubahsuaian kedainya sahaja. Setelah kembali semula ke kedainya, Jay/SP54 mendapati bahawa kawasan kedainya telah dibersihkan dan tong drum tersebut juga telah tiada di kedainya;

(h) kemudian Jay/SP54 juga memberitahu bahawa pada 6 September 2015, T1 telah mengajaknya keluar berjalan-jalan dan T1 telah memberikan bantuan kewangan sebanyak RM12,000 kepada T7 bagi menebus keluar dari pihak finance, sebuah kereta jenis Honda Accord dengan nombor pendaftaran WWT 1275 (yang telah dikemukakan dan ditandakan sebagai eksh 'P151'). Kereta tersebut telah dirampas oleh pihak polis semasa dalam milikan T7;

(i) Jay/SP54 dalam keterangannya menyatakan bahawa T7 telah memberitahunya bahawa T7 telah ke pejabat T1 untuk menyerahkan kunci kereta si mati kepada T1;

(j) menurut Jay/SP54 lagi, T1 juga telah menunjukkan gambar kereta terbakar yang ada di dalam telefonnya kepada Jay/SP54 dengan mengatakan ini gambar kereta timbalan pendakwa raya kes SPRMnya;

(k) SP48 Pegawai Polis Unit Forensik di dalam keterangannya mengatakan bahawa beliau telah ditugaskan oleh SP45 untuk ke rumah SP37 (tempat Triton dijumpai) bagi mencari barang-barang ekshibit yang berada di dalam Triton. Menurut SP48, beliau telah menemui *satu plastik berisi glove* (P30B) yang telah disembunyikan di bawah tempat duduk pemandu sebelah belakang di bahagian bawah kusyen pemandu di dalam Triton tersebut yang terdapat *kesan DNA si mati*;

(l) keterangan yang diberikan oleh Jay/SP54 yang menyatakan Triton tersebut telah digunakan oleh T3–T6 pada hari kejadian untuk ke Kondominium Menara Duta untuk menangkap si mati pada 4 September 2015 dan juga Triton tersebut juga digunakan untuk melanggar kereta si mati telah dikuatkan dengan penemuan yang dibuat oleh SP48 ke atas glove itu. Tambahan pula, di dalam rakaman CCTV yang dirampas ada menunjukkan kehadiran Triton tersebut semasa perlanggaran dan apabila ditunjukkan kepada Jay/SP54, beliau dapat cam Triton yang ada di dalam CCTV merupakan Triton yang sama digunakan oleh T3–T6 dan bahawa DNA dijumpai pada sarung tangan yang dijumpai di dalam Triton tersebut;

(m) SP31 yang merupakan seorang anggota polis yang bertugas di STAFOC Bukit Aman di dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau telah mendapat maklumat daripada T6 dan beliau telah dipandu arah oleh T6 kepada penemuan sebuah tong drum yang mana setelah ianya dibuka dapati tong drum tersebut mengandungi mayat si mati;

(n) SP47 seorang anggota polis telah diarahkan untuk ke sebuah bengkel kereta yang terletak di No 20, Jalan PJS 5/2, Taman Desa Ria, Petaling Jaya, Selangor untuk mencari, mengesan dan mengumpul barang yang berhubung kait dengan kes ini. Semasa berada di bengkel tersebut, SP47 telah mengambil *swabbing* di pintu tandas pada bahagian bawah dan telah membuat tandaan '1' pada kesan yang dipercayai *calitan darah pada pintu tersebut*. Kemudiannya, SP9 ahli kimia yang menjalankan analisis telah mengesahkan bahawa *swabbing* itu yang diambil pada bahagian *pintu tandas di bengkel tersebut mengandungi kesan-kesan DNA si mati — 'P39B'*;

(o) SP9 juga mengesahkan bahawa mayat si mati adalah adik beradik kandung kepada SP1 dan SP11 yang mana kebarangkalian kekeluargaan adalah 99.9999%. Keterangan SP9 juga mengesahkan bahawa *baju*

T-shirt warna hitam 'P44B' yang dijumpai di dalam kereta Perdana WHS9771 'P110' mengandungi DNA si mati , dan juga DNA T6 dan T7. SP9 turut mengesahkan bahawa kesan darah yang terdapat pada plastik berisi *glove* 'P30C' yang dijumpai di dalam Triton mengandungi DNA si mati;

(p) SP57 seorang pemilik sebuah bengkel membaiki kereta dan sewaan forklift, di dalam keterangannya memberitahu bahawa pada 5 September 2015, beliau telah didatangani T6 untuk meminjam forklift milik SP57 bagi menaikkan tong drum (dicamkan melalui gambar P67(27) dan (28)) ke dalam sebuah kereta pancuan empat roda Triton (yang mana ianya dicamkan melalui gambar P10(13)). Semasa berada di tempat untuk menaikkan tong drum tersebut, SP57 telah lihat T6 dan seorang lagi lelaki India yang tidak dapat dicamkan berada di kedai tersebut. Menurut SP57 lagi, semasa beliau menaikkan tong drum tersebut menggunakan forklift, T6 bersama lelaki India tersebut sedang berdiri di sebelah forklift;

(q) SP53 seorang lelaki berbangsa Cina yang telah menjual tong drum kosong yang digunakan untuk mengisi mayat si mati dan dibuang ke dalam kawasan paya. SP53 menyatakan beliau telah menjual tong drum tersebut dengan harga RM50 kepada kedua-dua orang lelaki India yang dicamkan sebagai Jay/SP54 dan T6. SP53 telah melihat Jay/SP54 dan T6 menaikkan tong drum tersebut ke bahagian belakang Triton yang dicamkan melalui gambar P10;

(r) SP66 merupakan seorang pegawai polis, telah melihat rakaman CCTV yang diambil dari ITIS dan mendapati bahawa terdapat perlanggaran antara kenderaan Triton dan sebuah kereta saloon. Melalui rakaman CCTV tersebut juga, SP66 lihat bahawa pemandu kereta saloon dan seseorang dari dalam kenderaan Triton tersebut telah keluar dari kereta masing-masing. T6 juga memberikan maklumat kepada SP66 bahawa 'smart tag scanner', kad Touch 'n Go, kad pengenalan, pen, telefon bimbit berserta pengecas yang diambil dari kereta si mati telah dibuang ke dalam sungai berhampiran sebuah Jeti Kuala Selangor. T6 juga memberitahu kepada SP66 bahawa beliau boleh menunjukkan tempat tersebut. Menurut SP66, kad Touch 'n Go 'P160' milik si mati telah dijumpai di tempat yang ditunjukkan oleh T6 tersebut;

(s) SP32 yang merupakan pegawai tangkapan telah menjumpai 'grinder {P109B}' di dalam sungai di Kuala Selangor berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada T6.

(t) SP25 seorang Penolong Pegawai Tadbir, Jabatan Peguam Negara telah mengesahkan bahawa sebuah kenderaan yang ditemui telah dibakar di Hutan Melintang merupakan kereta rasmi jabatan yang telah diberikan kepada si mati. SP25 juga mengesahkan bahawa kad Touch 'n Go 'P160'

yang ditemui di dalam Sungai Kuala Selangor adalah yang diberikan oleh jabatan kepada si mati untuk kegunaan rasmi si mati;

(u) SP46 merupakan salah seorang timbalan pendakwa raya yang mengendalikan kes rasuah bersama si mati, ke atas T1. Di dalam keterangannya SP46 menyatakan terdapat banyak pertuduhan dibuat ke atas T1 dan T1 ada menunjukkan rasa tidak puas hati dan 'disgusted' kepada si mati setiap kali pertuduhan ditambah;

(v) SP69 adalah Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Shah Alam. Keterangannya telah menyokong keterangan SP46 berkenaan dengan pertuduhan kes rasuah T1. SP46 juga menyatakan bahawa T1 pernah membuat satu permohonan kepada mahkamah untuk menyingkirkan si mati daripada mengendalikan kes rasuahnya. Di dalam permohonan T1 itu ada menzahirkan beberapa alegasi terhadap si mati; antaranya si mati telah bertindak di luar kuasanya dan melibatkan dirinya di dalam siasatan yang dijalankan terhadap kes rasuah T1;

(w) SP13 merupakan ahli kimia yang telah membuat analisa terhadap kereta si mati yang dibakar. SP13 mendapati bahawa terdapat kesan kikisan pada nombor chasis dan juga nombor enjin yang mana ianya boleh dilakukan dengan menggunakan grinder {P109B} yang telah ditemui berdasarkan maklumat daripada T6. SP13 juga turut mengesahkan di dalam Laporan Kimia yang disediakan olehnya 'P73' bahawa kereta si mati telah dibakar dengan menggunakan minyak petrol bagi mempercepatkan proses pembakaran. Keterangan tersebut disokong oleh keterangan Jay/SP54 yang menyatakan bahawa T6 telah menyuruh Murugan membeli empat tong minyak petrol dan dimasukkan ke dalam kereta milik si mati sebelum dipandu oleh T7 dan dibakar. Kemudian, T7 ada memberitahu JAY/SP54 bahawa kereta si mati telah dibakar; dan

(x) SP24 adalah Pegawai Eksekutif SPANCO. SPANCO adalah syarikat yang membekalkan kereta kepada jabatan kerajaan untuk kegunaan rasmi kerajaan. Keteranganya mengesahkan bahawa kereta yang ditemui terbakar di Hutan Melintang bukanlah kereta yang dijual kepada orang ramai malah ia merupakan kereta rasmi jabatan bagi Pegawai Kanan Kerajaan yang dibekalkan oleh SPANCO. Kereta itu adalah berdaftar dengan pihak SPANCO. SP24 juga memberitahu berdasarkan carian di dalam *Fleet Management System* menunjukkan bahawa berdasarkan nombor enjin kereta tersebut merupakan kereta dilaporkan hilang yang dikeluarkan kepada si mati. Judicial Notis kereta kerajaan ditanggung segala pembaikan jika kemalangan oleh SPANCO, oleh itu alasan dipandu oleh T7 untuk dibawa ke bangkel diperbaiki adalah alasan kosong.

[78] Berdasarkan keterangan yang dinyatakan di dalam perenggan sebelum ini menunjukkan bahawa Jay/SP54 bersama T3–T7 telah berada di Restoran

Syed Bistro pada 3 September 2015 dan 4 September 2015 iaitu sebelum kesemua mereka bergerak ke kawasan kediaman si mati pada kedua-dua tarikh tersebut. T3–T6 ini telah dilihat menaiki Triton dan berada di dalam Triton pada kedua-dua tarikh tersebut. Berdasarkan rakaman CCTV yang diperolehi di restoran tersebut, mengesahkan bahawa kesemua T3–T7 termasuklah Jay/SP54 berada di restoran tersebut. Ini menunjukkan bahawa keterangan yang diberikan oleh Jay/SP54 adalah konsisten dengan rakaman CCTV tersebut.

[79] Melalui rakaman CCTV yang diperolehi ditempat perlanggaran, T7 telah dilihat keluar dari kereta Perdana WHS 9771 di satu persimpangan lampu isyarat dan telah berjalan menuju ke Triton sebelum Triton dilihat melanggar kereta si mati.

[80] Kesemua T3–T7 berada di dalam Triton semasa ianya melanggar kereta si mati pada 4 September 2015. Selain itu, kesemua T3–T7 dilihat ada bersama di New Town Hotel pada 3 September 2015 dan GO Hotel pada 4 September 2015.

[81] Pihak pendakwaan di dalam hujahannya mengguna pakai prinsip 'last seen together' sebagaimana yang diputuskan di dalam kes India iaitu *Ashok v State of Maharashtra* Criminal Appeal No 2224 of 2011. Di dalam kes tersebut, mahkamah telah memutuskan seperti berikut:

> From the study of above stated judgments and many others delivered by this court over a period of years, the rule can be summarized as that *the initial burden of proof is on the prosecution to bring sufficient evidence pointing towards guilt of accused. However, in case of last seen together, the prosecution is exempted to prove exact happening of the incident as the accused himself would have special knowledge of the incident* and thus, would have burden of proof as per s 106 of Indian Evidence Act. Therefore, last seen together itself is not a conclusive proof but along with other circumstances surrounding the incident, like relations between the accused and the deceased, enmity between them, previous history of hostility, recovery of weapon from the accused etc., non-explanation of death of the deceased, may lead to a presumption of guilt.

[82] Pada masa yang sama, pihak pendakwaan juga membuat rujukan kepada s 106 Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan seperti berikut:

> s 106 Burden of proving fact especially within knowledge
>
> When any fact is especially within the knowledge of any person, the burden of proving that fact is upon him.
>
> ILLUSTRATIONS

A

(a) When a person does an act with some intention other than that which the character and circumstances of the act suggest, the burden of proving that intention is upon him.

(b) A is charged with travelling on a railway without a ticket. The burden of proving that he had a ticket is on him.

B

[83] Berkenaan dengan prinsip 'last seen together' yang dibawa oleh pihak pendakwaan, mahkamah ini merujuk kepada kes *Rakesh Kumar a/l Thangagrajoo lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan* [2017] MLJU 618; [2017] 1 LNS 502 yang mana di dalam kes tersebut Mahkamah Rayuan menerima pakai prinsip *last seen together* dan memutuskan seperti berikut:

C

Kami juga bersetuju dengan penghujahan timbalan pendakwa raya berkenaan dengan pemakaian konsep 'last seen together' seperti mana diputuskan dalam kes *Ashok v State of Maharashtra* Criminal Appeal No 2224 of 2011. Dalam kes ini, Mahkamah Agung di India telah memutuskan seperti yang berikut:

D

The 'last seen together' theory has been elucidated by this Court in *Trimukh Marotiu Kirkan v State of Maharashtra,* [2006] 10 SCC 106, in the following words:

E

Where an accused is alleged to have committed the murder of his wife and the prosecution succeeds in leading evidence to show that shortly before the commission of crime they were seen together or the offence takes place in the dwelling home where the husband also normally resided, it has been consistently held that if the accused does not offer any explanation how the wife received

F

injuries or offers an explanation which is found to be false, it is a strong circumstance which indicates that he is responsible for commission of the crime. *Thus, the doctrine of last seen together shifts the burden of proof on the accused, requiring him to explain how the incident had occurred.* Failure on the part of the accused to furnish any explanation in this regard, would give rise to a very strong

G

presumption against him.

In *Ram Gulab Chaudhary v State of Bihar* [2001] 8 SCC 311, the accused after brutally assaulting a boy carried him away and thereafter the boy was not seen alive nor his body was found. The accused, however, offered no explanation as to what they did after they took away the boy. It was held that for absence of any

H

explanation from the side of the accused about the boy, there was every justification for drawing an inference that they had murdered the boy.

In *Nika Ram v State of HP* [1972] 2 SCC 80, it was observed that the fact that the accused alone was with his wife in the house when she was murdered with a 'Khukhri' and the fact that the relations of the accused with her were strained

I

would, in the absence of any cogent explanation by him, point to his guilt.

The latest judgment on the point is *Kanhaiya Lal v State of Rajasthan* [2014] 4 SCC 715. In this case this court has held that *the circumstance of last seen together does not by itself and necessarily lead to the inference that it was the accused who committed the crime. There must be something more establishing the connectivity between the accused*

and the crime. Mere non-explanation on the part of the accused by itself cannot lead to the proof of guilt against the accused.

From the study of above stated judgments and many others delivered by this court over a period of years, the rule can be summarized as that the initial burden of proof is on the prosecution to bring sufficient evidence pointing towards guilt of accused. However, in case of last seen together, the prosecution is exempted to prove exact happening of the incident as the accused himself would have special knowledge of the incident and thus, would have burden of proof as per Section 106 of Indian Evidence Act. Therefore, *last seen together itself is not a conclusive proof but along with other circumstances surrounding the incident, like relations between the accused and the deceased, enmity between them, previous history of hostility, recovery of weapon from the accused etc, non-explanation of death of the deceased, may lead to a presumption of guilt.*

[84] Mahkamah ini juga merujuk kes *Rajamorgan a/l Marimuthu v Public Prosecutor* [2014] 5 MLJ 565; [2014] 6 CLJ 850, YA Mohd Zawawi Salleh HMR (pada ketika itu) telah menjelaskan prinsip 'last seen together' seperti berikut:

With respect, we disagree with the submission. The fact that the appellant was last seen with the deceased may have created suspicions of his guilt, but not enough to prove the case against him beyond reasonable doubt. It is trite that last seen evidence does not by itself necessarily leads to an irresistible inference that the appellant committed the crime unless the same is duly supported by other links in the chain of circumstances evidence unerringly pointing out the guilt of the appellant. It should also be noted that the last seen evidence is only relevant evidence to complete the chain of circumstantial evidence; however, the conviction cannot be solely based on this piece of evidence. Dealing with the principle of last seen evidence, the Supreme Court of India in *Rishi Pal v State of Uttarakhand* [2013] (2) ACR 147, had this to say:

In *Mohibur Rahman and Anr v State of Assam* [2002] 6 SCC 715, this court held that the circumstance of last seen does not by itself necessarily lead to the inference that it was the accused who committed the crime. It depends upon the facts of each case. There may however be cases where, on account of close proximity of place and time between the event of the accused having been last seen with the deceased and the factum of death, a rational mind may be persuaded to reach an irresistible conclusion that either the accused should explain how and in what circumstances the victim suffered the death or should own the liability for the homicide. Similarly, in *Arjun Marik and Ors v State of Bihar* [1994] Supp (2) SCC 372, this court reiterated that the solitary circumstance of the accused and victim being last seen will not complete the chain of circumstances for the Court to record a finding that it is consistent only with the hypothesis of the guilt of the accused. No conviction on that basis alone can, therefore, be founded. So also in *Godabarish Mishra v Kuntala Mishra and Another* [1996] 11 SCC 264, this Court declared that the theory of last seen together is not of universal application and may not always be sufficient to sustain a conviction unless supported by other links in the chain of circumstances. In *Bharat v State of MP* [2003] 3 SCC 106; two circumstances on the basis whereof the Appellant had been convicted were (i) the appellant

having been last seen with the deceased and (ii) recovery of ornaments made at his instance. This court held: ... Mere non-explanation cannot lead to the proof of guilt against the Appellant. The prosecution has to prove its case against the Appellant beyond reasonable doubt. The chain of circumstances, in our opinion, is not complete so as to sustain the conviction of the appellant ...

[85] Di dalam mengguna pakai prinsip 'last seen together' tersebut, mahkamah ini juga perlu mempertimbangkan keterangan lain dan tidak boleh semata-mata bergantung kepada prinsip tersebut sahaja.

[86] Namun begitu, mahkamah ini bersetuju dengan fakta yang menunjukkan bahawa T3–T7 merupakan orang yang terakhir berada bersama si mati berdasarkan keterangan ikut keadaan berikut:

(a) berdasarkan keterangan Jay/SP54, pada 4 September 2015 beliau bersama T3–T7 telah ke kawasan luar kodominium si mati yang terletak di Menara Duta Condominium yang mana Jay/SP54 dan T7 pergi dengan menaiki kereta Perdana WHS 9771 manakala T3–T7 telah menaiki kenderaan Triton;

(b) kemudiannya di satu persimpangan lampu isyarat, T7 telah turun dari kereta Perdana WHS 9771 yang dipandu oleh Jay/SP54 menuju ke kenderaan Triton dan Jay/SP54 pun pergi meninggalkan mereka;

(c) melalui rakaman CCTV ITIS, SP66 mendapati bahawa terdapat satu perlanggaran antara kereta pancuan empat roda dengan kereta saloon yang mana kemudiannya kereta empat roda dicamkan sebagai Triton 'P110';

(d) kemudiannya, T7 dilihat memandu kereta si mati ke Bengkel Desa Mentari milik Murugan dan T7 juga yang telah membakar kereta si mati di Hutan Melintang dengan menggunakan minyak petrol yang T7 arahkan Murugan membelinya;

(e) terdapat kesan DNA milik si mati pada pintu tandas Bengkel Desa Mentari tersebut.

(f) dengan dipandu arah oleh T7, kad Touch 'n Go (P160) milik si mati berserta dengan grinder {P109B} telah ditemui di dalam Sungai di Kuala Selangor;

(g) dengan dipandu arah oleh T6, tong drum yang di dalamnya berisi mayat si mati telah ditemui di sebuah kawasan paya; dan

(h) terdapat DNA si mati, T6 dan T7 pada sehelai T-shirt hitam (P44B) yang dijumpai di dalam kereta Perdana WHS 9771.

[87] Berdasarkan keterangan yang dinyatakan di perenggan sebelum ini,

ianya jelas menunjukkan T3–T7 merupakan orang terakhir yang ada bersama si mati.

Inti pati keempat: tertuduh-tertuduh, dengan perbuatannya, berniat untuk menyebabkan kematian si mati, iaitu tertuduh-tertuduh telah melakukan perbuatan itu dengan kesedaran seperti yang ditakrifkan di bawah s 300(a)–(d) KK

[88] Secara umumnya, niat adalah berdasarkan inferens. Ianya boleh dilihat berdasarkan hal keadaan dan perlakuan keseluruhan seseorang dan keadaan sekeliling kes serta kecederaan yang dialami oleh si mati.

[89] Niat telah dijelaskan di dalam *Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crime* (26th Ed) di ms 1385 seperti berikut:

> At the same time however, it is equally true that intention is a subjective element and in most of the cases direct proof of intention is not forthcoming. It has rightly been said that 'the Devil himself knows not the thought of man.' A man's intention is a question of fact and it can be gathered from his acts. In deciding the intention of the accused, the court may consider the nature of the weapon used, the part of the body of the victimchosen by the accused for attack, the number of blows administered the force used by the assailant, etc.

[90] Mahkamah di dalam kes *Public Prosecutor v Norazam Ibrahim* [2006] 8 CLJ 462 memutuskan bahawa niat boleh didapati daripada tindakan tertuduh:

> In this regard the accused intention of causing bodily injury to the deceased may be gathered from the accused's act.

[91] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Tham Kai Yau & Ors v Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 174; [1976] 1 LNS 159 telah menyatakan bahawa boleh dibuat inferen:

> Intention is a matter of inference. The deliberate use by some men of dangerous weapon at another leads to the irresistible inference that their intention is to cause death ... In actual practice however, it is frequently a matter of considerable difficulty to arrive at a conclusion by application of this principle in view of the close connection that the Penal Code makes between intention and knowledge. The provisions relating to murder and culpable homicide are probably the most tricky in the Code and are so technical as frequently to lead to confusion. Not only does the Code draw a distinction between intention and knowledge but subtle distinctions are drawn between the degree of intention to inflict bodily injury.

[92] Di dalam kes *Sainal Abidin bin Mading v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 497; [1999] 4 CLJ 215, pula Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa niat boleh dibuat melalui inferen di samping keterangan langsung dari saksi:

Intention is a matter of inference. In the instant case, the trial judge had carefully considered the evidence of the doctor (medical evidence), the evidence of the eye-witnesses and the appellant on the issue of intention. After considering the nature of the injuries sustained by the deceased, the number of wounds and the weapon used, the trial judge had correctly regarded the nature of the injuries sustained by the deceased as an indicator of intention. The trial judge was correct in concluding that the appellant possessed the intention of causing such bodily injuries to the deceased and that such injuries were sufficient in the ordinary course of nature to cause death.

[93] Mahkamah ini juga merujuk kepada kes *Nor Hasnizam bin Ab Latif v Public Prosecutor* [2002] 1 MLJ 154; [2002] 1 CLJ 49 yang mana Mahkamah Rayuan memutuskan berkenaan inferen kepada niat, seperti berikut:

> On the question of intention to kill, it is a matter of inference from the nature of the wounds and it is pertinent to refer to the case of *Tan Buck Tee v Public Prosecutor* [1961] 1 MLJ 176 at p 179; [1961] 1 LNS 130 where Thomson CJ (as he then was) observed:
>
> > There was the body with five appalling wounds on it, *wounds penetrating to the heart and liver*, which must have been caused by violent blows with a heavy sharp instrument like an axe. In the absence of anything else, *whoever inflicted those blows must have intended to kill the person on whom they were inflicted*. (Emphasis added.)

[94] Mahkamah Agung di India di dalam kes *Virsa Singh v The State of Punjab* 1958 AIR 465 telah memutuskan seperti berikut:

> In considering whether the intention was to inflict the injury found to have been inflicted, the enquiry necessarily proceeds on broad lines for example, whether there was an intention to strike at a vital or dangerous spot, and whether with sufficient force to cause the kind of injury found to have been inflicted. It is of course not necessary to enquire into every last detail as, for instance, whether the prisoner intended to have the bowels fall out, or whether he intended to penetrate the liver of kidney or the heart. Otherwise, a man who has no knowledge of anatomy could never be convicted, for if he does not know that there is a heart or kidney or bowels, he cannot be said to have intended to injure them. Of course, that is not simple and based on common sense, the kind of injury that 'twelve good men and true' could really appreciate and understand.

[95] Di dalam kes ini, niat boleh dilihat berdasarkan s 300(c) KK yang mana kesemua tertuduh mempunyai niat yang sama untuk mencederakan si mati yang mana ianya cukup untuk menyebabkan kematian kepada si mati. Ini dapat dirujuk dari segi kecederaan yang terdapat pada tubuh badan si mati dan juga keadaan si mati semasa ianya dijumpai serta punca kematian si mati. Antara keterangan yang dapat menyokong adalah sebagaimana berikut:

(a) SP9 menerangkan bahawa punca kematian si mati adalah disebabkan

oleh *probable asphyxia*;

(b) si mati dijumpai mati dalam keadaan tangan berikat;

(c) si mati berada di dalam tong drum berada di dalam satu guni;

(d) si mati juga dijumpai dalam kedudukan seperti janin (*fetus*); dan

(e) kecederaan pada si mati bukan dalam keadaan *self-inflicted*.

[96] Mahkamah ini juga mengambil kira berkenaan dengan keterangan bahawa T6 dan T7 telah memandu arah anggota polis atau *leading to discovery* yang membawa kepada penemuan kepada barang-barang kes seperti berikut:

(a) sebuah tong drum yang mengandungi mayat si mati;

(b) sekeping kad Touch 'n Go (P160) milik si mati;

(c) sebuah grinder {P109B} yang digunakan untuk memotong nombor chasis kereta si mati;

(d) kereta si mati dalam keadaan nombor chasis dan nombor injinnya telah dilupuskan;

(e) sebuah kenderaan jenis Proton Perdana dengan nombor pendaftaran WHS 9771 yang mana telah dijumpai di dalamnya sehelai T-shirt warna hitam 'P44B' yang mempunyai kesan DNA si mati, T6 dan T7; dan

(f) sebuah kenderaan jenis Mitsubishi Triton dengan nombor pendaftaran PEP 1135 yang mana di dalamnya telah ditemui sarung tangan yang mempunyai kesan DNA si mati.

[97] SP31 menyatakan T6 telah memberitahunya tentang keberadaan mayat si mati. SP31 juga di dalam keterangannya mengatakan bahawa T7 memberitahunya tentang kereta Perdana WHS 9771 yang digunakan untuk memindah mayat si mati. Kenderaan itu telah dijumpai di rumah T7. Seterusnya, SP31 diberitahu oleh T7 bahawa beliau telah ke Kuala Lumpur dengan menaiki Triton warna hitam yang telah digunakan untuk melanggar kereta perdana si mati di Jalan Segambut. Kemudian, SP31 telah dipandu arah oleh T7 telah pergi ke sebuah rumah dan menunjukkan ke arah Triton tersebut.

[98] Menurut SP32, T7 memberitahu bahawa grinder {P109B} dan barang-barang milik si mati telah dicampak ke dalam sungai Kuala Selangor. T7 juga memberitahu SP32 bahawa grinder {P109B} tersebut telah digunakan untuk memotong nombor chasis dan nombor enjin si mati. T7 kemudiannya telah memandu arah SP32 dan menunjukkan ke dalam sungai.

[99] SP66 pula di dalam keterangannya menyatakan T7 telah

memberitahunya berkenaan dengan mesin smart tag, kad Touch 'n Go (P160), id, pen, pengecas telefon bimbit yang diambil daripada kereta milik si mati telah dibuang ke dalam sungai berhampiran dengan Jeti Kuala Selangor. T7 juga memberitahu bahawa dia boleh menunjukkan tempat beliau telah buang barang milik si mati tersebut kepada si mati yang kemudiannya membawa kepada penemuan kad Touch 'n Go (P160) milik si mati. Ternyata barang-barang ini benar dijumpai sebagaimana ditunjukkan.

[100] Sama ada keterangan yang diberikan oleh T6 dan T7 kepada anggota polis yang membawa kepada penemuan beberapa barang kes sebagaimana yang dinyatakan di atas boleh diterima, saya merujuk kepada s 27 Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan seperti berikut:

> s 27 How much of information received from accused may be proved
>
> (1) When any fact is deposed to as discovered in consequence of information received from a person accused of any offence in the custody of a police officer, so much of that information, whether the information amounts to a confession or not, as relates distinctly to the fact thereby discovered may be proved.

[101] Pemakaian s 27 Akta Keterangan 1950 tersebut telah diputuskan di dalam kes *Siew Yoke Keong v Public Prosecutor* [2013] 3 MLJ 630; [2013] 4 CLJ 149 yang mana Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti berikut:

> [26] In fact, earlier, in *Wai Chan Leong v Public Prosecutor* [1989] 3 MLJ 356; [1989] 1 CLJ Rep 171; [1989] 2 CLJ 1168, the Supreme Court had already decided that 'information' which was deliberately used by the legislature under s 27 of the Evidence Act, (unlike statement), included knowledge derived by the person informed by the accused as well as the means used to impart that knowledge. This is clear from the judgment of Gunn Chit Tuan SCJ delivering the judgment of the court:
>
> > It must be observed that the legislature has used the expression 'information' in s 27 of the Evidence Act and therefore did not intend it to have the same meaning as a statement. Although the expression is not defined in the Evidence Act, *unlike a statement, it includes knowledge derived by the person informed by the accused as well as the means taken to impart that knowledge.* (Emphasis added.)
>
> [27] ...
>
> [28] In the light of the authorities referred to, we hold that information admissible under s 27 of the Evidence Act includes accused's statement, or his act or conduct such as pointing out which leads distinctly to the discovery of a fact. For such information to be admissible in evidence, there is no duty on the prosecution to prove the voluntariness of the information. Hence it is not necessary to conduct a trial within a trial to determine the voluntariness of the information ...

[102] Kes *Siew Yoke Keong v Public Prosecutor* yang dinyatakan di atas juga telah dirujuk oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Pathmanabhan a/l*

Nalliannen v Public Prosecutor and other appeals [2017] 3 MLJ 141; [2017] 4 CLJ 137.

[103] Mahkamah ini juga berpandangan bahawa perbuatan T6 dan T7 memandu arah ke tempat di mana barang kes yang dijumpai serta dengan menunjukkan ke arah barang kes yang ditemui merupakan suatu keterangan perlakuan dan pengetahuan T6 dan T7 yang mana ianya boleh diterima masuk sebagai keterangan di bawah s 8 Akta Keterangan 1950.

Seksyen 8 Akta Keterangan memperuntukkan seperti berikut:

> 8 Motive, preparation and previous or subsequent conduct
>
> (1) Any fact is relevant which shows or constitutes a motive or preparation for any fact in issue or relevant fact.
>
> (2) The conduct of any party, or of any agent to any party, to any suit or proceeding in reference to that suit or proceeding, or in reference to any fact in issue therein or relevant thereto, and the conduct of any person an offence against whom is the subject of any proceeding, is relevant if the conduct influences or is influenced by any fact in issue or relevant fact, and whether it was previous or subsequent thereto.'

[104] Maklumat yang diberikan kepada anggota polis (P31, P32 dan P66) dan juga tindakan tertuduh-tertuduh dengan memandu arah dan menunjukkan tempat barang kes ditemui boleh diterima masuk di bawah ss 8 dan 27 Akta Keterangan 1950 sebagaimana yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Pathmanabhan a/l Nalliannen v Public Prosecutor and other appeals* seperti berikut:

> The acts of the second and fourth accused persons leading SP32 to the location where the Seiko watch, the logs and the zinc sheets were found, and pointing to the location, are admissible as conduct under ss 8 and 27 of the EA. The conduct and information leading to the discovery show that the second and fourth accused persons knew of the various locations where the items had been disposed of. They would not have had such knowledge had they not participated in the acts leading to the deaths of Sosilawati and the three others.

[105] Apakah kaitan antara T1 dan T3–T7 di dalam pembunuhan si mati? Adakah T1 mempunyai motif untuk membunuh si mati. Sekali lagi mahkamah ini merujuk kepada s 8 Akta Keterangan. Menurut keterangan yang diberikan oleh SP69 iaitu penolong pendaftar mahkamah T1 ada memasukkan satu notis permohonan bersama afidavit yang diikrarkan oleh T1 sendiri bagi mendapatkan satu perintah agar si mati di dalam kes ini disingkarkan dari mengendalikan kes rasuah yang melibatkan T1 di Mahkamah Sesyen Shah Alam. Di dalam menyokong permohonan tersebut, T1 telah membuat alegasi terhadap si mati dengan mengatakan si mati telah

bertindak di luar kuasanya dan si mati telah melibatkan dirinya sendiri di dalam siasatan yang melibatkan kes rasuah T1.

[106] Keterangan tersebut adalah konsisten dengan keterangan Jay/SP54 yang menyatakan seperti berikut:

> Soalan: ... Dia kata Dato' Kevin menyusahkan dia?
>
> Jawapan: Ya, itulah perkataan yang digunakan, selalu menyusahkan dia sebab dari satu kes ke satu kes yang lain dan dia terpaksa menanggung peguam dia untuk bayaran peguam dia selalu tinggi naik naik mungkin satu hari dia akan menjadi miskin tak ada duit itulah rungutan dia.

[107] SP46 yang merupakan seorang timbalan pendakwa raya yang ada bersama si mati semasa mengendalikan kes rasuah T1 turut menyatakan bahawa T1 seperti 'disgusted' (menjijikkan) terhadap si mati ketika pertuduhan dibacakan terhadap T1.

[108] Selain itu, terdapat juga keterangan yang menunjukkan setiap kali kes rasuah T1 berjalan di mahkamah, T6 akan hadir bersama dan ini disahkan oleh JAY/SP54 sendiri.

[109] Berdasarkan keterangan yang dinyatakan di atas, ia adalah jelas menunjukkan motif bahawa T1 tidak berpuas hati dengan tindakan si mati.

[110] Berdasarkan keadaan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah memenuhi inti pati keempat bagi kesalahan di bawah s 302 KK yang mana kesemua tertuduh dengan sengaja mempunyai niat untuk mencederakan tubuh badan si mati yang mana pada lazimnya ianya cukup untuk menyebabkan kematian terhadap si mati. Keadaan tersebut adalah tepat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 300(c) KK.

Tertuduh-tertuduh mempunyai niat yang sama untuk melakukan bunuh terhadap si mati (s 34 KK)

[111] Pihak pendakwaan di dalam hujahannya menyatakan bahawa pemakaian s 34 Kanun Keseksaan tidak terhad kepada perlakuan sahaja akan tetapi meliputi 'ketinggalan'.

[112] Pihak pendakwaan telah merujuk mahkamah ini kepada tiga peruntukan berikut:

(a) s 32 Kanun Keseksaan:

> s 32 Words referring to acts include illegal omissions

In every part of this Code, except where a contrary intention appears from the context, words which refer to acts done extend also to illegal omissions

(b) s 33 Kanun Keseksaan:

s 33 'Act' and 'omission'

The word 'act' denotes as well a series of acts as a single act: the word 'omission' denotes as well a series of omissions as a single omission.

(c) s 34 Kanun Keseksaan:

s 34 Each of several persons liable for an act done by all, in like manner as if done by him alone

When a criminal act is done by several persons, in furtherance of the common intention of all, each of such persons is liable for that act in the same manner as if the act were done by him alone.

[113] Selanjutnya, pihak pendakwaan menyatakan bahawa perkataan 'act' yang terkandung di dalam s 34 Kanun Keseksaan tersebut harus dibaca bersama s 33 Kanun Keseksaan yang mana 'act' tersebut haruslah mengambil kira semua 'act' dan 'omission' oleh tertuduh-tertuduh dengan membuat rujukan kepada kes *Low Kian Boon & Anor v Public Prosecutor* [2010] 4 MLJ 425; [2010] 5 CLJ 489 yang mana Mahkamah Persekutuan telah memutuskan seperti berikut:

... Section 33 states that the word 'act' denotes a series of acts as well as a single act; and the word 'omission' denotes a series of omissions as well as a single omission. It follows that the words in s 34 'when a criminal act is done by several persons' may be construed to mean 'when criminal acts are done by several persons'. Thus, where different acts in a criminal enterprise are committed by different participants, such participants may still be regarded as having done 'a criminal act' for the purposes of liability under s 34.

[114] Sebelum mahkamah ini menyentuh berkenaan dengan niat bersama antara T1 dan T3 sehingga T7, mahkamah ini terlebih dahulu merujuk kepada kes *(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng, and (4) Ng Ah Kiat v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 336; [1987] CLJ Rep 241; [1987] 1 CLJ 540, yang mana YA Syed Agil HMA (pada ketika itu) telah memutuskan isu pemakaian niat bersama seperti berikut:

In law, common intention requires a prior meeting of the minds and presupposes some prior concert. Proof of holding the same intention or of sharing some other intention, is not enough. There must be proved either by direct or circumstantial evidence that there was (a) a common intention to commit the very offence of which the accused persons are sought to be convicted and (b) participation in the commission of the intended offence in furtherance of that common intention.

Where the prosecution case rest on circumstantial evidence, the circumstances

which are proved must be such as necessarily lead only to that inference. Direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because common intention may develop on the spot and without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from the facts and circumstances of the case and the conduct of the accused (*The Supreme Court (of India) on Criminal Law* 1950–1960 by JK Soonavala pp 188–193).

[115] Mahkamah ini juga membuat rujukan kepada kes *Farose bin Tamure Mohamad Khan v Public Prosecutor and other appeals* [2016] 6 MLJ 277; [2016] 9 CLJ 769 yang mana YAA Raus Sharif PMR (pada ketika itu) telah membincangkan pemakaian s 34 Kanun itu seperti berikut:

> [65] ... we still hold the view which had been widely accepted by our courts that in a criminal prosecution where s 34 of the Penal Code is invoked, it is not incumbent on the prosecution to prove that there existed between the participants a common intention to commit the crime actually committed. As long as there is a common intention to commit a criminal act, which resulted to the commission of a crime actually committed, s 34 can operate against all persons involved in the commission of the actual crime.
>
> [66] The existence of a common intention is a question of fact in each case to be proved mainly as a matter of inference from the circumstances of the case. Direct evidence as proof is difficult to procure because the common intention is essentially a state of mind. Invariably inferences have to rely upon arising from such acts or conduct of the accused, the manner in which the accused arrived at the scene, the nature of injury caused by one or some of them or such other relevant circumstances available. The totality of the circumstances must be taken into consideration in arriving at a conclusion whether there is a common intention to commit the offence for which the accused could be convicted. The facts and circumstances of each case might vary. As such, each case should be decided based on the facts involved ...
>
> [70] Berbekalkan prinsip kes *Namasiyiam s/o Doraisamy & Ors dan Farose Tamure Mohamad Khan*, mahkamah ini akan meneliti keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan sama ada niat bersama antara T1 dan T2 dibuktikan. Sepanjang kes pendakwaan, T1 dan T2 telah dibuktikan hadir bersama si mati di rumah T1. Keterangan SP:23 yang mengesahkan T1 dan T2 orang yang terakhir bersama si mati di rumah T1. Saya bersetuju kedua-dua tangan si mati diikat bagi menghadkan pergerakan si mati daripada menyelamatkan diri. Si mati telah dibawa dari rumah T1 ke Jalan Dato Ali sehinggalah mayat ditemui. Segala perbuatan ini tidak boleh dilakukan seorang diri. T1 dan T2 membawa si mati ke Jalan Dato Ali menggunakan kereta Proton Saga (P86) dan mencampakkan ke dalam sungai dan dibawa arus ke muara Kuala Perlis di mana dijumpai oleh nelayan.
>
> [71] Saya berpendapat pendakwaan telah membuktikan T1 dan T2 secara niat bersama di bawah s 34 Kanun itu melakukan pembunuhan ke atas si mati pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam Pertuduhan Pindaan [P98].

[116] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Public Prosecutor v Azilah bin*

Hadri & Anor [2015] 1 MLJ 617; [2015] 1 CLJ 579 telah membincangkan berkenaan dengan pemakaian s 34 Kanun Keseksaan seperti berikut:

> [98] Section 34 of the Penal Code provides that when a criminal act is done by several persons, in furtherance of the common intention of all, each of such persons is liable for that act in the same manner as if the act was done by him alone. The Supreme Court in *(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng, and (4) Ng Ah Kiat v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 336; [1987] CLJ Rep 241; [1987] 1 CLJ 540 at p 344 observed that:
>
> > In law, common intention requires a prior meeting of the minds and presupposes some prior concert. Proof of holding the same intention or of sharing some other intention, is not enough. There must be proved either by direct or by circumstantial evidence that there was (a) a common intention to commit the very offence of which the accused persons are sought to be convicted and (b) participation in the commission of the intended offence in furtherance of that common intention.
> >
> > Where the prosecution case rests on circumstantial evidence, the circumstances which are proved must be such as necessarily lead only to that inference. Direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because common intention may develop on the spot and without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from the facts and circumstances of the case and the conduct of the accused (*The Supreme Court (of India) on Criminal Law 1950–1960* by JK Soonavala at pp 188-193).
>
> [99] It is trite that when s 34 of the Penal Code is alluded to in a charge for murder, there is no requirement to prove who actually or ultimately caused the death of the deceased (*Ong Chee Hoe & Anor v Public Prosecutor* [1999] 4 SLR 688). In that case the court opined:
>
> > In any case, the effect of invoking s 34 made it unnecessary to determine who exactly the actual doer of the offence in question was. In the Privy Council decision of *Barenda Kumar Ghosh v Emperor* AIR 1925 PC 1, the court stated:
> >
> > Section 34 deals with the doing of separate acts, similar or diverse, by several persons; but if all are done in furtherance of a common intention, each person is liable for the result of them all, as if he had done them himself.

[117] Berdasarkan prinsip yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpendapat bahawa kehadiran T1 di setiap tempat untuk menunjukkan penglibatan beliau dalam pembunuhan si mati adalah tidak perlu, dan boleh dibuat secara inferens. Penglibatan T1 di dalam kes ini boleh dilihat apabila hanya T1 yang mengenali si mati. Selain itu, hanya T1 sahaja yang mempunyai masalah dengan si mati dan ini dapat disokong melalui keterangan SP69 apabila T1 membuat permohonan untuk menyingkirkan si mati daripada mengendalikan kes rasuah T1 di Mahkamah Sesyen Shah Alam.

[118] Saya merujuk kes *Mohd Ghafar Othman v Public Prosecutor* [1986] CLJ Rep 524; [1986] 2 CLJ 257 yang mana mahkamah memutuskan seperti berikut:

> At the close of the prosecution case, when the learned magistrate held that there was a prima facie case against the appellant and the third accused, presumably the learned magistrate had found there was common intention. But then the second accused was acquitted and discharged without his defence being called just because he did nothing. If there was common intention, then all the three accuseds' defence should have been called. *After all one can participate in the pre-arranged plan by just standing or keeping a look out or by being present at the scene of the crime to lend weight by numbers. One can also participate by just standing or sitting quietly, just like the extras in a film or in a play*. In any event, there is a total absence of such evaluation of evidence to infer such a pre-arranged plan to handcuff the complainant, or to put him under threat of arrest.

[119] Manakala T3 sehingga T7 tidak mengenali si mati dan tidak ada sebab untuk mereka membunuh si mati melainkan atas arahan T1. Tindak tanduk T1 yang menawarkan dirinya untuk membayar yuran guaman bagi tertuduh lain dalam kes ini juga menguatkan lagi bahawa T1 juga terlibat sama di dalam kes ini. Tidak mungkinlah seseorang yang tidak ada kena-mengena akan menawarkan wang untuk membayar yuran guaman.

[120] Selain itu, keterangan Jay/SP54 juga memberitahu bahawa T1 telah menunjukkan gambar kereta si mati terbakar yang berada di dalam telefon bimbit T1. T1 juga memberitahu kepada Jay/SP54 bahawa kereta yang terbakar tersebut adalah milik si mati. T1 juga menyuruh Jay/SP54 untuk bertenang dan tidak mengambil tahu tentang apa yang terjadi. Keadaan tersebut jelas menunjukkan bahawa T1 mempunyai pengetahuan terhadap perlakuan T3 sehingga T7 dalam pembunuhan si mati.

[121] Tindakan T3 sehingga T7 yang berkumpul di sebuah Restoran Syed Bistro sebelum ke tempat kejadian, perlanggaran dan juga telah menculik si mati jelas menunjukkan mereka mempunyai niat yang sama untuk membunuh si mati. Tindakan tersebut tidak boleh dilakukan oleh seorang individu sahaja. Ini dapat dilihat berdasarkan kesan kecederaan yang ada pada tubuh badan si mati dan juga punca kematian si mati serta bagaimana mayatnya ditemui. Keadaan tersebut dan juga keterangan SP11 jelas menunjukkan bahawa hanya T3 sehingga T7 sahaja yang mempunyai peluang untuk memperlakukan perbuatan tersebut kepada si mati.

[122] Saya merujuk kes *Pathmanabhan a/l Nalliannen v Public Prosecutor* [2016] 1 MLJ 609; [2016] 1 CLJ 377 memutuskan seperti berikut:

> It was the finding of the learned trial judge that Sosilawati would not have gone to the farm unannounced. His Lordship made an inference that it was the first

appellant who had lured Sosilawati to the farm. *From the evidence of SP33, the learned trial judge found that the manner in which Sosilawati and company were burnt to death leans towards a pre-arranged plan orchestrated by the first appellant and carried out by the second to the fourth appellants which bring into action the provision of* s 34 of the Penal Code on common intention. (Penekanan ditambah.)

[123] Berdasarkan alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpuas hati bahawa T1 dan T3 sehingga T7 mempunyai niat bersama untuk membunuh si mati. Oleh yang demikian, satu kes di bawah s 302 KK yang dibaca bersama s 34 KK telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

Sama ada JAY/SP54 merupakan rakan sejenayah 'accomplice' dan sama ada keterangan yang diberikan oleh rakan sejenayah memerlukan keterangan sokongan

[124] Prinsip umum berkenaan dengan rakan sejenayah telah dijelaskan di bawah s 103 Akta Keterangan sebagaimana berikut:

Section 133 Accomplice.

An accomplice shall be a competent witness against an accused person; and a conviction is not illegal merely because it proceeds upon the uncorroborated testimony of an accomplice.

[125] Rakan sejenayah atau *accomplice* telah ditakrifkan di dalam kes *Public Prosecutor v Abdul Azizsou & Ors* [1978] 2 MLJ 165; [1978] 1 LNS 149 sebagaimana berikut:

The learned Deputy Pubic Prosecutor argued that PW3 was not an accomplice and he referred to *Rattan Singh v Public Prosecutor* [1971] 1 MLJ 162 which is a corruption case in which the learned judge quoted *Regina v Mullins* 3 Cox CC 256 where Maule J said at p 530 as follows:

> Barrett and Baldwinson, on the other hand, were really Chartists, concurring fully in the criminal designs of the rest for a certain time, until getting alarmed, or from some other cause, they turned upon their former associates, and gave information against him. These persons may be truly called accomplices.

The learned DPP also quoted *Lian Teck Chew v Regina* [1955] MLJ 28; [1955] 1 LNS 54 where one Mr Waters, an acting Deputy Superintendent of the Harbour Board Police. On three occasions carried chandu from the Harbour Board area and on each occasion was subsequently given a sum of money.

The learned DPP argued that an accomplice is one who participated in the offence and he submitted that PW3 did not participate in the offence unlike Barrett and Baldwinson in R v. Mullins and that he was more like Mr Waters in Lian Teck Chew.

With respect, I do not agree with him. I agree with the learned President that PW3 is an accomplice. It was he who wrote down the number of five parcels on which duty had not been paid and which was the subject matter of the charge It was he who tampered with exh CD6 (p4) enabling the crime to be perpetrated. PW3 could be charged jointly with the three respondents. In the same case *Regina v Mullens*

(above) Maule J stated:

> An accomplice is a person who has concurred in the commission of an offence.

In Lian Teck Chew case it was only the allegation of the appellant, the accused in that case, that Mr Waters carried the chandu. It was a mere allegation and the court obviously did not believe the accused. But if Mr Waters did in fact carry the opium as alleged and it was so proved, then I am of the opinion that he was also an accomplice.

[126] Di dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Jamil bin Yahya & Anor* [1993] 3 MLJ 702; [1993] 1 LNS 95, mahkamah menyatakan seperti berikut:

But how does one determine whether a person is an accomplice? As pointed out in 2 Sarkar at p 1280:

> The point for determination appears to be whether the witness entered into the conspiracy with the sole object of detecting and betraying it or whether he is a person who concurred fully in the criminal design of his co-conspirators for a time and joined in the execution of these till out of fear or for some other reason he withdrew from the conspiracy and gave information to the authorities. If he extends no aid to the prosecution until after the offence has been committed, he would be an accomplice. If he originally joined the conspiracy with the sole object of taking part in the crime, he cannot change his position to that of an informer by subsequently giving information of the crime (see *Karim v R* 9L 550; *Pulin v R* 16 CWN 1105, 1148; *R v Chaturbhuj* 38 C 96; *Mohan Lal v RA* 1947 N 109.

[127] Sama ada keterangan yang diberikan oleh rakan sejenayah memerlukan keterangan sokongan telah dijelaskan di dalam kes *Public Prosecutor v Haji Ismail & Another* [1940] 1 MLJ 76; [1939] 1 LNS 68 seperti berikut:

> There is no question of the mechanical application of any general rule of presumption. When it is a question of this particular presumption, the credibility of the witness who is in the position of an accomplice must be individually judged just as any other witness, the same considerations being applied, with the added one that he is an accomplice. The court must consider who and what he is, his demeanour bearing, the manner and quality and substance of his evidence in itself and in relation to all the circumstances of the case, the nature, quality and degree of his complicity must be examined. Then finally the court must form its opinion whether he is to be given credit and his evidence accepted without corroboration or not. He is a competent witness and as such is entitled to have his credibility judged in itself; his evidence must be weighed and examined and not put aside unjudged and unconsidered because he is an accomplice.

[128] Walaupun s 133 Akta Keterangan membenarkan tertuduh disabitkan kesalahan berdasarkan keterangan yang diberikan oleh rakan sejenayah tanpa sebarang keterangan sokongan namun mahkamah bicara hendaklah memberi amaran tentang bahaya sabitan tanpa keterangan sokongan terhadap

keterangan yang diberikan oleh rakan sejenayah. Mahkamah bicara juga sedar keadaan bahawa tertuduh boleh disabitkan berdasarkan keterangan rakan sejenayah semata-mata. Mahkamah bicara juga perlu rasa selamat untuk membuat sabitan jika berdasarkan keterangan rakan sejenayah tanpa wujudnya sebarang keterangan sokongan.

[129] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Yap Ee Kong & Anor v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 144; [1980] 1 LNS 117 menyatakan seperti berikut:

> It is trite law that although an accomplice is a competent witness a conviction is not illegal merely because it proceeds upon the uncorroborated testimony of an accomplice. All leading authorities have stated in clear terms that it has long been a rule of practice or rule of prudence which has become virtually equivalent to a rule of law for the judge or jury to be warned of the danger of convicting on the uncorroborated testimony of an accomplice. It is a matter of prudence except where circumstances make it safe to dispense with it that there must be corroboration of the evidence of an accomplice. In the much quoted case of *R v Baskerville* [1916] 2 KB 658 Lord Reading CJ speaking of the rule of practice accepted 'as virtually equivalent to a rule of law' requiring corroboration in this type of cases said:
>
> > If after the proper caution by the judge the jury nevertheless convict the prisoners, this court will not quash the conviction merely on the garound that the accomplice's testimony was uncorroborated ... In considering whether or not the conviction should stand, this court will review all the facts of the case, and will bear in mind that the jury had the opportunity of hearing and seeing the witnesses when giving their testimony. But this court, in the exercise of its powers will quash a conviction even when the judge has given to the jury the warning or advice above mentioned if this court, after considering all the circumstances of the case, thinks the verdict unreasonable or that it cannot be supported having regard to the evidence.

[130] Apa yang terjumlah kepada 'corroboration' ada dijelaskan di dalam kes *Attan bin Abdul Gani v Public Prosecutor* [1970] 2 MLJ 143b; [1969] 1 LNS 12 sebagaimana berikut:

> The law as to corroboration as enunciated by the various authorities may be summarized thus:
>
> It would be impossible, indeed it would be dangerous, to formulate the kind of evidence which should, or would, be regarded as corroboration. Its nature and extent must necessarily vary with the circumstances of each case and also according to the particular circumstances of the offence charged. But to this extent, the rules are clear:
>
> > iii. It is not necessary that there should be independent confirmation of every material circumstance in the sense that the independent evidence in the case, apart from the testimony of the complainant or the accomplice, should in itself be sufficient to sustain conviction. All that is required is that there must be some additional evidence rendering it probable that the story of the accomplice (or complainant) is true and that it is reasonably safe to act upon it.

A

iv. The independent evidence must not only make it safe to believe that the crime was committed but must in some way reasonably connect or tend to connect the accused with it by confirming in some material particular the testimony of the accomplice or complainant that the accused committed the crime.

B

v. The corroboration must come from independent sources and thus ordinarily the testimony of one accomplice would not be sufficient to corroborate that of another.

C

vi. The corroboration need not be direct evidence that the accused committed the crime. It is sufficient if it is merely circumstantial evidence of his connection with the crime.

vii. Corroboration must be in material particulars but it is not necessary that the whole prosecution story or all material particulars should be corroborated.

D

viii. Corroborative evidence required for accepting the testimony of an accomplice need not by itself conclusively establish the guilt of the accused. It is sufficient if it is a piece of circumstantial evidence which tends to connect the accused with the crime with which he is charged.

E

ix. Though a trap-witness is not an approver, he is certainly an interested witness in the sense that he is interested to see that the trap laid by him succeeded. He could at least be equated with a partisan witness and it would not be admissible to rely upon his evidence without corroboration. His evidence is not a tainted one; it would only make a difference in the degree of corroboration required rather than the necessity for it.

F

x. Corroboration evidence need not be by direct evidence. It may be by circumstantial evidence in which case the rule relating to proof from circumstantial evidence would apply and the circumstance must be consistent with the innocence of the accused against whom the circumstance if offered as evidence,

G

xi. There must be corroboration in one or more material particulars but that does not mean in every particular or detail. Corroboration, as the grammatical meaning of the word itself implies, means only support, or in other words, an assurance of truth which is lent to the evidence of the accomplice or the complainant by other evidence. It does not mean that the whole evidence given by the accomplice (or complainant) must be repeated wholly or in parts by witnesses other than the accomplice (or the complainant).

H

xii. The minimum corroboration which the law ordinarily requires of the evidence of an accomplice is evidence of at least one material fact pointing to the guilt of the accused person. The weight of such corroborative evidence which is necessary, depends on the particular facts and circumstances of the case.

I

[131] Di dalam kes di hadapan mahkamah ini, ianya adalah selamat untuk menyatakan bahawa Jay/SP54 merupakan rakan sejenayah berdasarkan alasan berikut:

(a) Jay/SP54 berada hampir di setiap tempat bersama tertuduh yang lain;

(b) Jay/SP54 telah ke kawasan rumah si mati bersama T3–T7 pada hari sebelum kejadian dan juga hari kejadian bagi meninjau keadaan;

(c) Jay/SP54 juga berada di tempat di mana kereta si mati dilanggar dengan meninggalkan T7;

(d) Jay/SP54 telah diarahkan oleh T7 untuk membeli tong drum;

(e) Jay/SP54 juga telah membeli pasir bagi kegunaan ubah suai kedainya namun simen tersebut juga telah dimasukkan ke dalam tong drum yang mengandungi mayat si mati;

(f) Jay/SP54 telah mengaku salah terhadap pertuduhan pilihan di bawah s 201 KK kerana telah membantu melupuskan mayat si mati;

(g) Jay/SP54 juga bersama T6 dan T7 telah ke tempat di mana kereta si mati dibakar oleh T6;

(h) Jay/SP54 bersama T6 dan T7 telah ke tempat di mana barang-barang peribadi milik si mati seperti telefon bimbit, kad Touch 'n Go, kad nama dan segainya ke dalam sungai di Kuala Selangor;

(i) Jay/SP54 nampak Murugan iaitu Pemilik Benkel Desa Mentari memasukkan empat tong petrol ke dalam bonet si mati;

(j) Jay/SP54 juga mengetahui kereta si mati dipandu oleh T7; dan

(k) Jay/SP54 nampak kereta si mati berada di Bengkel Desa Mentari.

[132] Keterangan yang diberikan oleh Jay/SP54 adalah konsisten dengan keterangan sokongan yang dikemukakan di hadapan mahkamah ini iaitu:

(a) DNA si mati telah dijumpai di bahagian pintu tandas di Bengkel Desa Mentari;

(b) DNA si mati juga telah dijumpai pada sehelai T-shirt warna hitam;

(c) tempat di mana Kad Touch 'n Go si mati ditemui;

(d) tong drum yang dijumpai mengandungi mayat si mati; and

(e) tempat di mana kereta si mati dibakar.

[133] Oleh yang demikian, mahkamah ini berpandangan keterangan yang diberikan oleh Jay/SP54 yang merupakan rakan jenayah adalah konsisten dengan keterangan sokongan yang ada.

A DAPATAN TERHADAP KEBOLEHPERCAYAAN SAKSI PENDAKWAAN (SP37)

[134] Semasa perbicaraan di peringkat kes pendakwaan, pemilik berdaftar bagi Triton iaitu S Yogeswari a/p S Selvekumar yang merupakan 'SP37' telah dipanggil untuk memberikan keterangan berkenaan dengan Triton tersebut.

[135] Namun, semasa SP37 memberikan keterangan terdapat percanggahan antara keterangan yang diberikan di dalam percakapan di dalam pemeriksaan kepada pihak polis (*112 statement)* dan keterangan lisan beliau di mahkamah ini. Pihak pendakwaan kemudiannya membuat permohonan untuk mencabar kebolehpercayaan SP37 dengan mengguna pakai peruntukkan di bawah s 155(c) Akta Keterangan yang memperuntukkan seperti berikut:

> 155 Impeaching credit of witness
>
> The credit of a witness may be impeached in the following ways by the adverse party or, with the consent of the court, by the party who calls him:
>
> (a) ...
>
> (b) ...
>
> (c) by proof of former statements inconsistent with any part of his evidence which is liable to be contradicted;

[136] Dalam permohonan untuk mencabar kebolehpercayaan di bawah s 155(c) Akta Keterangan, pihak pendakwaan hendaklah membuktikan wujudnya percanggahan keterangan SP37 dalam keterangannya di mahkamah dengan percakapan di dalam pemeriksaan dengan cara menunjukkan bahagian pernyataan-pernyataan yang wujudnya percanggahan. Pihak pendakwaan hendaklah juga membuktikan pernyataan tersebut dibuat oleh SP37 sebagaimana yang diputuskan di dalam kes *Krishnan & Anor v Public Prosecutor* [1981] 2 MLJ 121; [1981] 1 LNS 206.

[137] Berkenaan dengan permohonan untuk mencabar kebolehpercayaan SP37 oleh pihak pendakwaan, mahkamah ini telah mengguna pakai prosedur yang telah disenaraikan oleh Mr Justice Taylor di dalam kes *Muthusamy v Public Prosecutor* [1948] 1 MLJ 57; [1947] 1 LNS 71 yang mana ianya diterima pakai oleh semua mahkamah. Mahkamah ini juga merujuk kes *Krishnan & Anor v Public Prosecutor* [1981] 2 MLJ 121; [1981] 1 LNS 206 yang mana kes tersebut juga menerangkan berkenaan dengan prosedur bagi prosiding mencabar kebolehpercayaan saksi.

[138] Di sini mahkamah ini senaraikan secara ringkat berkenaan prosedur

yang perlu diambil kira semasa prosiding mencabar kebolehpercayaan SP37 seperti berikut:

(a) pihak pemohon hendaklah menunjukkan percakapan di dalam pemeriksaan saksi kepada mahkamah dengan cara menggariskan percanggahan pada pernyataan tersebut untuk mahkamah meneliti sama ada terdapat percanggahan yang material diantara pernyataan saksi sebelum ini (*witness's former statement*) dengan keterangan lisan saksi;

(b) sekiranya mahkamah mendapati tidak wujudnya percanggahan material, mahkamah hendaklah menolak permohonan pihak pemohon agar ianya tidak membuang masa mahkamah (*if there is no material discrepancy, then the court will so rule and no time is wasted*);

(c) sekiranya saksi mengaku dia memberikan pernyataan tersebut atau dibuktikan saksi tersebut telah memberikan pernyataan tersebut, percanggahan yang material tersebut hendaklah dijelaskan kepada saksi dan saksi hendaklah diberi peluang secara adil untuk menjelaskan percanggahan tersebut. Sekiranya mahkamah menerima penjelasan saksi, maka prosedur bagi prosiding ini akan tamat di sini; dan

(d) sekiranya saksi menafikan beliau ada memberikan pernyataan tersebut, mahkamah hendaklah mengadakan bicara-dalam-bicara (*trial-within-trial*) untuk menentukan sama ada pernyataan tersebut adalah dibuat oleh saksi dan penerimaan pernyataan tersebut (*proof of the statement and admissibility of the statement*).

[139] Di dalam permohonan di hadapan saya, pihak pendakwaan telah merujuk kepada mahkamah ini percakapan di dalam pemeriksaan bagi SP37 dan menyatakan bahawa terdapat dua percanggahan.

[140] Percanggahan pertama adalah SP37 mengatakan secara lisan kepada mahkamah ini bahawa beliau hanya kenal Selvam baru tiga minggu, walhal sekiranya dilihat pernyataan yang bergaris dengan pen merah beliau telah mengenali Selvam telah lima bulan.

[141] Percanggahan kedua pula, SP37 menyatakan dari 2 Ogos 2015 sehinggalah 11 September 2015 kereta itu sentiasa ada bersama dengan Selvam namun apabila disoal oleh pihak pembelaan, SP37 mengatakan setiap malam kereta tersebut bersama dengan dia. Semasa pemeriksaan semula juga, SP37 juga mengatakan kereta tersebut setiap malam ada dengan beliau.

[142] Berdasarkan dua percanggahan tersebut, pihak pendakwaan menghujahkan bahawa ianya adalah sangat material sehingga memudaratkan kes pendakwaan jika tidak disanggah ataupun dicabar ketidakbolehpercayaannya dan memohon arahan lanjut

[143] Setelah meneliti dua percanggahan tersebut dan mendengar hujahan pihak pendakwaan, saya mendapati ianya merupakan satu percanggahan yang material di dalam kes ini dan saya membenarkan permohonan pihak pendakwaan untuk mencabar kebolehpercayaan SP37. Kemudian saya sendiri telah menyoal SP37 berkenaan dengan dua percanggahan tersebut bagi mendapatkan penjelasan daripada SP37 berkenaan dengan percanggahan tersebut sebagaimana berikut:

> Mahkamah: Pihak pendakwaan semalam mengemukakan pencabar awak punya keterangan tentang 2 perkara yang berlainan ... Pada haribulan 27.09.2015 jam 6.30 petang ada buat statement kepada pihak polis tak? Insp Vasu, ada buat? Tunjuk kepada SP37 statement yang dimaksudkan.
>
> SP37: Ya, betul, tandatangan diakui.
>
> Percakapan dalam pemeriksaan SP37 dikemukakan.

[144] Setelah itu, pihak pendakwaan telah memanggil semula Insp Vasu a/l Kupusamy iaitu 'SP36' iaitu pegawai yang telah merakam rakaman percakapan SP37 di bawah s 112 KTJ bahawa pada 27 September 2015 jam lebih kurang 6.30 petang di Bilik Jenayah IPD Kulim yang mana SP36 smemberitahu bahawa semasa disoal mengesahkan beliau telah mencatitkan sebagaimana yang telah diceritakan oleh SP37 kepadanya.

[145] Setelah meneliti keterangan yang diberikan oleh SP37 dan Pegawai Perakam iaitu SP36, Mahkamah ini memutuskan untuk membenarkan permohonan pihak pendakwaan untuk mencabar kebolehpercayaan saksi SP37 atas keseluruhan keterangannya dan keseluruhan keterangan SP37 dengan ini tidak akan diambil kira di dalam keterangan dalam perbicaraan mahkamah ini.

KEPUTUSAN DI PERINGKAT KES PENDAKWAAN

[146] Mahkamah ini memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap T1 dan T3 sehingga T7 bagi pertuduhan di bawah s 302 KK yang dibaca bersama s 34 KK. Kesemua tertuduh telah diperintahkan untuk membela diri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 180(3) Kanun Tatacara Jenayah.

KES PEMBELAAN

[147] Kesemua tertuduh di dalam kes ini memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah di dalam kandang saksi.

Pembelaan tertuduh pertama (T1)

[148] Pembelaan T1 adalah beliau tidak terlibat di dalam pembunuhan si mati. T1 menyatakan beliau telah meninggalkan perkhidmatan kerajaan sebagai Histopathologi Tentera pada tahun 2013 apabila ditangkap oleh pihak Suruhanjaya Percegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan kemudiannya dituduh dengan kesalahan rasuah di Mahkamah Shah Alam.

[149] T1 mengakui si mati adalah timbalan pendakwa raya yang mengendalikan pendakwaan kes rasuahnya di Mahkamah Sesyen Shah Alam. T1 menerangkan beliau menghadapi empat pertuduhan rasuah di mahkamah. Walaupun si mati mengendalikan pendakwaan kes rasuahnya, dengan pertuduhan semakin ditambah, beliau tiada berdendam dengan si mati malah memuji si mati kerana telah banyak membantu meringankan beban jaminan dan sebagainya bagi kes rasuahnya.

[150] T1 menafikan ada memberi ancaman atau sebarang ugutan terhadap si mati. Beliau juga menafikan ada memberi arahan kepada T7 (Ravi Chandran) untuk mengapa-apakah si mati. T1 menjelaskan bahawa kematian si mati tidak memberi apa-apa keuntungan kepada beliau kerana timbalan pendakwa raya silih berganti walaupun si mati telah tiada.

[151] T1 mengakui mengenali T7 dengan nama Selvam, sebagai orang yang dijemput oleh isterinya bagi mengadakan upacara sembahyang di rumahnya untuk menghilangkan nasib malang beliau dituduh di mahkamah. T7 diperkenalkan kepadanya oleh isterinya sendiri. T1 mengenali T7 sejak diperkenalkan pada tahun 2014. T7 walaupun tidak setuju dengan cara upacara sembahyang yang dilakukan oleh T7 ini, tetapi isterinya berkeras untuk T7 terus melakukan upacara sembahyang itu di rumahnya. T1 menafikan beliau yang mengarahkan T7 datang mahkamah semasa kes beliau, tetapi menyatakan isterinyalah yang mengarahkan T7 hadir ke mahkamah setiap kali bicara dan kemudian menyampaikan kepada isterinya apa yang berlaku di mahkamah.

[152] T1 juga mengakui mengenali Jay/SP54, yang dikenali dengan nama 'Jay'. Jay/SP54 diperkenalkan oleh T7 kepadanya pada tahun 2015 iaitu beberapa bulan sebelum kejadian ini. T1 mengakui ada meminta Jay/SP54 untuk menjamin isterinya dan pengarah syarikatnya di dalam kes rasuah yang dihadapinya di mahkamah. T1 menyatakanT7 lah yang membawa Jay/SP54 ke mahkamah pada mula-mula T1 dituduh kes rasuahnya. Hubungan T1 dengan Jay/SP54 adalah rapat.

[153] T1 menafikan beliau ada pakatan dengan T7 dan tidak pernah memberi arahan kepada T7 untuk mengapa-apakan si mati. T1 juga menafikan ada kaitan apa-apa dengan pembunuhan si mati. T1 menafikan ada berjumpa

dengan T7 selepas 5 September 2015 sehingga beliau ditangkap, dan juga menafikan T7 ada mencampakkan kunci kereta si mati di pejabatnya.

[154] T1 mengakui ada menelefon Jay/SP54 sebanyak tiga kali pada 4 September 2015 untuk mengatahui arah ke kedai makan Jay/SP54. Pada masa itu jalan di sekitar berhadapan Spinx Sunway ke bangunan Summit sesak. Menurut T1 Jay/SP54 ada memberitahunya yang Jay/SP54 akan berjumpa T1 di Stesyen Minyak Petronas berhadapan bangunan Summit.

[155] Dalam pertemuan itu T1 menafikan ada menyatakan kepada Jay/SP54 untuk Jay/SP54 tidak mengambil tahu tentang tong drum di kedai Jay/SP54 yang ada mengalirkan darah, apabila diceritakan oleh Jay/SP54 kepadanya semasa berjumpa di Stesen Minyak Pertonas pada hari itu. T1 menafikan ada tersenyum semasa Jay/SP54 menceritakan hal ini kepadanya. Walau bagaimanapun T1 mengakui dan membawa Jay/SP54 dari Stesen Petronas itu berjalan sehingga ke Rawang. T1 sebaliknya menyatakan bahawa apabila berjumpa Jay/SP54 pada 5 September 2015 itu, percakapannya dengan Jay/SP54 adalah agar Jay/SP54 tidak terlibat.

[156] Semasa di dalam kereta dalam perjalanan bersama Jay/SP54, menurut T1, beliau sekali lagi bertanyakan tentang perkara yang sama tentang apa yang berlaku di kedai Jay/SP54, dan jawapan Jay/SP54 juga sama. Oleh itu T1 tidak mengesyaki apa-apa. Selain itu perbualan mereka berkisar kepada alat ganti kereta T1, tentang rakan Jay/SP54 bernama Jason dan juga tentang keunikan kuil di Rawang itu.

[157] T1 mengakui bahawa keesokannya sekali lagi beliau bersama Jay/SP54 keluar berkereta sehari suntuk, pada 6 September 2015.

[158] T1 juga menafikan terdapat pakatan beliau dengan T7 walaupun terdapat bukti panggilan telefon. Daripada keterangan data panggilan telefon di dalam P153, ada menunjukkan bahawa pada 26 Ogos 2015, T1 ada menelefon T7. Penjelasan T1 adalah bahawa beliau tidak dapat mengingati yang beliau ada menelefon T7 semasa berada di rumahnya. T1 menyatakan mungkin panggilan kepada T7 itu dibuat oleh isterinya menggunakan telefon tangan miliknya. Penjelasan T1 juga sekiranya sekali pun beliau yang menelefon T7 pada masa itu, ianya hanya untuk memberitahu T7 agar T7 menjauhkan diri daripada beliau dan keluarganya.

[159] Daripada keterangan eksh P153 ada terdapat panggilan pada sekitar waktu T1 dan Jay/SP54 berada bersama di dalam kereta pergi ke Kuil di Rawang. T1 mengakui T7 ada menelefonnya. T1 juga mengakui bahawa

sekitar waktu itu Jay/SP54 ada menerima panggilan telefon, tetapi menurut T1 beliau tidak tahu siapa yang menelefon Jay/SP54. T1 hanya melihat Jay/SP54 menjawab telefon. A

[160] T1 juga mengakui ada menemui T7 beberapa hari selepas 05 September 2015 sebelum beliau ditangkap pada 15 September 2015. Mereka ada bertemu di Kuil Zon Perindustrian Bukit Raja bagi menyerahkan wang RM12,000 kepada Jay/SP54 bagi menebus kereta Jason. Menurut T1, pertemuan beliau dengan T7 itu adalah tanpa dirancang, yang mana semasa T1 berjumpa dengan Jay/SP54, Jay/SP54 datang bersama T7. B C

[161] Pada masa itu, menurut T1 apabila beliau bertanyakan kepada T7 tentang tong drum tempoh hari di kedai makan Jay/SP54, secara tiba-tiba T7 bercakap kasar dengannya dan berkata 'you shut up. Nothing to do with you dan none of your business' dan T7 terus beredar berjalan ke kuil. T1 berasa marah kepada Jay/SP54 kerana pada beberapa hari lepas sahaja Jay/SP54 begitu marah kepada T7, tetapi sebaliknya pada hari itu Jay/SP54 membawa T7 bersama. T1 pun terus berikan duit yang dijanjikan RM12,000 kepada Jay/SP54 dan terus beredar masuk ke kuil yang sama yang T7 masuk tadi, tetapi pada bahagian yang berlainan. D E

[162] Berkenaan dengan duit menebus kereta Jason, T1 menjelaskan bahawa Jay/SP54 hanya meminta T1 menolong Jason kerana pada masa itu Jason mengalami masalah dengan keretanya yang ditarik kerana gagal membayar ansuran bulanan. F

[163] T1 menyatakan bahawa hanya semasa ditangkap oleh pasukan 'STARFOC' PDRM pada 15 September 2015 barulah beliau mengetahui tentang kematian si mati. Ini adalah apabila seorang pegawai polis memberitahunya bahawa mayat si mati telah ditemui dan meminta T1 memberitahu apa yang beliau tahu. G

[164] T1 dalam pembelaannya juga menjelaskan tentang permohonan beliau untuk mengundurkan diri 'recusal' si mati dari mengendalikan pendakwaan kesnya adalah bukan dari beliau tetapi dari peguamnya. Permohonan ini dibuat atas sebab percanggahan kepentingan. H

[165] T1 menjelaskan bahawa si mati hanya menjalankan tugasnya sebagai timbalan pendakwa raya dan tiada siapa boleh mengajarnya siapa yang beliau hendak tuduh. T1 menafikan dia pernah membuat ugutan ke atas si mati dan menafikan pernah merasa kecewa dengan tindakan si mati menuduh dan mengendalikan pendakwaan kesnya. I

[166] Pada suatu masa Mahkamah Tinggi ini mendapati T1 memekik

(menaikan suaranya) semasa memberitahu bahawa beliau telah ditahan reman bersama penjenayah yang lain selama dua tahun lima bulan di atas pertuduhan yang tidak berasas, semasa T1 menjelaskan bahawa beliau tidak berasa marah dan berdendam kepada si mati dan hanya tohmahan tanpa bukti.

[167] Berkenaan T1 menunjukkan gambar kereta si mati kepada Jay/SP54, penjelasan T1 adalah pada 6 September 2015 hari Ahad semasa T1 sedang bersarapan bersama Jay/SP54, beliau menerima mesej pesanan di telefonnya daripada peguamnya. Oleh kerana beliau tidak memakai cermin mata maka beliau ada memberitahu Jay/SP54 yang disyaki kereta Mr Kevin Morais dan menunjukkan paparan di dalam skrin telefon tangan ke arah Jay/SP54 dan bertanya sama ada Jay/SP54 mengetahuinya.

[168] Berkenaan T3, T4, T5 dan T6, T1 menyatakan beliau tidak mengenali kesemua mereka (Dinishwaran, Thinesh Kumar, Vishwananth dan Nimalan). Pertama kali T1 berjumpa mereka semasa ditahan lokap Polis Jinjang Central selepas sehari ditahan pada 15 hari bulan. T1 kemudian ada melihat keempat-empat tertuduh ini di kemukakan di hadapan majistret.

[169] T1 membawa saksi SD7 (ASP Stephen a/l Ganeson) yang merakam percakapan Jay/SP54, SD8 (A Murugan a/l Arujalan) pemilik Bengkel Desa Mentari, di USJ, SD9 (Ramesh a/l Krisnan) iaitu Pendeta Kuil di Bestari Jaya, Kuala Selangor dikenali dengan gelaran Sharmila Dewi, SD10 (Thiva Tawa Thasan) iaitu penama Jason, pemilik kereta yang ditebus dengan wang yang diberikan oleh T1 RM12,000, SD11 (Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Shah Alam) mengemukakan fakta kes pertuduhan ke atas SD8 yang telah mengaku salah.

Pembelaan tertuduh ketiga (T3)

[170] T3 (Diniswaran) berusia 25 tahun, tinggal bersama kakak saudaranya di Serdang Selangor. Dalam pembelaannya, T3 menyatakan bahawa sebelum 3 September 2015, beliau ada menerima panggilan telefon daripada kawannya bernama Vishwanath (T5) menyatakan T5 akan datang ke Kuala Lumpur untuk membeli kereta. T5 menyatakan akan datang menaiki bas. T3 mengesyorkan T5 menumpang T7 datang ke Kuala Lumpur.

[171] Pada jam 5 pagi 3 September 2015, T5 sampai ke rumahnya bersama seorang yang belum dikenali (T6). Mereka bertiga kemudian bersama-sama pergi ke Restoran Syed Bistro.

[172] Di sana, T3 mendapati T7 telah ada bersama dengan Jay/SP54 sedang makan. Selain daripada T7 dan Jay/SP54, T4 juga ada, sedang berada di meja bersebelahan. Di Syed Bistro ini T3 duduk bersama T4, T5 dan T6 berbual

sambil makan dan baru mengenali T4 dan T6 di sini. A

[173] Semasa berada di Syed Bistro, T3 menyatakan bahawa beliau ada memberitahu T7 yang beliau inginkan sebuah bilik hotel. T7 mencadangkan hotel tempat T7 menumpang, di atas kedai makan itu. Walau bagaimanapun Jay/SP54 mencadangkan sebuah hotel yang Jay/SP54 tahu dan berkata bahawa dia boleh menempahkan hotel itu. B

[174] Selepas makan, T3 mengakui menaiki Triton bersama-sama T4, T5 dan T6 mengekori kereta Perdana WHS 9771 yang dinaiki T7 dan Jay/SP54 ke sebuah flat (kondominium). Lebih kurang sepuluh minit berhenti di depan flat itu, mereka semua beredar pergi ke sebuah hotel di PJ. T3, T4, T5 dan T6 masuk dan berehat di hotel. T7 dan Jay/SP54 tidak menginap di hotel itu. C

[175] Pada waktu tengah hari itu, 3 September 2015, mereka berempat keluar makan dan berjumpa T7 dan Jay/SP54 ada di restoran itu. Mereka semua kemudiannya pergi menonton wayang dan selepas menonton wayang T3 dan T5 *test drive* kereta Perdana WHS 9771. T5 menyatakan setuju hendak membeli kereta itu. Selepas mereka berenam (T3–T7 dan Jay/SP54) bermain snooker T3, T4, T5 dan T6 balik ke hotel dan berehat. T3 tidak tahu ke mana T7 dan Jay/SP54 pergi. Pada malam itu T3–T6 minum minuman keras sehingga jam 5 pagi 4 September 2015. D E

[176] Pada jam 5 pagi T6 mengajak T3, T4 dan T5 pergi makan di Syed Bistro. Sampai di Syed Bistro, T7 dan Jay/SP54 telah ada di situ. Selepas makan, Jay/SP54 mengajak mereka semua untuk mengikuti Jay/SP54. T3, T4 , T5 dan T6 menaiki Triton mengikuti Jay/SP54 dan T7 yang menaiki kereta Perdana WHS 9771. T6 memandu Triton mengekori Perdana itu. Dalam perjalanan T3 tertidur. F G

[177] Menurut T3 beliau tertidur kerana mabuk, banyak minum arak pada malam itu. Beliau tersedar apabila T6 memberitahu bahawa Triton kemalangan. T3, T4 dan T5 tidak turun dari Triton dan tidak melihat kemalangan. Beliau terus tidur dan hanya sedar apabila sampai di hotel. T3, T4 dan T5 naik ke hotel bersama T6. T6 keluar dan tidak naik ke hotel. Di hotel T3 meneruskan tidur sehinggalah jam 12 tengah hari masa untuk *check out* hotel. H

[178] Selepas *check out* hotel, mereka pergi makan dan T6 dan T7 sampai, menaiki Triton. Mereka semua menaiki Triton bersama T6 dan T7 pergi ke hotel lain dan T3, T4 dan T5 berehat di bilik hotel baru ini. Manakala T6 dan T7 tidak bersama mereka. I

[179] Pada waktu petang/malam T6 dan T7 datang ke hotel. Semasa itu T5

memberitahu T7 bahawa dia setuju membeli kereta Perdana WHS 9771 itu, dan akan membayar dan membawa balik kereta itu ke Kedah, tetapi T7 menyatakan kereta itu perlu dibaiki dahulu dan T7 akan menghantar kereta itu kepada T5 di Kedah selepas dibaiki. Pada masa itu T5 memberitahu bahawa T5 akan balik ke Kedah. Selepas itu T6 dan T7 keluar dari hotel.

[180] Keesokan paginya T6 datang ke hotel dan menghantar T4 dan T5 ke stesen bas Puduraya dan T3 menemani mereka. T4 dan T5 pulang ke Kedah dengan bas. Selepas itu T3 dan T6 berjumpa dengan T7 di kedai makan dan T7 menyatakan bahawa Jay/SP54 meminta mereka untuk membersihkan kedai Jay/SP54.

[181] T3 dan T6 kemudian ke kedai Jay/SP54 dan semasa mereka sedang membersihkan kedai, T7 sampai dan bersama-sama membersihkan kedai. Jay/SP54 keluar makan bersama kawannya. T3 dan T6 bersama T7 meneruskan membersihkan kedai sehingga Jay/SP54 balik semula ke kedai. Sampai di kedai, Jay/SP54 telah mengalihkan barang-barang dari kereta itu dan masukkan ke dalam sebuah kereta Persona yang berada di sebelah. T7 kemudian telah menghantar kereta Perdana WHS 9771 itu ke 'car wash' dan kemudian keluar dengan Jay/SP54 menaiki kereta Persona. Selepas sepuluh minit Jay/SP54 menghantar T7 kembali ke kedai dan Jay/SP54 beredar.

[182] Semasa membersih kedai Jay/SP54, T3 ada melihat tong drum dipenuhi simen. T7 ada maklumkan kepada T6 bahawa Jay/SP54 memaklumkan bahawa Jay/SP54 tidak memerlukan tong drum itu. T7 menyuruh T6 mencari *forklift* untuk mengangkat tong drum itu. T6 telah mendapatkan forklift daripada kedai berhadapan dan mengangkat tong drum itu ke atas Triton. Waktu telah menjelang petang, T7 mengarahkan T3 menjaga kedai, sementara T7 dan T6 keluar membawa tong drum di dalam Triton itu. Selepas sepuluh minit, T6 dan T7 kembali dengan Triton dan tong drum itu sudah tiada. T6 memberitahu T3 bahawa Jay/SP54 telah mengarahkan membuang tong drum itu.

[183] Setelah menunggu Jay/SP54 tidak kembali sehingga malam, mereka pun menutup kedai dan T3, T6 dan T7 pun beredar. T7 menaiki kereta Perdana WHS 9771, manakala T3 menaiki Triton bersama T6 dan menyuruh T6 menghantarnya ke rumah kakak saudaranya di Serdang. Sampai di rumah kakak saudaranya, T3 diberitahu bahawa bapanya kurang sihat, lantas T3 menyuruh T6 menghantarnya ke setesen bas Puduraya untuk dia balik ke Kedah. Semasa T3 menyerah diri pada 21 September 2015 kepada polis, T3 berada di Kedah.

[184] T3 menafikan ada kaitan dengan kematian si mati. Dia mendakwa tidak mengetahui apa-apa berkenaan pembunuhan si mati.

Pembelaan tertuduh keempat (T4)

[185] T4 berusia 25 tahun, bekerja kilang. T4 mengakui pada 2 September 2015 jam 9.30 malam telah bersama-sama T6 dan T7 serta T5 menaiki Triton datang ke Kuala Lumpur. Kronologi cerita pembelaan T4 adalah sama seperti T3. Bermula daripada sampai dari Kedah ke Kuala Lumpur, berjumpa di Syed Bistro, mengekori Jay/SP54 pergi ke flat dan kemudian pergi ke hotel. Pada keesokannya pula mereka semua berjumpa lagi di Syed Bistro jam 5.30 pagi dan mengekori Jay/SP54 sekali lagi ke flat (kondominium) tersebut dan semasa beredar dari situ Triton telah berlanggar dengan sebuah kereta. Walau bagaimanapun T4 tidak melihat perlanggaran itu kerana sedang bermain game di telefonnya.

[186] Pada pagi 5 September 2015, T6 menghantar beliau dan T5 ke stesen bas untuk pulang ke Kedah. T4 menyatakan bapanya mengarahkan dia pulang kerana dia akan masuk kerja pada 6 September 2015.

[187] Bagi menyokong pembelaannya, T4 memanggil bapanya memberi keterangan, bagi menunjukkan T4 benar-benar menerima panggilan daraipada bapanya untuk dia pulang ke Kedah pada hari tersebut. Bapa T4 adalah SD13 (Ashok Kumar a/l Rajoo).

Pembelaan tertuduh kelima

[188] T5 tinggal di Kulim, Kedah, berusia 25 tahun. Pembelaan T5 adalah dia datang ke Kuala Lumpur dengan tujuan hendak membeli sebuah kereta yang diuruskan oleh T3. Kereta itu adalah kereta T7. Beliau datang ke Kuala Lumpur menumpang T7 menaiki Triton bersama T4, dan T6 pada 2 September 2015.

[189] T5 menceritakan apa yang dilakukan sepanjang dia berada di Kuala Lumpur sehingga dia pulang dengan bas ke Kedah. Menurut T5 beliau tidak dapat membawa balik kereta yang hendak dibeli kerana T7 akan membaiki dahulu kereta itu dan T7 akan membawa kereta itu ke Kedah dan menyerahkan kepada T5.

[190] T5 mengakui ada berjumpa dengan T3, T4, T6, T7 dan Jay/SP54 di Syed Bistro pada jam 5.30 pagi 4 Mei 2015 dan pada 5 September 2015. Sepanjang masa berada di Kuala Lumpur, T5 ada bersama-sama dengan T3 dan T4. Mereka menginap di hotel bersama-sama.

[191] T5 juga mengakui ada mengekori Jay/SP54 pada 4 dan 5 September 2015 ke sebuah flat (kondominium). Pada masa Triton berlanggar dengan kereta si mati T5 sedang tidur tidak mengetahui tentang kemalangan itu.

[192] T5 mengemukakan keterangan SD12 (Suman a/l Murugaya) iaitu adiknya yang datang ke hotel tempat T5 menginap pada sebelah malam 3 September 2015 (awal pagi 4 September 2015) dengan membawa beer dan T5 bersama T3 dan T4 minum bersama-sama adiknya sehingga pagi, sehingga mabuk.

Pembelaan tertuduh keenam (T6)

[193] T6 adalah anak saudara T7, berusia 25 tahun. T6 menceritakan bahawa beliau datang ke Kuala Lumpur bersama bapa saudaranya T7 untuk menghantar datuknya ke rumah kakaknya di Subang, untuk datuknya pergi ke India. Datuk T6 akan pergi ke India bersama-sama dengan SD14 (Bavani Devi a/p Balakrishnan) iaitu ibu saudara T7. SD14 dan datuk T6 adalah anak dengan bapa.

[194] T6 memandu Triton dari Kedah datang ke Kuala Lumpur. Bersama-sama T6 adalah T7, T4 dan T5. Sampai di Kuala Lumpur, T7 telah mengahantar T5 ke rumah T3 dan kemudian bersama-sama T3 dan T5 kembali berjumpa dengan T7 dan JAY/SP54. Mereka berjumpa di Syed Bistro pada pagi itu juga.

[195] T6 menyatakan bahawa dia ada memandu Triton pada 4 September 2021 mengekori Jay/SP54 ke sebuah flat (kondominium si mati) dan berhenti seketika dan kemudian terus mengekori Jay/SP54 pergi ke sebuah hotel dan menginap di hotel tersebut bersama-sama T3,T4 dan T5.

[196] Cerita T6 juga sama seperti T3, T4 dan T5 bahawa mereka berjumpa dengan Jay/SP54 dan T7 di Syed Bistro sekali lagi pada jam 5.30 pagi 5 September 2015 sebelum mengekori Jay/SP54 dan T7 ke flat yang sama sebelum beredar ke hotel. Semasa hendak beredar dari flat itu (kondominium si mati), T6 yang memandu Triton telah berlanggar dengan sebuah kereta Perdana (kereta si mati).

[197] Setelah berbincang dengan pemandu kereta yang dilanggar, T7 telah memandu keluar kereta si mati dan T6 telah mengekori T7 seketika sebelum terpisah di lampu isyarat. Selepas itu T6 menggunakan GPS telah pergi ke hotel bersama-sama T3, T4 dan T5.

[198] T6 selepas itu menyatakan dia diarahkan oleh Jay/SP54 untuk mengikuti Jay/SP54 pergi membeli sebuah tong drum dan membawa balik ke kedai Jay/SP54 untuk dijadikan tong sekuriti. T6 juga menyatakan bahawa dia dan T7 telah membuang tong drum itu setelah di isi dengan simen dan dicat merah putih berdekatan tempat tong mayat si mati dijumpai. T6 menyatakan dia dan T7 diarahkan oleh Jay/SP54 untuk membuang tong itu kerana

Jay/SP54 tidak lagi hendak menggunakan tong drum itu. A

[199] T6 juga mengakui bahawa pada keesokannya dia diarahkan oleh T7, atas arahan Jay/SP54 untuk membersihkan kedai Jay/SP54. Kemudian T6 ada mengekori Jay/SP54 dan T7 pergi ke Hutan Melintang dan ada melihat api terbakar. B

Pembelaan tertuduh ketujuh (T7)

[200] T7 ('Ravi') mengemukakan pembelaannya bahawa beliau datang dari Sungai Petani, Kedah ke Kuala Lumpur pada 2 September 2021 menaiki Triton bersama-sama dengan, T4, T5, anak saudaranya T6 dan bapa mertuanya. Tujuan beliau datang ke Kuala Lumpur adalah untuk menghantar bapa mertuanya hendak pergi ke India, dan juga untuk urusan menjual kereta Perdana WHS 9771 yang berada pada Jay/SP54. C D

[201] Mereka berlima sampai di Kampung Subang jam 4 pagi dan setelah meninggalkan bapa mertuanya mereka lantas pergi ke rumah Jay/SP54. Mereka semua kemudiannya berjumpa di Syed Bistro jam 5.30 pagi dan selepas itu pergi ke kondominium si mati atas ajakan Jay/SP54 untuk mengutip wang dari pelanggan. Oleh kerana pelanggan tidak keluar, mereka beredar pergi ke Petaling Jaya bagi mendapatkan hotel untuk T3, T4, T5 dan T6. E

[202] Pada jam 11 pagi hari itu mereka semua berjumpa di kedai di Subang Jaya dan kemudian pergi tengok wayang, pergi main snooker.T3 dan T5 ada test drive kereta Perdana WHS 9771 tersebut. F

[203] Pada 4 September 2015, beliau dan T3, T4, T5, T6 dan Jay/SP54 berjumpa lagi di Syed Bistro jam 5.30 pagi. Mereka semua kemudiannya bersama-sama sekali lagi pergi ke Dutamas untuk mengutip wang, dengan Triton dan Perdana WHS 9771. T7 mengakui manaiki Perdana WHS 9771 bersama Jay/SP54 manakala T3, T4, T5 dan T6 menaiki Triton. Semasa hendak keluar dari situ, ketika di traffic light telah berlaku kemalangan apabila Triton terlanggar kereta si mati. Semasa itu T7 bersama Jay/SP54 berada di dalam Perdana WHS 9771, di belakang Triton. G H

[204] Apabila mengetahui perlangaran, T7 keluar dari kereta dan pergi ke Triton. T7 mendakwa beliau tidak dapat melihat kemalangan itu kerana terhalang oleh sebuah Estima. Pada masa sampai di tempat kemalangan itu, Jay/SP54 memberitahu T7 bahawa yang berlangar itu adalah kereta DPP yang mengendalikan kes T1 (sehari sebelum waktu yang sama T7 dan rakan-rakannya telah membuat pemerhatian di luar kondo si mati, alasan T7 ialah mengutip hutang). Jay/SP54 kemudian menyuruh T7 membawa kereta si I

A mati ke workshop. Semasa membawa keluar kereta si mati, beliau memberikan hon kepada Triton dan Triton pun mengekorinya.

[205] T7 menyatakan bahawa beliau membawa kereta si mati ke workshop Murugam (SD8). Setengah jam kemudian Jay/SP54 sampai di bengkel SD8 B dengan kereta Perdana WHS 9771. Jay/SP54 ada memaklumkan bahawa dia telah menghantar si mati dan kawan-kawannya yang datang dengan kereta Estima tadi.

C **[206]** T7 mengakui bahawa dia telah menghilangkan nombor chasis dan nombor injin kereta si mati dengan menggunakan grinder {P109B}. T7 mendakwa beliau melakukan itu atas desakan Jay/SP54 (gagal soal-balas Jay/SP54 isu ini). Selepas itu beliau menyerahkan kunci kereta Perdana WHS 9771 kepada Murugan untuk kereta itu dibaiki, dan beliau dan Jay/SP54 keluar menaiki kereta si mati. Menurut T7, Jay/SP54 mengarahkannya untuk D meletakkan kereta si mati di mana-mana. Beliau telah memandu kereta si mati dan telah meletakkan di Kampung Subang U5. Setelah itu T7 menalifon Nimalan (T6) untuk datang mengambilnya dan Jay/SP54 dan membawa ke kedai Jay/SP54.

E **[207]** T7 juga menyatakan bahawa beliau dan T6 telah meninggalkan Jay/SP54 di kedai Jay/SP54 dan mereka berdua telah pergi ke Sunway Hotel dan mengambil T3, T4 dan T5 pergi ke hotel di Subang Jaya, USJ. Setelah menempah bilik hotel, T7 dan T6 pergi ke bengkel SD8 untuk mengambil F kereta Perdana WHS 9771. Walau bagaimanapun kereta itu belum siap dibaiki. Sementara itu T7 telah keluar membeli cat dan berus dan satu penceduk simen untuk membuat tong drum security bagi kedai Jay/SP54 sebagaimana diarahkan oleh Jay/SP54. Barang-barang yang dibeli diletakkan di dalam kereta WHS 9771.

G **[208]** T7 juga menyatakan beliau mengarahkan T6 untuk membantu Jay/SP54 membeli tong drum untuk 'security'. Manakala beliau menaiki teksi pergi ke pejabat T1 untuk berbincang tentang Jay/SP54 yang mencurigakan. Pada masa itu *T7 mengaku beliau ada melontarkan kunci kereta si mati kepada* H *T1 dan memberitahu T1 bahawa itu adalah kunci kereta DPP yang mengendalikan kes T1.* Atas sebab niat bersama s 34 KK, T7 perlu membuktikan kepada T1 bahawa tugas dilaksana dengan menunjukkan kunci kereta si mati di tangannya.

I **[209]** Setelah itu T7 kembali ke bengkel SD8 dan mengambil Perdana WHS 9771 walaupun belum siap dibaiki, dan terus ke kedai Jay/SP54. Lebih kurang antara jam 5–6 petang, T7 sampai di kedai Jay/SP54 dan melihat bahawa tong drum sudah ada. Jay/SP54 memaklumkan bahawa Jay/SP54 akan keluar membeli simen. Tidak lama selepas itu Jay/SP54 kembali bersama lori simen.

T7, T6 dan Jay/SP54 mengambil simen yang dicurahkan di depan kedai, memasukkan ke dalam tong drum itu. T7 kemudian mengecat tong drum itu setelah diarahkan oleh Jay/SP54. Setelah selesai mengecat, hari sudah menjelang malam. Jay/SP54 memberitahu T7 bahawa Jay/SP54 hendak pulangkan kereta si mati di Kuala Selangor.

[210] T7, T6 dan Jay/SP54 menaiki Triton pergi mengambil kereta si mati, meninggalkan Perdana WHS 9771 di kedai Jay/SP54. Mereka singgah di Mydin untuk membeli baju kepada T7 kerana baju T7 telah kotor. Mereka kemudian pergi ke hotel untuk T7 beritahu T5 bahawa kereta yang dibeli (kereta Perdana WHS 9771) belum dapat diberikan lagi untuk sehari dua ini, dan beritahu bahawa kereta itu akan dibawa dan diserahkan kepada T5 di Kedah.

[211] Setelah itu T7, T6 dan Jay/SP54 bergerak ke tempat kereta si mati untuk mengambil kereta si mati. Dalam perjalanan, T7 memberitahu Jay/SP54 bahawa kereta si mati kekurangan minyak. Oleh itu mereka pun pergi ke bengkel SD8 untuk menyuruh SD8 membelikan minyak. Jay/SP54 telah memberikan wang dan mengarahkan SD8 membeli minyak petrol empat tin. Minyak petrol itu kemudiannya diletakkan ke dalam Triton dan T7, T6 dan Jay/SP54 beredar pergi mengambil kereta si mati. Jika benar kereta si mati kekurangan minyak kenapa arahkan Murugan membeli empat tin minyak petrol. Sepatutnya isi sahaja terus ke dalam tangki minyak kereta si mati, T7 cuba mengelak dari mengakui membeli empat tin minyak untuk membakar kereta si mati.

[212] T7 juga mengaku memandu kereta si mati dari tempat kereta si mati diletakkan hingga ke dalam ladang kelapa sawit di Hutan Melintang Perak tempat kereta itu dibakar. Dalam perjalanan itu mereka berhenti membuang bungkusaan barang-barang. Walau bagaimanapun, dalam pembelaannya T7 menyatakan bahawa semua perbuatan beliau itu adalah atas arahan Jay/SP54.

[213] T7 menyatakan beliau melihat Jay/SP54 membakar kereta si mati. Selepas itu mereka menaiki Triton dipandu oleh T6 balik ke kedai Jay/SP54.

[214] Selain itu T7 juga mengakui bahawa beliau telah menghilangkan nombor chasis dan nombor injin kereta si mati di bengkel SD8 menggunakan grinder {P109B} dan mengakui munjukkan tempat beliau membuang grinder {P109B} di Kuala Selangor.

[215] T7 juga mengakui bahawa baju P44B yang terdapat DNA si mati adalah baju yang dipakainya atas alasan memegang stering kereta yang dipegang oleh si mati sebelum itu sebab itu boleh berpindah DNA. Namun

terdapat DNA darah si mati di pintu tandas workshop SD8 gagal pula T7 memberi alasannya.

HUJAHAN PIHAK-PIHAK

[216] Peguam T1 berhujah bahawa dengan keterangan pembelaan yang dikemukakan oleh T1 , pembelaan T1 bukan pembelaan penafian kosong atau sesuatu yang direka atau difikirkan kemudian. Pembelaan T1 merupakan penjelasan yang disokong oleh keterangan saksi dan dokumen. Peguam berhujah, walaupun tidak yakin dengan kebenarannya mahkamah perlu menilai pembelaan T1 berkemungkinan benar. Tanggungjawab mahkamah ada mempertimbangkan pembelaan tertuduh. Pembelaan T1 telah dapat menyangkal keterangan pendakwaan.

[217] Peguam T3, T4, T5 dan T6 berhujah bahawa kesemua tertuduh ini tidak menganali si mati, tiada hubungan dengan si mati dan tiada motif untuk membunuh si mati. Lagipun tidak dibuktikan bahawa mereka ini berada di tempat kejadian sebagaimana pertuduhan. Semasa di tempat kemalangan berdekatan kondominium Dutamas, T3 dan T4 tidur, manakala T5 duduk di kerusi belakang Triton sedang bermain game. Saya membuat penelitian pembelaan mereka bertiga ini (T3, T4 dan T5) mereka mengambil pilihan membuat penafian semata tidak mengetahui apa yang terjadi semasa perlanggaran dan selepas perlanggaran antara Triton dan kereta si mati.

[218] Dihujahkan bahawa tiada bukti niat bersama T3, T4, T5 dan T6 dalam pembunuhan si mati.

[219] Sepanjang kes pembelaan, pendakwaan menghujahkan keterangan setiap tertuduh-tertuduh adalah bercanggah antara satu sama lain dan berlaku 'dog fighting' antara T1, Jay/SP54 dan T7. Pembelaan mereka ini tidak pernah dibangkitkan semasa saksi-saksi pendakwaan memberi keterangan terutamanya Jay/SP54. Dihujahkan oleh pasukan pendakwaan bahawa pembelaan semua tertuduh adalah pemikiran semula 'after thought' dan penafian kosong. Percanggahan-percanggahan keterangan ini disambut oleh pihak pendakwaan dengan menghujahkan bahawa pembelaan telah gagal menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan.

PENELITIAN DAN DAPATAN MAHKAMAH

[220] Mahkamah ini meneliti apa yang dimaksudkan dengan pembelaan pemikiran terkemudian atau lebih dikenali sebagai *after thought defence*. Ia adalah keterangan yang hanya dibangkitkan atau dikemukakan oleh pihak pembelaan semasa tertuduh dipanggil untuk memberikan keterangan. Dengan kata lain, keterangan tersebut tidak pernah diwujudkan oleh pihak pembelaan

semasa mereka menyoal balas saksi pendakwaan.

[221] Mahkamah ini merujuk kes *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561; [1992] 1 CLJ Rep 285; [1992] 4 CLJ 2086 yang mana Mahkamah Agong di dalam kes tersebut memutuskan seperti berikut:

> Indeed, it behoves the defence to do so (to put its case at the earliest possible stage) for we need hardly say that if a defence is sprung in court for the first time when the accused makes his defence from the witness box or the dock, so that the prosecution is taken by surprise, the accused runs the risk of being criticized for keeping his defence 'up his sleeve' so to speak, and it branded as a recent invention.

[222] Berdasarkan prinsip tersebut, mahkamah ini berpandangan bahawa kes pihak pembelaan hendaklah dibangkitkan seawal mungkin kepada saksi pendakwaan supaya pihak pendakwaan mempunyai peluang untuk melihat sama ada versi yang dibawa oleh pembelaan adalah benar atau tidak melalui keterangan yang diberikan oleh saksi pendakwaan. Selain itu juga, ianya dapat mengelak daripada pihak pendakwaan membuat *adverse comments* terhadap keterangan yang hanya dikemukakan di peringkat pembelaan sebagai satu pembelaan berbentuk pemikiran terkemudian.

[223] Mahkamah di dalam kes *Public Prosecutor v Ho Sek Kong* [2006] 2 MLJ 81; [2006] 5 CLJ 49 telah menolak pembelaan yang terjumlah kepada pemikiran terkemudian sebagaimana berikut:

> The accused chose to give sworn testimony in his defence. The accused stated that he left the house that evening, at 6pm and that the deceased was then still at home, alive. He said that SP4 was also at home when he went out but on his return at 7.45pm SP4 was no longer there. *This matter was however never put to SP4 during his cross examination, and was in direct contradiction with the evidence of SP4 who said that he went over to the house after work at 6pm. As such, this court rejected this evidence as a recent invention, an afterthought.* (See *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561; [1992] 1 CLJ Rep 285; [1992] 4 CLJ 2086*). The weight of such evidence must necessarily be diminished. (See Alcontara a/l Ambrose Anthony v Public Prosecutor* [1966] 1 MLJ 209; [1996] 1 CLJ 705). Under cross examination by the learned Deputy Public Prosecutor, the accused denied that he had attacked the deceased as a result of a quarrel. He also denied that he had a shower before leaving the house, and that he was surprised to see SP4 in the house when he came out of the bathroom. He further denied that he told SP4 on what had happened.'

[224] Saya juga membuat rujukan kepada kes *Tan Kim Ho & Anor v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 151; [2009] 3 CLJ 236 yang mana Mahkamah Persekutuan telah memutuskan seperti berikut:

> In our adversarial system of justice, the duty of each party is to show that his case is the truth. This is done by him adducing his own witnesses to support his contention. When it is the plaintiff or prosecutor who is adducing the evidence, his

witnesses are subject to cross-examination by the defence or the accused person. When a prosecution witness makes a statement of fact which is disagreed to by the defence it becomes the defence's duty to, in whatever way, put to the plaintiff or prosecution witness that what the witness has said is not true. In addition, he could also use the plaintiff's or prosecution's witnesses to adduce evidence to support his defence and to indicate what his defence is. This he is required to do to enable the plaintiff or prosecution to bring out evidence to disprove what the defence intends to adduce. If the defence does not in any way indicate by cross-examination of those facts those statements made by the plaintiff's or prosecution's witnesses must be accepted as true. Even if the plaintiff's or prosecution's witness does not say anything relating to the defence case, it is still the duty of the defence to bring out his case during the plaintiff's or prosecution's case.

[225] Antara isu baru yang ditimbulkan oleh pihak pembelaan adalah seperti berikut:

(a) semasa pihak pendakwaan membuat pemeriksaan balas, T1 mengatakan bahawa Jay/SP54 ada menyuruhnya menanggung kos guaman namun perkara ini tidak pernah dicadangkan kepada Jay/SP54 sebelum ini;

(b) T3 dan T4 di dalam keterangannya memberitahu kepada mahkamah yang mana semasa perlanggaran berlaku mereka sedang tidur di dalam kereta Triton akibat mabuk. SD12 yang membawa beer dan minum sehingga mabuk. Pembelaan ini tidak pernah diwujudkan semasa kes diperingkat pendakwaan mahupun dicadangkan kepada pegawai penyiasat sama ada ada di dalam siasatan ada diberikan maklumat tersebut;

(c) T6 di dalam keterangannya menyatakan ada melihat sesuatu terbakar dan bertanya kepada Jay/SP54 namun Jay/SP54 telah menyuruhnya untuk tidak mengambil tahu. T7 pula di dalam keterangannya memberitahu Jay/SP54 telah menuangkan minyak dan membakar kereta si mati. Kedua-dua keterangan tersebut tidak konsisten dengan keterangan keterangan Jay/SP54 dan ianya tidak pernah dicadangkan kepada Jay/SP54 semasa pemeriksaan balas oleh pihak pembelaan;

(d) T5 dan T6 di dalam keterangannya telah menyatakan bahawa terdapat sebuah kereta jenis Toyota Estima telah berhenti di belakang kereta perdana WHS 9771 selepas perlanggaran namun perkara tersebut tidak pernah dicadangkan oleh pihak pembelaan kepada Jay/SP54 semasa pemeriksaan balas;

(e) T7 di dalam pembelaannya menyatakan bahawa tujuan sebenar T3 sehingga T6 datang ke Kuala Lumpur adalah kerana T5 ingin membeli kereta Perdana WHS 9771 daripada T7. Namun pembelaan tersebut tidak pernah dicadangkan kepada Jay/SP54 semasa pemeriksaan balas sedangkan kereta tersebut digunakan oleh Jay/SP54. Sekiranya

dicadangkan kepada Jay/SP54, sudah pasti Jay/SP54 mempunyai pengetahuan berkenaan dengan jual beli kereta tersebut;

(f) T6 di dalam keterangan menyatakan bahawa perlanggaran di antara kereta Triton yang dipandunya dengan kereta si mati adalah tidak disengajakan. Namun semasa pemeriksaan balas oleh Peguambela T6 kepada Jay/SP54, perlanggaran tersebut adalah atas arahan T7;

(g) T6 di dalam pembelaannya menafikan penemuan tong drum yang mengandungi mayat si mati adalah tong drum yang sama. Namun sebelum ini, T6 yang telah menunjukkan kepada pihak polis tempat di mana tong drum mengandungi mayat si mati dibuang;

(h) T7 pula semasa disoal balas oleh pihak pendakwaan telah bersetuju ada memakai baju T-shirt warna hitam 'P44B' namun tiada penjelasan diberikan bagaimana DNA si mati boleh ada pada baju tersebut. T7 di dalam pembelaannya hanya menafikan tiada bersentuhan dengan si mati; dan

(i) T7 juga gagal di dalam pembelaannya memberikan penjelasan berkenaan dengan kesan DNA pada pintu tandas di bengkel milik SD8. Walhal di dalam keterangan Jay/SP54 mahupun SD8 mengesahkan kehadiran T7 di bengkel tersebut.

[226] Berdasarkan keterangan tersebut, ianya jelas menunjukkan bahawa pembelaan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan adalah bersifat pemikiran terkemudian. Mahkamah ini merujuk kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138, Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti berikut:

> A correct statement of the law is that failure of the defence to cross-examine the prosecution witnesses on the matter merely goes to the credibility of their testimony, to wit, the fact that they found the ammunition in the appellant's trouser pockets remains unshaken. On this point we need only say there is a general rule that failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of the witness's testimony.

[227] Atas kegagalan pihak pembelaan di dalam kes ini, maka keterangan yang dikemukakan oleh kesemua tertuduh dan saksi-saksi pembelaan terjumlah kepada suatu keterangan yang berbentuk fikiran terkemudian. Di dalam kes *Megat Halim bin Megat Omar v Pendakwa Raya* [2008] MLJU 647; [2009] 1 CLJ 154 yang mana Mahkamah Rayuan di dalam penghakimannya telah menyatakan seperti berikut:

> Although in our criminal jurisprudence, there is no burden on an accused person to prove his innocence but merely for him to raise a reasonable doubt as to his guilt, it is trite that his defence should be put to the prosecution at an early stage during the prosecution case. Failure to do so may move the trial court to dismiss a particular

line of defence as an afterthought, or a recent invention as happened in this case.

[228] Mahkamah di dalam kes *Sakri bin Yusuf v Public Prosecutor* [2011] 4 MLJ 714; [2011] 1 LNS 480 pula telah menyatakan bahawa:

> The nature of the defence is to be ascertained not only from the evidence of the accused himself but also from the trend of the cross-examination of the prosecution witnesses and from the arguments of the accused's counsel at the close of the trial. It is therefore important for the accused to put his essential and material case to the prosecution witnesses in cross-examination.

[229] Selain mendapati keterangan tertuduh-tertuduh bersifat keterangan 'after thought', di dalam membuat penilaian di akhir kes pembelaan, mahkamah ini juga membuat penilaian ke atas isi kandungan keterangan pembelaan yang dikemukakan sama ada menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan ataupun sebaliknya.

[230] T1 apabila mengatakan tidak ada memberi apa-apa arahan kepada T7 untuk mengapa-apakan si mati, kelihatan tidak selari dengan peristiwa yang berlaku. Apabila selepas kejadian kemalangan kereta si mati berdekatan Menara Duta, pada 4 September 2015, T1 telah menerima kedatangan T7 di pejabatnya di Kelang, seawal sejurus kemalangan kereta si mati berlaku. Menurut T7, beliau telah datang berjumpa dengan T1 dan menunjukkan kunci kereta si mati kepada T1. Namun semasa keterangan Jay/SP54, Jay/SP54 menyatakan T7 ada memberitahunya bahawa dia ada berjumpa T1 menunjukkan kunci kereta si mati kepada T1. Pemeriksaan balas T1 kepada Jay/SP54 atas perkara ini hanya sekadar mengesahkan bahawa Jay/SP54 ada diberitahu perkara ini sendiri oleh T7. Jelas berlaku percanggahan keterangan T1 dengan T7 atas perkara ini. Keterangan Jay/SP54 kekal sebagai T7 ada memberitahunya bahawa T7 ada memberikan kunci kereta si mati kepada T1.

[231] Keterangan bahawa Jay/SP54 diberitahu oleh T7 bahawa dia ada menunjukkan kunci kereta si mati kepada T1 adalah sesuai dengan fakta bahawa T7 memiliki kunci kereta si mati kerana T7 lah yang memandu kereta si mati keluar dari tempat kemalangan dan membawa ke bengkel SD8. T7 juga yang membakar kereta si mati.

[232] Timbul tanda tanya kenapa T7 berjumpa dengan T1 dan menunjukkan kunci kereta si mati kepada T1? Tiada siapa memberi penjelasan tentang perkara ini. T7 memberitahu tujuan beliau berjumpa T1 pada 4 September 2015 itu, semasa peristiwa mencampakkan kunci kereta si mati kepada T1 adalah kerana T7 mencurigai Jay/SP54 dan mengesyaki T1 ada melakukan sesuatu tanpa pengetahuannya. T7 menjangka T1 akan memberitahu lebih tentang si mati. Walau bagaimanapun keterangan ini tidak menjelaskan kenapa T7 mencampakkan kunci kereta si mati kepada T1. Tiada

sebab untuk T7 membawa dan menunjukkan kunci kereta si mati kepada T1 kecuali memang T1 ada kaitan dengan kemalangan kereta si mati dan kehilangan si mati. Menunjukkan kunci kereta si mati kepada T1 adalah sebagai bukti kerja telah dilaksanakan.

[233] Mahkamah ini menyorot kembali hubungan T1 dengan si mati. T1 pernah pada suatu masa semasa kes rasuahnya berjalan di mahkamah, ada membuat permohonan kepada mahkamah sesyen untuk mengeluarkan si mati daripada mengendalikan kes rasuahnya. Alasan yang dikemukakan adalah si mati mencampuri dan terlibat di dalam siasatan kes.

[234] Melalui keterangan Jay/SP54, T1 pernah merungut kepada Jay/SP54 bahawa si mati menyusahkannya kerana dari satu pertuduhan ditambah pertuduhan yang lain dan ditambah lagi beberapa pertuduhan dan T1 terpaksa menanggung kos peguamnya yang tinggi dan mungkin suatu hari T1 akan jadi miskin. T1 tidak menyangkal perkara ini. Mahkamah memetik soal balas peguam T1 ke atas Jay/SP54 atas isu ini:

(muka surat 1299 NK)

Q: Masa itu kamu pergi ke Mahkamah, you close to him lah, kamu kata kamu close to him, arahan saya, client saya apabila beliau dituduh got many charges against him in the court, selalu client saya kata ini prosecution teruklah, charge me more and more, I got more fees, I got more trouble, more bill more this and that, betul?

A: Betul.

[235] Setelah meneliti semua pembelaan, mahkamah ini dapati bahawa dalam kesemua tertuduh, hanya T1 yang ada kepentingan ke atas kematian si mati. Tiada tertuduh lain yang ada masalah berkaitan dengan si mati, kecuali T1 sahaja. Mahkamah bersetuju dengan hujahan pendakwaan bahawa T1 ada motif untuk membunuh si mati, berbanding semua tertuduh lain. Walaupun T1 menyatakan bahawa dia tiada mendapat apa-apa keuntungan ke atas kematian si mati kerana timbalan pendakwa raya silih berganti, namun tindakan T1 memohon kepada mahkamah untuk mengeluarkan si mati daripada mengendalikan pendakwaan kes rasuahnya tidak menyokong apa yang dikatakan oleh T1 ini. Bukan setakat itu saja, keterangan T1 sendiri juga bahawa isterinya yang memanggil T7 membuat upacara sembahyang untuk membuang nasib malang T1 yang dituduh rasuah, yang mana T1 sendiri juga mengeluarkan banyak wang membayar upacara sembahyang ini. Pernyataan T1 bahawa dia tiada dendam, dan memuji si mati dalam mengendalikan kes rasuahnya dan timbalan pendakwa raya silih berganti hanya tinggal pernyataan yang berlawanan dengan tindak-tanduk T1 yang gagal untuk keluarkan si mati dari kendalikan kes T1 di mahkamah sebelum ini.

[236] Panggilan telefon dan perjumpaan T1 dengan Jay/SP54 pada 4

September 2015 pula, menurut T1 pada tengah hari 4 September 2015 setelah tidak jadi membeli spark plug keretanya, T1 menelefon Jay/SP54 untuk pergi ke kedai Jay/SP54 berjumpa dengan Jay/SP54. Panggilan telefon dari T1 ini disahkan melalui rekod panggilan telefon P153(1). Walau bagaimanapun, Jay/SP54 mencadangkan T1 tidak datang ke kedainya tetapi berjumpa di stesen petronas berdakatan. Mereka berjumpa di stesen petronas di hadapan Summit. Semasa berjumpa dengan T1, Jay/SP54 menceritakan kepada T1, dalam keadaan menggigil bahawa dia nampak kesan seakan darah dari tong drum dan mengesyaki sesuatu telah berlaku kepada seseorang. Reaksi T1 mendengar aduan Jay/SP54 adalah dalam keadaan tenang dan tersenyum dan menasihati Jay/SP54 untuk 'cool down dan relax' dan menyatakan akan membawa Jay/SP54 pergi berjalan-jalan. Semasa Jay/SP54 dibawa berjalan-jalan dengan kereta sehingga pergi sembahyang di kuil di Tanjung Malim, Jay/SP54 menceritakan apa yang berlaku bahawa ada 4 lelaki bersama T7 di kedainya dan apa yang dilakukan ke atas tong drum dan semua perkara. Walau bagaimanapun menurut Jay/SP54, T1 menenangkannya dengan berkata 'you jangan ambil tahu perkara-perkara ini, you buat kerja you, you buat pengubahsuaian kedai you jangan ambil tahu apa yang dia orang buat belakang you, semuanya you jangan ambil tahu'.

[237] Pembelaan T1 adalah bahawa dia mengakui ada membuat panggilan kepada Jay/SP54 dan ada berjumpa dengan Jay/SP54 di stesen Petronas itu, tetapi menafikan ada menenangkan Jay/SP54 dengan cara yang disebut oleh Jay/SP54. T1 apabila diceritakan oleh Jay/SP54 apa yang berlaku, menyatakan (terjemahan oleh SD1 percakapan asal Jay/SP54 di dalam bahasa Tamil ke Inggeris):

> *'Ayo doctor, thanks god you called me. Selvam is in my shop. Selvam is doing something in that shop. The drum been filled with cement and something like blood is flowing. His filling the cement and he asked me to hold the tong/drum. Since you called, I ran away from him.'*
>
> SD1 membalas dan bertanya JAY/SP54:
>
> *'what are you telling me Jay? What is in the drum?*
>
> JAY/SP54 menjawab:
>
> *'I don't know doctor.'*
>
> SD1 bertanya lagi:
>
> *'What are you doing with that fellows there? Why are you getting involve with that guy?'*
>
> JAY/SP54 menjawab:
>
> *'I am not involve, doctor.'*
>
> SD1 bertanya JAY/SP54:
>
> *'What are you going to do now?*

SD1 bertanya lagi:

'if you did not involve, why did you go there?'

JAY/SP54 menjawab:

'I don't know what to do'

[238] T1 juga ada memberitahu Jay/SP54 yang beliau hendak ke Rawang dan mempelawa Jay/SP54 bersamanya jika mahu dan T1 memberitahu Jay/SP54 'if that fellow (T7) call, you just simply ignore him. It is not your problem'.

[239] Apa yang menarik dalam penceritaan T1 pada masa beliau berjumpa dengan Jay/SP54 di Stesen Minyak Petronas Summit ini, agak pelik dan tidak munasabah. Latar belakang hubungan T1 dengan Jay/SP54 adalah rakan yang rapat. Banyak hubungan T1 dengan Jay/SP54. Jay/SP54 adalah merupakan penjamin bagi isteri dan pengurus syarikat T1 dalam kes perbicaraan rasuahnya. Walau bagaimanapun, apabila Jay/SP54 menceritakan sesuatu yang tidak baik berlaku di kedainya yang dalam pengubahsuaian, T1 telah menasihatkan 'if you did not involve, why did you go there?'.

[240] Daripada sikap T1 yang sebelum itu telah bermurah hati menolong dan memberi bantuan kepada Jay/SP54 untuk mengubahsuai kedai makannya itu, tiba-tiba pula T1 tidak ambil berat apa yang berlaku di kedai makan Jay/SP54 sedangkan Jay/SP54 mengadu kepadanya berkaitan dengan kedai makan itu yang didapati ada tong drum yang ada mengalirkan seperti darah. Walaupun perkara yang diadukan oleh Jay/SP54 itu ada kaitan dengan T7, yang mana T1 sudah hendak memutuskan hubungan dengan T7, tidak munasabah T1 mengabaikan dan membiarkan Jay/SP54 dengan masalah yang melanda kedai makannya itu.

[241] Bertambah aneh apabila T1 menasihatkan Jay/SP54 'if you did not involve, why did you go there?'. Harus diingat bahawa Jay/SP54 mengadu apa yang berlaku di kedainya, bukan di tempat lain. Secara logiknya Jay/SP54 harus mengambil tahu apa yang terjadi di kedainya, mengapa pula T1 mengatakan kenapa Jay/SP54 pergi ke sana (*why did you go there*)? Ini seolah-olah T1 tidak membenarkan Jay/SP54 pergi ke kedainya sendiri dan membiarkan perkara tidak elok itu berlaku. T1 juga seperti mahu membiarkan kejadian itu berlaku di kedai Jay/SP54. Ini disokong oleh perlakuan T1 yang telah membawa Jay/SP54 keluar minum beer dan keluar berjalan sehingga ke Tanjung Malim, dalam masa yang panjang, seharian. Perlakuan T1 yang tidak menolong Jay/SP54 tentang kejadian luar biasa yang berlaku di kedai Jay/SP54, sekali lagi kelihatan tidak selari dengan sikap T1 yang dikatakan begitu rapat dengan Jay/SP54 dan pernah memberikan RM10,000 untuk Jay/SP54 mengubahsuai kedai makannya sebulan lepas.

A **[242]** Penglibatan T1 dengan T7 tidak dapat dinafikan, merujuk kepada beberapa peristiwa. Selain T7 ada menunjukkan kunci kereta si mati kepada T1, panggilan telefon antara T1 dan T7 juga menyokong bahawa T1 dan T7 ada pakatan. Walaupun T1 menafikan ada menalifon T7 pada 28 Ogos 2015, namun dalam keterangan panggilan telefon antara T1 dengan T7 bukan hanya
B sekali itu sahaja. Ada panggilan telefon lagi selepas kejadian pembunuhan itu berlaku. Dari keterangan P153 juga terdapat panggilan antara T1 dan T7 pada sekitar waktu semasa Jay/SP54 berada bersama T1 di dalam kereta menuju ke Kuil di Rawang. Malah T1 juga mengakui T7 ada menalifonnya.

C **[243]** Seterusnya T1 mengakui ada menemui T7 beberapa hari selepas 05 September 2015 dan sebelum ditangkap pada 15 September 2015 iaitu di Kuil Zon Perindustrian Bukit Raja. Menurut T1, tanpa dirancang beliau berjumpa dengan T7. Pada pagi tersebut Jay/SP54 ada menelefonnya untuk berjumpa.
D Beliau mengajak Jay/SP54 makan tengah hari di Bandar Kelang pada awalnya tetapi Jay/SP54 menukar tempat untuk berjumpa di Kuil pula. Tujuannya adalah untuk T1 memberikan pinjaman duit untuk membayar kereta Jason sebanyak RM12,000. Bila sampai di kuil tersebut dilihat Jay/SP54 bersama T7 di dalam kereta Jay/SP54.

E **[244]** Menurut T1 apabila beliau bertanyakan kepada T7 tentang tong drum tempoh hari di kedai makan Jay/SP54, secara tiba-tiba T7 bercakap kasar dengannya 'you shut up. Nothing to do with you dan none of your business' dan T7 terus ke kuil. Beliau merasa marah pada Jay/SP54 sebab pada beberapa
F hari lepas sahaja Jay/SP54 begitu marah kepada T7 tetapi hari itu Jay/SP54 datang dengan T7. T1 terus berikan duit yang dijanjikan RM12,000 dan masuk ke kuil yang sama tempat T7 masuk tadi tetapi pada bahagian yang berlainan.

G **[245]** Menurut T1, Jay/SP54 yang meminta T1 menolong Jason yang pada masa itu mengalami masalah dengan keretanya yang ditarik sebab gagal membayar ansuran bulanan. Pada bulan Julai atau Ogos sebelum ini semasa T1 berada bersama Jay/SP54 di stesyen Petronas yang sama di Summit T1 ada
H melihat Jason dan keluarganya telah kehilangan kereta sebab dirampas oleh agen bank. T1 setelah itu berhasrat untuk menolong Jason.

[246] Mahkamah ini berhenti sejenak, dan melihat kepada perkara pemberian wang dan peristiwa yang berlaku sekitar masa pemberian wang
I untuk menebus kereta Jason. Menurut keterangan Jay/SP54, tiada siapa yang meminta wang daripada T1 untuk menebus kereta Jason. Jay/SP54 tidak meminta dan T7 juga tidak meminta. Menurut Jay/SP54 lagi, kereta yang ditebus dengan wang itu adalah untuk kegunaan T7. Jawapan ini adalah daripada soal balas peguam T1 sendiri semasa Jay/SP54 memberi keterangan.

[247] Kelihatan tidak munasabah untuk T1 yang marah kepada Jay/SP54 kerana datang dengan T7. T1 juga marah kepada T7, dan telah memberikan wang yang banyak untuk menebus kereta, dan kereta itu pula untuk kegunaan T7. Dan yang agak pelik apabila wang yang T1 berikan itu tidak diminta oleh sesiapa pun.

[248] Satu perkara pelik berkenaan penebusan kereta Jason apabila Jason (SD10) menyatakan T7 yang membayar keretanya. Wang RM12,000 yang digunakan oleh T7 untuk menebus kereta adalah yang diberikan oleh Jay/SP54 kepada T7 yang didapati dari T1. Jika T1 yang membantu SD10 untuk menebus kereta itu melalui Jay/SP54, mengapa pula T7 hadir dalam cerita menebus kereta SD10? Apa kaitan T7 dalam penebusan kereta SD10? Kenapa T7 dikaitkan dengan penebusan kereta ini? Persoalan ini timbul memandangkan T7 tiada kaitan dengan Jason, tiada kaitan dengan wang yang diberikan oleh T1, dan juga tiada kaitan dengan penerimaan wang daripada T1. Malah T1 telah mengarahkan T7 menjauhi keluarganya, T1 juga telah memarahi T7 semasa kebetulan datang bersama Jay/SP54 ketika T1 menyerahkan wang RM12,000 kepada Jay/SP54. Terdahulu T1 telah menasihati Jay/SP54 supaya tidak terlibat dengan T7 semasa Jay/SP54 menceritakan ada melihat seakan darah mengalir di kedainya.

[249] Pembelaan yang diketengahkan melalui SD10 bahawa kereta yang ditebus itu diserahkan kepada T7, tidak memihak kepada T1. Keterangan T1 bahawa, telah memarahi T7 yang hadir bersama Jay/SP54 semasa hendak menyerahkan wang RM12,000 bagi menebus kereta, adalah tidak berdamai dengan fakta bahawa wang itu berada di tangan T7 kemudiannya, yang mana T7 menggunakan wang itu menebus kereta itu. Menurut SD10, T7 yang memandu kereta itu selepas dibayar kepada bank. Lagi pelik apabila kereta itu setelah ditebus digunakan oleh T7. Laporan polis D19 yang dibuat oleh SD10 menunjukkan kereta itu dalam milikan T7. Tiada apa-apa penjelasan sama ada dari SD10 dan T7 kenapa wang itu ada pada T7 dan kenapa T7 yang menggunakan kereta itu. Dalam keadaan ini keterangan Jay/SP54 bahawa sebenarnya T1 memberikan wang itu kepada T7 adalah lebih munasabah.

[250] Keterangan SD13 (Pendita Shamila) tidak dapat menyangkal bahawa T1 ada hubungan dan berhubungan dengan T7.

[251] Mahkamah ini juga melihat 'demeanour' (kelakuan) T1 semasa memberi keterangan pembelaan. *T1 ada memekik semasa memberi penjelasan.* Pada suatu masa Mahkamah Tinggi ini mendapati tertuduh memekik (menaikkan suaranya) semasa memberitahu bahawa beliau ditahan reman bersama penjenayah yang lain setakat ini selama dua tahun lima bulan di atas pertuduhan yang tidak berasas di dalam menjelaskan beliau tidak merasa marah dan berdendam kepada si mati dan hanya tomahan tanpa bukti. Reaksi

ini boleh memberi *adverse comment* terhadap beliau sendiri.

[252] Selain itu pembelaan T1 bahawa pada 6 September 2015 hari Ahad semasa sedang bersarapan dengan Jay/SP54, beliau menunjukkan paparan dalam telefon berkenaan siaran akhbar oleh polis dan memberitahu Jay/SP54 bahawa yang disyaki kereta Mr Kevin Morais. Pembelaan T1 bahawa dia menunjukkan gambar kereta si mati terbakar kerana beliau tidak memakai cermin mata dilihat sekadar alasan untuk membuat justifikasi untuk menyatakan bahawa beliau tiada kaitan dengan dengan kehilangan dan pembunuhan si mati. Jika dilihat kembali kepada pemeriksaan balas peguam T1 kepada Jay/SP54, Jay/SP544 menafikan cadangan ini.

[253] Pemeriksaan balas oleh peguambela T3, T4, T5, T6 dan T7 ke atas T1, menimbulkan beberapa tanda tanya kepada jawapan yang diberikan. Semasa disoal balas oleh peguambela tertuduh T3–T7, T1 menyatakan yang beliau tidak mempunyai bukti bahawa T7 mempunyai hubungan sulit dengan isterinya, dan hanya tahu T7 sering ke rumahnya dan rapat dengan isterinya. Beliau tidak membuat sebarang report polis atas hubungan T7 dengan isterinya sebab isterinya yang membiarkan T7 rapat dengan keluarganya. Pernyataan T1 ini dilihat sebagai bertentangan dengan keadaan bahawa beliau masih berhubung dengan T7, khususnya ada panggilan telefon kepada T7 pada 28 Ogos 2015, panggilan daripada T7 semasa beliau bersama Jay/SP54, perjumpaan di pejabatnya dan juga pemberian wang untuk menebus kereta Jason bagi kegunaan T7.

[254] Selain itu, apabila ditanya beberapa soalan, jawapan T1 adalah:

(a) berkenaan sebab kematian si mati, T1 tahu bahawa si mati meninggal sebab 'probable asphyxia'; dan

(b) simen di dalam tong drum bersama mayat si mati adalah jenis yang berbeza dengan simen di kedai makan Jay/SP54, T1 mengetahuinya.

[255] Dalam pembelaan tertuduh yang lain pula, mahkamah ini mendapati bahawa terdapat keterangan-keterangan pernyataan yang tidak menimbulkan keraguan munasabah dan tidak berasas. T3 menyatakan dia tinggal di Subang Jaya, tetapi tiada penjelasan mengapa dia perlu bersama-sama dengan T4, T5 dan T6 menginap di hotel selama dua hari itu. Apa yang menariknya T3 pada asalnya memperkenalkan T5 kepada T7 sebagai orang yang berminat hendak membeli kereta T7. Kenapa perlu T3 yang mempunyai rumah di Subang menginap bersama-sama dengan T4, T5 dan T6 di hotel, dan masih menginap di hotel juga walaupun setelah test drive telah dibuat dan setelah T5 bersetuju membeli kereta itu. Inferen adalah mereka semua adalah berpakat untuk menginap di hotel dan berpakat dalam semua tindakan dalam tempoh itu.

[256] T3 mengakui ada bersama semasa pergi ke Dutamas pada 3 September 2015 dan 4 September 2015 bersama-sama dengan T4–T7. Tiada penjelasan mengapa T3 pergi ke sana bersama-sama kesemua tertuduh itu, sedangkan beliau tiada urusan bersama mereka, sebagaimana tiada alasan mengapa tinggal di hotel.

[257] T3 juga semasa kemalangan di Dutamas menyatakan beliau hanya tersedar dari tidur apabila berlaku kemalangan. Beliau pada masa itu tertidur kerana mabuk. Sekali lagi pernyataan T3 bahawa beliau tidur pada masa itu adalah suatu perkara baru yang tidak pernah dicadangkan kepada mana-mana saksi pendakwaan.

[258] Begitu juga dengan T4, yang datang dari Kedah bersama-sama dengan T5, T6 dan T7. Tiada apa-apa urusan mengapa beliau datang ke Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun T4 sentiasa ada bersama-sama T3, T5 dan T6 ketika dua kali di Syed Bistro, ketika dua kali pergi ke kondo si mati dan membuat pemerhatian. Untuk tujuan apa T4 berada bersama-sama di setiap tempat dengan tertuduh-tertuduh lain? Seawal tujuan datang ke Kuala Lumpur lagi, T4 tiada penjelasan. Kalau T5 dan T7 datang untuk membeli kereta, T4 datang untuk apa? Jika T4 datang Kuala Lumpur untu enjoy, kenapa T4 bergantung kepada T7 untuk mendapatkan hotel?. Tidakkah ini menunjukkan T4 adalah di bawah kendalian T7? T4 juga tiada urusan berkenaan pembelian kereta. Selepas berlaku pembunuhan si mati dengan keretanya dibakar, tidak semena-mena T4 ini mendapat panggilan daripada bapanya meminta untuk balik ke Kedah kerana perlu masuk kerja pada 6 September 2015.

[259] Keterangan bapanya SD13, ada membuat panggilan meminta T4 balik ke Kedah kerana T4 ada temuduga kerja yang diuruskan oleh kawan T4. Walau bagaimanapun, apabila T4 sampai di Kedah, T4 tidaklah pula menghadiri temuduga. Alasan kerana kawan T4 juga tidak pergi temuduga adalah dangkal.

[260] T5 pula adalah orang yang hendak membeli kereta daripada T7. Menurut T5 kehadirannya ke Kuala Lumpur untuk membeli kereta. Pembelaan T5, beliau datang ke Kuala Lumpur diaturkan oleh T3 untuk membeli kereta. T5 pergi melihat kereta itu pada pagi 3 September 20215 di rumah Jay/SP54, tidak pernah pun diajukan kepada Jay/SP54 untuk disahkan kehadiran beliau dan melihat kereta sebagai kereta yang hendak dibeli pada masa itu.

[261] T5 mengatakan datang untuk membeli kereta, tetapi apabila sampai di Kuala Lumpur T5 menginap di hotel yang mana hotel itu dibayar oleh T7. Kenapa sehingga T7 yang membayar hotel T5? Tidak munasabah T5 seorang

pembeli kereta T7 ditanggung oleh T7. Sebelum ini T4 juga T7 yang tanggung bayar wang hotel walaupun T4 tiada tujuan datang ke KL. Lagi tidak munasabah apabila T5 meminta T7 mendapatkan hotel yang lain pula pada hari kedua. Nampaknya T7 yang menguruskan T5 semasa di Kuala Lumpur. Ini tidak dapat menyangkal bahawa T5 adalah ada pakatan dengan T7 sedangkan menurut T5 dan T3, T5 hanya menumpang sahaja T7 datang ke Kuala Lumpur. T5 pada asalnya hendak datang sendiri ke Kuala Lumpur dengan bas sahaja. T5 sekarang bukan sahaja menumpang kereta T7 datang ke Kuala Lumpur tetapi seakan-akan bergantung keapda T7 segala-galanya sepanjang berada di Kuala Lumpur.

[262] Walaupun dikatakan tujuan utama T5 datang ke Kuala Lumpur untuk membeli kereta, namun T5 mengakui tidak membawa apa-apa wang untuk membayar kereta itu. Dalam masa yang sama, setelah bersetuju kepada pembelian kereta itu, tidakpun meminta untuk dibaiki kereta itu, tetapi T7 yang hendak membaiki kereta itu. Ia berakhir dengan T5 balik ke Kedah menaiki bas, tanpa membayar harga kereta, tanpa membawa pulang kereta.

[263] Lebih tidak menimbulkan keraguan munasabah kehadiran T5 ke Kuala Lumpur untuk membeli kereta T7, walaupun tidak dibawa pulang oleh T5, kereta itu kemudiannya menurut T7, dibawa ke Kedah oleh T6 dan disimpan di rumah mertua T7. Kereta itu dijumpai oleh polis, ada di Kedah, tetapi tidak pernah diserahkan kepada T5 yang dikatakan hendak membeli kereta itu. Kalau benar T5 ke Kuala Lumpur untuk membeli kereta Perdana itu, dan T7 memegang lagi kereta tidak diserahkan kepada T5 kerana perlu dibaiki, dan akan diserahkan keapda T5 di Kedah, kenapa pula kereta itu setelah dibawa ke Kedah, tidak diserahkan kepada T5? Kereta itu berada di rumah mertua T7 sehingga dirampas polis ketika T7 di dalam reman. Yang anehnya, di dalam kereta itu ada lagi baju T7 yang mempunyai DNA T7 dan DNA si mati. Ini tentu sekali tidak menunjukkan ada niat T7 akan menyerahkan kereta itu kepada T5 sebagai menjual kereta itu kepada T5. Kalau hendak dijual, kenapa masih ada barang kepunyaan T7 didalam kereta itu, dan kenapa diletakkan di rumah mertuanya, tidak diserah kepada T5?

[264] Selain itu semasa soal balas peguambela T5 kepada Jay/SP54 mencadangkan bahawa T7 ada beritahu Jay/SP54 yang T3, T4, T5 dan T6 datang ke Kuala Lumpur untuk 'enjoy', tidak pula dicadangkan datang untuk membeli kereta.

Pemeriksaan Balas (En Rajehgopal) kepada Jay/SP54:

Q: OKT 7 juga telah memberitahu kamu sebelum beliau sampai ke PJ bahawa dia akan membawa bersama dia nephew dia bernama Nimalan yang baru balik dari Singapore dan 3 orang yang lain untuk datang enjoy di KL?

A: Tidak Setuju

Oleh itu pembelaan ini dikira perkara baru dan tiada pernah disebut sebelum ini tentang tujuan T5 datang ke Kuala Lumpur.

[265] Menurut T5, beliau pulang ke Kedah pada 5 September 2015, dengan bas bersama-sama T4. Sebelum itu T5 ada menyatakan bahawa setelah T7 mengatakan kereta yang hendak dibeli tidak dapat diserahkan lagi, beliau tidak tahu hendak ke mana dan dengan itu meminta T7 mencari hotel. T7 mendapatkan hotel berdekatan dengan rumah Jay/SP54 dan menginap di situ pada 4 September 2015. Yang menjadi persoalan kenapa T5 tidak terus pulang ke Kedah ketika urusan beli kereta telah selesai. Kenapa menunggu untuk balik Kedah pada 5 September 2015, balik bersama-sama T4? T5 balik ke Kedah apabila semua perkara berkaitan dengan perlanggaran kereta si mati, kehilangan si mati, kereta si mati telah dibakar telah selesai.

[266] Oleh itu pembelaan T5 tidak menimbulkan keraguan munasabah bahawa beliau tidak terlibat sama dengan T3, T4, T6 dan T7 atas kematian si mati.

[267] T6 adalah anak saudara kepada T7, yang memandu Triton datang ke Kuala Lumpur bersama-sama dengan T4–T7. T6 menginap bersama-sama T3, T4 dan T5. T6 yang memandu Triton semasa berlanggar dengan kereta si mati. T6 juga yang pergi membeli tong drum, mengisi simen ke dalam tong drum, ada bersama semasa T7 mengecat tong drum dan T6 bersama-sama T7 membuang tong drum itu dan kemudian membersihkan kedai Jay/SP54 setelah dibuang tong drum itu.

[268] T7 pula adalah tertuduh yang terlibat dalam semua tempat kejadian dalam episod kehilangan si mati sehingga si mati ditemui di dalam tong drum di sebuah paya di USJ. Pembelaan T7 bahawa semua tempat yang beliau hadir, semua tindakan yang beliau lakukan adalah atas arahan Jay/SP54.

[269] Keterangan-keterangan berikut tidak menunjukkan Jay/SP54 yang memberi arahan kepada T7:

(a) menurut T7, Jay/SP54 mengarahkan T7 dan T3–T6 ke kondominium si mati pada 3 September 2015 dan 4 Mei 2015. Sebaliknya keterangan T7 sendiri mengakui bahawa Jay/SP54 hanyalah pemandunya sahaja. Jay/SP54 telah ditinggalkan kereta kepadanya untuk memudahkan Jay/SP54 mengambilnya semasa T7 datang ke Kuala Lumpur. Tidak mungkin Jay/SP54 pula yang mengarahkan T7 sedangkan Jay/SP54 adalah pemandu sahaja;

(b) Jay/SP54 yang mencadangkan menyewa hotel di PJ dan Jay/SP54 yang mendaftarkan hotel atas namanya dan membayar hotel, walhal yang hendak menginap adalah orang-orang yang datang bersama T7, bukan

datang dari Kedah dibawa oleh Jay/SP54. Keterangan Jay/SP54 juga bahawa wang bayaran hotel adalah diberikan oleh T7. T7 tidak menangkis keterangan Jay/SP54 ini semasa Jay/SP54 memberi keterangan;

(c) Jay/SP54 yang mengajak pergi ke kondominium si mati pada pagi 4 Mei 2015 sedangkan Jay/SP54 memandu membawa T7 untuk berjumpa dengan si mati yang meminjam wang. Ini telah dinafikan oleh Jay/SP54 dan menegaskan Jay/SP54 tidak pernah mengambil hutang daripada pelanggan tanpa arahan T7;

(d) didakwa Jay/SP54 yang mengarahkan membeli tong drum dan mengecatnya untuk dibuat security kedai makannya. Walau bagaimanapun keterangan SD8 (Murugan) bahawa T7 yang bertanya SD8 di mana boleh dibeli tong drum dan SD8 beritahu bahawa kedai besi buruk banyak disekitar bengkel SD8 untuk dibeli tong drum. Bukan Jay/SP54 yang ingin membeli tong drum tetapi T7 yang mencari tong drum;

(e) T7 juga yang membeli cat merah dan mengecat tong drum tersebut. Jay/SP54 telah menafikan berkehendakkan sebuah tong drum untuk security di kedainya. Macam mana pula Jay/SP54 dikatakan meminta T7 membeli cat dan berus. Apa yang berlaku pun ke atas tong drum tersebut semuanya adalah tindakan T7. T7 yang membeli cat dan berus, T7 yang kemudian mengecat tong drum itu dengan cat merah, T7 yang mengisi dengan simen, T7 juga yang membuang tong drum itu dan T7 juga yang mengarahkan T6 dan T3 mencuci tempat tong drum itu di kedai Jay/SP54;

(f) dikatakan oleh T7 bahawa Jay/SP54 mengarahkannya membuang tong drum kerana Jay/SP54 tidak mahu lagi menggunakan tong drum itu. Kalau benar hendak membuang tong drum itu, kenapa pula T6 dan T7 beria-ia benar membuang dan membersihkan tempat tong drum di kedai Jay/SP54 semasa Jay/SP54 tiada dan tidak menunggu menguruskan membuang tong drum dan membersih sehingga Jay/SP54 pulang. Jay/SP54 juga dikatakan mengarahkan membersihkan kedai, namun semasa membersihkan kedai, Jay/SP54 tiada bersama. Jay/SP54 berada bersama dengan T1 pada masa ini. T7 meminta T3 menunggu kedai itu sehingga Jay/SP54 pulang. Sehingga ke malam apabila Jay/SP54 tidak pulang, barulah ditutup kedai itu;

(g) Jay/SP54 dikatakan mengarahkan untuk kereta si mati diserahkan kepada 'Kevin' (si mati). Pembelaan T7 adalah beliau yang memandu kereta si mati sehingga ke Hutan Melintang dan akhirnya Jay/SP54 membakar kereta si mati. Kalau Jay/SP54 yang ingin menyerahkan kereta kepada si mati, kenapa T7 yang mengikuti pada masa itu bersama T6 membawa bersama grinder {P109B} yang digunakan oleh T7 sendiri

untuk memotong nombor chasis dan nombor injin kereta itu dan dibuang di Kuala Selangor (grinder {P109B} itu dalam siasatan polis dijumpai hasil ditunjuk oleh T7). Grinder {P109B} itu tiada kaitan dengan Jay/SP54. Tiada sebab kenapa Jay/SP54 hendak membuang grinder {P109B} itu. Terdahulu T7 yang memotong nombor chasis dan nombor injin kereta si mati. Ini keterangan SD8 (Murugan). Tidak munasabah Jay/SP54 yang mengarahkan kereta itu dibawa ke Hutan Melintang, dan T7 yang membuang grinder {P109B} yang ada kaitan dengan T7 dengan kereta itu. T7 adalah mengetahui bahawa kereta si mati telah dipotong nombor chasis dan nombor injin, kenapa pula dikatakan Jay/SP54 hendak menyerahkan kepada si mati; dan

(h) Jay/SP54 yang didakwa telah membakar kereta si mati. Pada masa kereta si mati dibawa ke Hutan Melintang, T7 dan T6 ada bersama. Walau bagaimanapun T7 yang membeli empat tin minyak petrol. SD8 membeli petrol atas arahan T7. Petrol itu tiada apa-apa kaitan dengan Jay/SP54. Ia dibeli oleh SD8, diserahkan kepada T7 dan T7 yang masukkan ke dalam Triton dan bawa kepada kereta si mati dan masukkan ke dalam kereta si mati. Petrol ini juga digunakan untuk membakar kereta si mati. Jadi semua perlakuan membakar kereta si mati , sedangkan semua persiapan untuk membakar kereta itu dibuat oleh T7. T7 memberi alasan membeli petrol kerana kereta si mati berkurangan kenapa tidak di isi ke dalam tangki kereta si mati tetapi di arah SD8 membeli di dalam tong. Sekadar ada alasan sahaja walaupun gagal menimbulkan keraguan munasabah alasan itu.

[270] Selain itu yang dibangkitkan juga oleh T6 dan T7 adalah:

(a) T6 di dalam keterangan menyatakan bahawa perlanggaran di antara kereta Triton yang dipandunya dengan kereta si mati adalah tidak disengajakan. Namun semasa pemeriksaan balas oleh peguambela T6 kepada Jay/SP54, perlanggaran tersebut adalah atas arahan T7;

(b) T6 di dalam pembelaannya menafikan penemuan tong drum yang mengandungi mayat si mati adalah tong drum yang sama. Namun sebelum ini, T6 yang telah menunjukkan kepada pihak polis tempat di mana tong drum mengandungi mayat si mati dibuang;

(c) T7 pula semasa disoal balas oleh pihak pendakwaan telah bersetuju ada memakai baju T-shirt warna hitam 'P44B' namun tiada penjelasan diberikan bagaimana DNA si mati boleh ada pada baju yang dipakainya tersebut. T7 hanya menafikan tiada bersentuhan dengan si mati; dan

(d) T7 juga gagal di dalam pembelaannya memberikan penjelasan berkenaan dengan kesan DNA pada pintu tandas di bengkel milik SD8 (Murugam), walhal di dalam keterangan Jay/SP54 mahupun SD8 mengesahkan kehadiran T7 di bengkel tersebut.

[271] Berdasarkan keterangan yang dinyatakan, ianya jelas menunjukkan bahawa tertuduh-tertuduh hanya kemukakan pembelaan bersifat berlawanan dengan tidak-tanduk dan kelakuan mereka. Walaupun membawa saksi namun tiada keterangan yang dapat menyokong pembelaan yang dibangkitkan bagi menimbulkan keraguan munasabah.

TANGGUNGJAWAB MAHKAMAH DI AKHIR PEMBELAAN

[272] Tanggungjawab mahkamah ini di akhir kes adalah untuk menentukan sama ada pihak tertuduh berjaya menimbulkan keraguan munasabah di dalam kes ini. Manakala pihak pendakwaan sama ada telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah berdasarkan kesemua keterangan yang dikemukakan. Dengan kata lain, mahkamah ini hendaklah membuat penelitian dan penilaian terhadap pembelaan yang diutarakan oleh kesemua tertuduh dan memutuskan sama ada penerangan dan pembelaannya telah dapat menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan atau ketidakbersalahannya.

[273] Tanggungjawab mahkamah diakhir kes pembelaan telah dijelaskan di dalam kes *Kenneth Fook Mun Lee v Public Prosecutor* [2007] 2 MLJ 130; [2006] 4 CLJ 359 seperti berikut:

> ... s 180 of the Criminal Procedure Code ('CPC') provides that when the case for the prosecution is concluded, the court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused and if the court finds a prima facie case has been made out against the accused on the offence charged the court shall call upon the accused to enter on his defence. We do not think it is the duty of the court at that stage to anticipate or speculate any defence that has not been raised and give due consideration to it. More so, a defence categorically denied to be the line of defence to be taken as in this case. Consequently, section 181 of the CPC provides that when the accused is called upon to enter on his defence, he or his advocate may then open his case, stating the facts or law on which it intends to rely and making such comment as he thinks necessary on the evidence for the prosecution. He may then examine his witnesses and consequently sum up his case. Section 182A of the CPC provides that at the conclusion of the trial, the court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.

[274] Saya juga merujuk kes *Abdullah bin Jacomah v Public Prosecutor* [2002] 6 MLJ 324; [2002] 8 CLJ 1, yang mana mahkamah memutuskan seperti berikut:

> ... The law governing a proper appraisal of a defence that has been advanced is well settled. It requires a consideration of all the evidence that have been adduced in support of the defence (see *Chang Lee Swee v Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 75; *Mohamed Shariff v Public Prosecutor* [1964] MLJ 64). *A court must consider carefully*

whether a defence that has been put forward is capable of raising a reasonable doubt in the prosecution case ...

[275] Saya merujuk s 182A Kanun Tatacara Jenayah yang telah memperuntukkan seperti berikut:

182A Procedure at the conclusion of the trial

(1) At the conclusion of the trial, the Court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.

(2) If the Court finds that the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall find the accused guilty and he may be convicted on it.

(3) If the Court finds that the prosecution has not proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall record an order of acquittal'

[276] Namun apa yang dimaksudkan dengan keraguan munasabah tidak ditakrifkan di dalam s 182A KTJ. Apa itu keraguan munasabah ada diputuskan di dalam kes *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 LNS 115 seperti berikut:

As the learned magistrate seems to have ignored the very basic principle of criminal law, it may perhaps serve a useful purpose to remind those administering justice in the lower Courts that evidence discloses a prima facie case when it is such that if uncontradicted and if believed it will be sufficient to prove the case against the accused.

The following definition of 'reasonable doubt' is often quoted:

> It is not mere possible doubt, because everything relating to human affairs and depending upon moral evidence is open to some possible or imaginary doubt. It is that state of the case which after the entire comparison and consideration of all the evidence leaves the minds of the jurors in that condition that they cannot say they feel an abiding conviction to a moral certainty of the truth of the charge.

It has again been said that 'reasonable doubt' is the doubt which makes you hesitate as to the correctness of the conclusion which you reach. If under your oaths and upon your consciences, after you have fully investigated the evidence and compared it in all its parts, you say to yourself I doubt if he is guilty, then it is a reasonable doubt. It is a doubt which settles in your judgment and finds a resting place there'. Or as sometimes said, it must be a doubt so solemn and substantial as to produce in the minds of the jurors some uncertainty as to the verdict to be given. A reasonable doubt must be a doubt arising from the evidence or want of evidence and cannot be an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence.

[277] Mahkamah ini juga merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 sebagaimana berikut:

Proof beyond reasonable doubt involves two aspects. While one is the legal burden on the prosecution to prove its case beyond reasonable doubt the other is the evidential burden on the accused to raise a reasonable doubt. Both these burdens can only be fully discharged at the end of the whole case when the defence has closed its case. Therefore a case can be said to have been proved beyond reasonable doubt only at the conclusion of the trial upon a consideration of all the evidence adduced as provided by s 182A(1) of the Criminal Procedure Code. That would normally be the position where the accused has given evidence. However, where the accused remains silent there will be no necessity to re-evaluate the evidence in order to determine whether there is a reasonable doubt in the absence of any further evidence for such a consideration. The prima facie evidence which was capable of supporting a conviction beyond reasonable doubt will constitute proof beyond reasonable doubt.

[278] Saya juga merujuk kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ Rep 311; [1991] 3 CLJ 2073 yang mana Mahkamah Persekutuan di dalam kes tersebut menyatakan seperti berikut:

We are of the view that whenever a criminal case is decided on the basis of the truth of the prosecution's case as against the falsity of the defence story, a trial judge must in accordance with the principle laid down in *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263; [1963] 1 LNS 82 go one step further before convicting the accused by giving due consideration as to why the defence story, though could not be believed, did not raise a reasonable doubt in the prosecution case. Thus, even though a judge does not accept or believe the accused's explanation, the accused must not be convicted until the court is satisfied for sufficient reason that such explanation does not cast a reasonable doubt in the prosecution case. To satisfy this test it is not so much the words used by the judge, but rather the actual application of the test to the facts of the case that matters. In this case, we found that the learned trial judge offered practically no reason why the defence, notwithstanding its falsity and unconvincing nature, had failed to cast reasonable doubt in the prosecution case, other than to state by way of lip service the duty placed by the law on the defence to earn an acquittal.

It is a well-established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused for the offence with which he is charged. There is no similar burden placed on the accused to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt in the prosecution case. In the course of the prosecution case, the prosecution may of course rely on available statutory presumptions to prove one or more of the essential ingredients of the charge. When that occurs, the particular burden of proof as opposed to the general burden, shifts to the defence to rebut such presumptions on the balance of probabilities which from the defence point of view is heavier than the burden of casting a reasonable doubt, but it is certainly lighter than the burden of the prosecution to prove beyond reasonable doubt. To earn an acquittal at the close of the case for the prosecution under s 173(f) or s 180 of the Criminal Procedure Code, the court must be satisfied that no case against the

accused has been made out which if unrebutted would warrant his conviction (*Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492). If defence is called, the duty of the accused is only to cast a reasonable doubt in the prosecution case. He is not required to prove his innocence beyond reasonable doubt.

To earn an acquittal, the court may not be convinced of the truth of the defence story or version. Raising a reasonable doubt in the guilt of the accused will suffice. It is not, however, wrong for the court to be convinced that the defence version is true, in which case the court must order an acquittal. In appropriate cases it is also not wrong for the court to conclude that the defence story is false or not convincing, but in that instance, the court must not convict until it asks a further question, that even if the court does not accept or believe the defence explanation, does it nevertheless raise a reasonable doubt as to his guilt? It is for this reason that in dealing with the defence story or explanation, the majority of judges rightly prefer to adopt straightaway the legally established 'reasonable doubt' test, rather than to delve in the 'believable and convincing' test before applying the 'reasonable doubt' test.

[279] Berdasarkan prinsip-prinsip yang dinyatakan di atas, ianya adalah menjadi tanggungjawab mahkamah ini untuk meneliti dan menilai sama ada pihak pembalaan telah berjaya nenimbulkan keraguan yang menusabah terhadap kes pihak pendakwaan. Sekiranya pihak pembelaan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah maka kesemua tertuduh akan dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan. Jika sebaliknya maka pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah dan kesemua tertuduh akan disabitkan dengan kesalahan sebagaimana pertuduhan yang dibuat ke atas mereka.

KESIMPULAN

[280] Setelah meneliti dan membuat keseluruhan penilaian terhadap kesemua keterangan yang dikemukakan di hadapan mahkamah ini, saya mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 182A(1) KTJ.

[281] Dengan kata lain, kesemua tertuduh telah berjaya dibuktikan melampau keraguan munasabah oleh pihak pendakwaan melakukan kesalahan membunuh si mati sebagaimana pertuduhan di bawah s 302 KK.

[282] Saya kemudiannya merujuk kes *Public Prosecutor v Yusof bin Saruan* [2019] 6 MLJ 667; [2019] 7 CLJ 190 yang mana Mahkamah Rayuan, antara lain, memutuskan seperti berikut:

... [17] It is a fundamental principle in criminal law that the burden of proving any criminal charge is on the prosecution throughout the case and never shifts to an accused person. If the prosecution fails to discharge this burden, the case made out

may be one of culpable homicide not amounting to murder as depicted in s 299 of the Penal Code. So the question before us, and indeed the trial judge, was whether the elements of the charge of murder under s 300 of the Penal Code had been established beyond reasonable doubt.

[283] Selaras dengan peruntukkan di bawah s 182A(2) KTJ, kesemua tertuduh dengan ini didapati bersalah kerana atas niat bersama telah membunuh si mati dan disabitkan dengan kesalahan tersebut serta dihukum sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah s 302 KK

[284] Oleh yang demikian, kesemua tertuduh dihukum gantung sampai mati selaras dengan peruntukkan di bawah s 302 KK.

Tertuduh-tertuduh disabitkan dan tertuduh-tertuduh dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh